

26 OGOS 2021 (KHAMIS)



MESYUARAT PERTAMA

PENGGAL KEEMPAT

DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2021

SHAH ALAM, 26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Datuk Rizam bin Ismail, P.M.W. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, D.M.S.M., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari,
P.S.D., S.M.S., J.P. (Selat Klang)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

TIDAK HADIR (Dengan Maaf)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

**Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Salim Bin Soib @ Hamid, D.S.D.K., P.K.T.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Haji Haris Bin Kasim, D.P.M.S., S.I.S., A.S.A, P.P.T.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Bentara

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi
Puan Nurul Liana binti Musa
Pelapor Perbahasan

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

DEWAN BERSIDANG PADA JAM 10.00 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN : Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Penggal Ke Empat Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas pada 26 Ogos 2021 dimulakan dengan bacaan doa.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahirrahmanirrahim.* Bacaan Doa.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan mesyuarat yang seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Salam sejahtera. Selamat pagi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dif-dif jemputan dan para pemerhati. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pagi ini saya menerima laporan *feedback* daripada semua Jabatan, Ahli-ahli Dewan juga urus setia mengenai kendiri *rapid test kit* yang dibuat di rumah oleh masing-masing, syukur *Alhamdulillah* keputusannya semuanya negatif. Saya ucapan tahniah kepada semua. Kita teruskan tertib kita supaya pastikan kesihatan kita dan keselamatan diri dan keluarga, kawan-kawan semua terjaga dan terbela. Baik saya mempersilakan Lembah Jaya.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PENINGKATAN KES PENDERAAAN DAN MENTAL

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha yang dilakukan serta perancangan masa depan JK Tetap Hal Ehwal Agama Islam bagi menangani isu penderaan dan mental?
- b) Berapa banyak kes yang telah berjaya ditangani dan berjaya sehingga ke peringkat memberi pembelaan kepada mangsa? Nyatakan kes-kes tersebut.

JAWAPAN :

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih. *Bismillahirrahmanirrahim.* Tuan Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Lembah Jaya. Saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Tuan Mohd Zawawi untuk soalan 25 dan saya tidak mengambil soalan tambahan selepas ini. Soalan Yang

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Berhormat Lembah Jaya bertanya mengenai perancangan masa depan Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Bagi Menangani Isu Penderaan dan Mental, dan mengenai kes-kes yang berjaya ditangani dan berjaya sehingga ke peringkat memberi pembelaan kepada bangsa. Yang Berhormat Lembah Jaya, Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam melalui JAIS sedang menggerakkan fungsi Pusat *Islamic, Saviour, Obedience* (ISO) JAIS Prihatin di setiap daerah Negeri Selangor. Pusat tersebut berperanan sebagai penyelaras atau koordinator khidmat nashiat, bimbingan dan runding cara secara percuma kepada masyarakat. Peranan pusat ini juga termasuklah dalam hal menerima panggilan berkaitan penderaan mental dan fizikal serta merujuk kes kepada pihak yang berbidang kuasa seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Polis Diraja Malaysia sekiranya perlu. Bidang kuasa JAIS bukanlah seperti pihak PDRM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menangani kes-kes penderaan yang berlaku. JAIS hanya berbidang kuasa tentang urusan perkahwinan dan hak-hak serta tanggungjawab kepada pasangan suami isteri dan anak-anak sahaja. JAIS juga akan mencadangkan beberapa tindakan yang boleh dilaksanakan seperti mengikuti bimbingan, runding cara dan permohonan fasakh mengikut Seksyen 53 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 sekiranya perlu berkenaan isu penderaan ini. Jumlah kes keganasan rumah tangga bagi bulan Januari hingga Mei 2021 yang didaftarkan untuk diberikan bimbingan dan runding cara adalah sebanyak 191 kes mengikut pecahan daerah. Petaling 69, Klang 16, Gombak 28, Hulu Langat 38, Kuala Langat 14, Hulu Selangor 3, Kuala Selangor 6, Sabak Bernam 2, Sepang 15. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Soalan 26 telah dijawab bersekalian dengan soalan nombor 11. Saya mempersilakan Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMAED SUPRI : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan dari Taman Medan nombor 27.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI (N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : TAUILAH MENGAJAR AGAMA ISLAM KEPADA AKTIVIS ORGANISASI POLITIK

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah benar individu berstatus ahli politik tidak akan diberikan tauliah mengajar agama Islam di Selangor?
- b) Apakah definisi ahli politik mengikut takrifan yang diguna pakai dalam pentauliahan?

- c) Berapakah jumlah ahli politik yang pernah atau masih memegang tauliah mengajar agama Islam di Selangor?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Saya sekali mohon izin Dewan untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat YB Zawawi atau pun Ahli Dewan Negeri EXCO Kerajaan Negeri yang pada ketika ini masih dalam tempoh kuarantin. Terima kasih juga kepada Taman Medan yang bertanyakan soalan. Untuk soalan (a) atau pun soalan pertama, individu berstatus ahli politik yang memohon tauliah mengajar tidak akan diberikan Tauliah Mengajar Agama Islam di Negeri Selangor. Jawatankuasa Tauliah MAIS pada 6 April 2021 telah memutuskan bahawa, mana-mana ahli politik yang mempunyai Tauliah Mengajar dan masih berkuat kuasa, adalah dikekalkan sehingga tamat tempoh sah tauliah dengan syarat individu berstatus ahli politik menyampaikan ceramah tanpa menyentuh isi-isu politik kepartian, mengaitkan individu tertentu, menyebar fitnah serta dapat menjaga akhlak dan terus menjaga kemuliaan masjid dan surau sebagai pusat ilmu dan pusat dakwah setempat. Perkara ini telah diperkenankan oleh Ahli Dewan di Raja Selangor dalam sidang Mesyuarat Dewan di Raja Selangor Yang Bersidang pada 4 Mac 2019 atau pun Mesyuarat Dewan di Raja Selangor bilangan ke 151.

Bagi soalan (b), buat masa ini, tafsiran yang digunakan oleh Jawatankuasa Tauliah MAIS, ahli politik adalah mereka yang jelas menganggotai mana-mana parti politik. Satu cadangan pindaan juga telah dicadangkan kepada MAIS bagi memberi tafsiran ahli politik di dalam Peraturan Tauliah yang diwujudkan.

Jumlah Ahli Politik yang masih memegang Tauliah Mengajar Agama Islam dan sah sehingga tamat tempoh mereka di Negeri Selangor adalah seramai 31 orang. Terima kasih.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Baik. Mengikut jawapan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat sebentar tadi, mesyuarat yang bertarikh 6 April 2021 menetapkan sedemikian tetapi pihak Jawatankuasa Tetap Tauliah, Majlis Agama Islam Selangor telah tidak menyambung tauliah beberapa individu yang kategori sebab dia politik sejak bulan November 2020 termasuklah Taman Medan sendiri, jadi bagaimanakah pelaksanaan itu sesuatu yang belum diputuskan lagi mengikut mesyuarat tetapi telah dilaksanakan? Apa pandangan Yang Amat Berhormat?

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sebagaimana yang saya jelaskan dalam jawapan tadi bahawa tamat tempohnya ialah tamat tempoh dua tahun atau setahun daripada tarikh kelulusan tauliah yang dikeluarkan. Jadi bila ada *review* ataupun *renew* dengan izin ataupun pembaharuan semula tauliah-tauliah tersebut, semua yang mempunyai jawatan-jawatan jelas dalam politik tidak dibenarkan untuk menyambung tauliah masing-masing. Itu adalah keputusan yang telah diputuskan oleh Majlis Agama Islam dan kemudian telah dimuktamadkan pun telah mendapat perkenan ketika Sidang Dewan di Raja Negeri Selangor Bilangan 151 2019. Maknanya sapa yang selepas 2019, 2018 yang bertanding dan jelas bertanding dan sebagainya itu tidak lagi mempunyai tauliah selepas tamat tempoh mereka, tamat tempoh mungkin ada tahun 2020, mungkin ada 2021 ia bergantung pada tarikh pemberian tauliah yang telah dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Jabatan Agama Islam. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : CADANGAN LEBUHRAYA PJD LINK

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah status cadangan pembinaan lebuhraya PJD Link di Petaling Jaya?
 - Apa kelulusan yang sudah diberi kepada syarikat?
 - Apa kelulusan yang belum diberi, tetapi diperlukan oleh syarikat sebelum pembinaan dapat mula?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Bukit Gasing bertanyakan soalan berhubung dengan status pembinaan lebuhraya PJD Link di Petaling Jaya sama ada kelulusan sudah diberi atau kalau diberi adakah apa syarat-syarat yang ditetapkan sebelum pembinaan dapat dimulakan. Ahli Yang Berhormat Bukit Gasing, lebuhraya yang dimaksudkan itu ialah cadangan lebuhraya di *Petaling Jaya Dispersal Link* (PJD Link) yang melibatkan pembinaan lebuhraya empat lorong dua hala bertingkat

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

sepenuhnya atau *fully elevated* dari Damansara ke Kinrara melalui Petaling Jaya di Seksyen 12, 17, PJ New Town dan PJ Old Town sepanjang 25.42 kilometer terdiri daripada 14.42 kilometer laluan utama atau *main line* dan 11 kilometer susur tanjak atau *ramp* dengan anggaran kos RM2.689 Bilion dan kos pengambilan tanah dan berkaitan RM735 Juta. PJD Link ini akan menghubungkan NKVE, Sprint, Federal Highway 2, KESAS dan juga Bukit Jalil highway. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah memaklumkan bahawa cadangan pembinaan lebuh raya *Petaling Jaya Dispersal Link* (PJD Link) di Petaling Jaya pada masa ini sedang dalam proses rundingan antara pihak Kerajaan Persekutuan dengan pihak syarikat pencadang ataupun *developer* nya atau *concessional* nya bagi tujuan pelaksanaan projek PJD Link.

Terdahulu, cadangan penswastaan projek lebuh raya PJD Link telah dimaklumkan pada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Ogos 2017 dan cadangan ini dipersetujui secara prinsip oleh Jemaah Menteri melalui kaedah Bina-Kendali-Pindah atau *Build Operate Transfer* (BOT) tertakluk kepada rundingan lanjut mengenai cadangan teknikal dan kewangan projek. Kerajaan Persekutuan juga telah menetapkan bahawa rundingan dengan syarikat hanya boleh dimulakan selepas pihak syarikat mendapat kelulusan dasar daripada Kerajaan Negeri Selangor mengenai cadangan pelaksanaan projek ini.

Sepertimana yang dimaklumi, Kerajaan Negeri Selangor melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 34/2020 pada 30 September 2020 telah mengambil maklum pembentangan projek daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) berkenaan Cadangan Projek *Petaling Jaya Dispersal Link* (PJD Link) ini.

MMKN dalam mesyuarat yang sama telah menimbang dan bersetuju secara dasar dengan cadangan projek PJD Link dan telah menetapkan syarat-syarat seperti berikut:

- (a) Projek PJD Link ini dilaksanakan mengikut tatacara pemprosesan permohonan secara rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
- (b) Pihak konsesi perlu melaksanakan Penilaian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment*) dan Kajian Impak Sosial (*Social Impact Assessment*) bagi pelaksanaan projek ini, termasuk mengadakan sesi *public engagement* ataupun Pendengaran Awam bersama penduduk setempat yang terlibat dalam jajaran yang dicadangkan;
- (c) Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mengadakan perbincangan lanjut dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bagi penyelarasaran pembinaan Projek PJD Link dengan pembangunan yang telah diluluskan di peringkat MBPJ di kawasan rizab sungai;
- (d) Pindaan kepada Rancangan Tempatan Petaling Jaya perlu dilaksanakan dengan adanya pembinaan Projek PJD Link ini;

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

- (e) Proses pengambilan balik tanah hendaklah diselesaikan terlebih dahulu; dan
- (f) Penyelenggaraan sungai diserahkan kepada pihak konsesi, memandangkan 2.5 km daripada jajaran lebuh raya ini berada di atas rizab sungai dengan pembinaan maksimum sehingga ke sempadan rizab sungai

Kesemua syarat yang telah disenaraikan di atas perlu dilaksanakan dan diselesaikan terlebih dahulu sebelum pembinaan lebuh raya ini dapat dimulakan oleh syarikat konsesi. Syarat-syarat ini telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri bagi mengelakkan isu-isu seperti urusan tanah yang masih belum selesai yang membelenggu projek-projek lebuh raya sedia ada serta bantahan penduduk setempat terhadap jajaran lebuh raya yang melalui kawasan kediaman. Pihak syarikat perlu mendapatkan kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri bagi tujuan untuk menandatangani perjanjian konsesi sebelum pembinaan dapat dimulakan. Perincian berkenaan syarat-syarat dan terma-terma perjanjian konsesi sedang dirundingkan di peringkat Kerajaan Persekutuan, melibatkan agensi-agensi seperti Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Kerja Raya (KKR), Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan (MOF) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, saya mohon sedikit penjelasan tadi 6 syarat telah dibacakan oleh Yang Berhormat EXCO. Adakah syarikat juga telah memenuhi 6 syarat ini Lebuh Raya ini pasti diberi kelulusan oleh Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Negeri akan menimbang dan jika Kerajaan Negeri akan menimbang, apa kriteria yang akan digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk menimbang sama ada hendak meluluskan atau menolak cadangan Lebuh Raya ini seperti mana pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah menolak pembinaan Lebuh Raya KIDEX. Jadi kali ini bila Kerajaan Negeri menimbang adakah 6 syarat yang dinyatakan adalah kriteria sepenuhnya atau pun kemungkinan ada kriteria lain untuk di gunakan untuk menilai keputusan tersebut.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Bukit Gasing atas soalan tambahan. Untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat, dasar Kerajaan Negeri berhubung dengan pembangunan adalah kita mesra pembangunan. Kerajaan Negeri tidak pernah menghalang sebarang pembangunan yang akan boleh membawa manfaat kepada rakyat Negeri Selangor. Tetapi proses untuk mendapat kelulusan pelaksanaan adalah mesti melalui proses yang ketat bagi memastikan sebarang pembangunan yang berlaku di Negeri Selangor ini mendapat kehendak dan juga manfaat yang tidak membebankan masalah kepada rakyat. Ini merupakan dasar kepada Kerajaan khususnya kerajaan ini di bawah pembangunan. Sebab itu juga

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

selain daripada apa yang saya sebutkan tadi, MMKN pun telah meluluskan satu jawatankuasa yang saya pengerusikan. Jawatankuasa Infra yang pengerusikan iaitu Jawatankuasa Pemantauan atau pun pelaksanaan Lebuh Raya dan projek-projek Infrastruktur Utama. Ini melibatkan semua cadangan-cadangan Lebuh Raya, itu saluran paip atau pun talian elektrik, Tenaga Nasional dan projek-projek mega yang lain yang perlu mendapat kelulusan dasar. Perkataan sini adalah kelulusan dasar, kelulusan dasar ini kita memberikan ruang supaya kita mengetahui dan memahami lebih awal apa cadangan-cadangan itu terutamanya jajarannya. Sebab ia akan melibatkan isu-isu pengambilan tanah, melibatkan isu-isu kawasan kediaman penduduk dan sebagainya.

Jadi ini peringkat awal keputusan-keputusan dasar dan sebarang projek penswastaan yang sebegini rupa mestilah mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Pusat dahulu. Ini bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, mereka perlu mendapatkan kelulusan, mohon di peringkat Negeri, kita perlu meneliti dan melihat perkara-perkara yang berkaitan dengan kebenaran merancang, berkaitan dengan jajaran, pengambilan tanah dan sebagainya yang perlu kita adakan.

Jadi keputusan yang pertama kita perlu faham sini ialah mesti mereka ini perlu mendapat kelulusan Kerajaan Pusat dahulu. Dan di peringkat Negeri kita tidak melihat sesuatu projek itu, kita tolak projek itu semata-mata kita tidak suka namanya, ada yang berpandangan projek ini projek KIDEX 2. Kita tidak lihat pada nama kita melihat kepada ciri projek itu. Apakah yang hendak dibuat, di mana jajarannya adakah dia melibatkan masalah yang besar pada penduduk dan kita akan ber pertimbangan melalui proses-proses yang saya sebutkan tadi.

Jadi di bawah Jawatankuasa Pelaksanaan ini, Lebuh Raya dan juga projek-projek mega infrastruktur utama ini, kita akan teliti dan melihat kewajaran projek-projek ini dan sebarang kelulusan akan di mengambil kira tadi yang saya sebutkan tadi *impact assessment* iaitu daripada segi *environment* dan EIA dan SIA dan *engagement* dengan *public*, kita akan melihat keseluruhannya sebelum dibawa semula ke dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor dan juga MMKN sebelum diberi kelulusan sebenarnya. Jadi prosesnya proses yang panjang ini hanyalah mengambil maklum dan memberi keputusan dasar tidak bermakna projek ini akan dah lulus 100% masih perlu melalui proses-proses yang saya sebutkan tadi, terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Yang terakhir.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Okay. Tadi satu syarat yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO ialah Pendengaran Awam perlu dilakukan oleh syarikat. Boleh Yang Berhormat EXCO huraikan Pendengaran Awam ini, macam mana bentuk rupa yang disarankan kepada syarikat sekarang tengah jumpa beberapa kumpulan

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

penduduk, adakah itu dikira sebagai Pendengaran Awam atau pun jika mereka harus lakukan Pendengaran Awam ini mengikut *certain specific* KPI atau pun adakah Pendengaran Awam ini akan dikendalikan oleh satu pihak Agensi Kerajaan seperti JPDB atau pun MBPJ sebagai badan yang neutral dan bukan dipengerusikan oleh syarikat yang tidak neutral.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Saya sekali lagi saya perlu tegaskan di sini proses kita telah menghadapi banyak pengalaman dengan Lebuh Raya dan juga MRT, LRT ini dan kita menghadapi banyak masalah dalam proses pembinaan. Walaupun akhirnya kita berjaya laksanakan tapi kita hadapi masalah. Bukan sahaja ketika meluluskan atau pun proses kelulusan, ketika proses pelaksanaan pun kita menghadapi masalah dan selepas pembinaan pun masih ada masalah. Ini kita hadapi dan kita faham isu berkenaan ketika pembinaan itu nanti isu kawalan trafiknya, isu banjirnya, isu kerosakan jalannya, kerosakan rumah di sekitarnya dan kalau selepas binaan pun ada kontraktor pemaju ini dia dah lari. Menyebabkan dia tinggalkan legasi dia, ini situ dengan masalah banjir, longkang yang tidak siap, dengan rumah yang retak. Jadi sebab itu, kita cukup berhati-hati, Kerajaan Negeri itu menetapkan syarat-syarat yang ketat contohnya pengambilan tanah sekarang ini WCE contohnya. *West Coast Expressway* telah *delay* berapa lama ini disebabkan oleh isu tanah. Jadi kita hendak tanah diselesaikan bermaksud kalau melibatkan kediaman perlu diselesaikan isu ini, makna *engagement* ini akan dikendalikan pihak Kerajaan melalui JPDB dan juga yang terlibat UPEN dan juga Pihak Berkusa Tempatan.

Kita akan pastikan keadilan diberi seluasnya kepada penduduk untuk meluahkan bantahan dan sebagainya dan kita akan teliti dengan penuh, dengan penuh kewajarannya. Dan memastikan bahawa tidak akan ada pihak yang akan mendapat kesusahan kepayahan dalam melaksanakan projek ini. Dalam masa sama juga kita tidak menolak pembangunan dan kita akan pastikan supaya semua ini dijaga dengan baik dan sempurna. Dan saya juga perlu tegaskan di sini bahawa kita walaupun prosesnya proses *engagement* ini kita perlu akan mengenal pasti semaksimum mungkin pihak-pihak yang terlibat di jajaran-jajaran yang saya maksudkan. Jadi ini merupakan jaminan dan saya perlu sebut juga di sini kita masih di peringkat awal, masih lagi banyak proses yang kita perlu lalui untuk kita pastikan bahawa projek ini kalau dilaksanakan tidak akan membawa kesusahan kepada terutamanya kepada penduduk yang di kawasan jajaran, terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Jadi Yang Berhormat EXCO ...

TUAN SPEAKER : Ya cukup, cukup Yang Berhormat cukup, cukup.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : JPDB yang akan buat ya?

TUAN SPEAKER : Saya persilakan Teratai.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI: Tuan Speaker, saya Balakong mohon untuk ambil soalan No. 29.

TUAN SPEAKER : Ya, saya izinkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)

TAJUK : BANTUAN KEPADA ANAK MUDA YANG TERJEJAS PENDAPATAN SEWAKTU PANDEMIK COVID-19

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Majoriti anak muda bekerja di pusat beli-belah sebagai pembantu mahupun juruwang, apakah perancangan kerajaan dalam membantu mereka yang terjejas pendapatan sewaktu pandemik ini?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat Teratai dan Balakong. Soalan berkaitan dengan apakah bantuan atau pun rancangan yang ada daripada Kerajaan Negeri bagi membantu belia kita yang menjadi pembantu atau pun juruwang yang bekerja secara berpendapatan terjejas pada waktunya pandemik ini. Kita maklum bahawa pandemik COVID-19 telah merebak di Malaysia sejak 25 Januari 2020. Dan telah memberi kesan kepada banyak aktiviti termasuk mereka yang bekerja dengan berpendapatan rendah. Bagi kumpulan belia yang bekerja di kategori B40, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti 2 rancangan yang dapat di manfaatkan oleh kumpulan belia iaitu Rancangan Jangka Pendek dan Rancangan Jangka Panjang. Bagi Rancangan Jangka Pendek Kerajaan Negeri menyarankan pada kumpulan anak muda ini yang bekerja sebagai pembantu dan juruwang di mana-mana tempat sekali pun, agar dapat memohon bantuan Bakul Makanan di bawah pakej kita Selangor yang bernilai RM3.8 Juta yang diperuntukan khusus buat kumpulan B40 yang mengalami kurang pendapatan.

Begini juga mereka boleh memohon bantuan Bakul Makanan di setiap Pejabat Khidmat Masyarakat, Pusat Khidmat Masyarakat DUN yang mana Kerajaan Negeri telah membenarkan penggunaan RM100 ribu bagi setiap DUN. Bagi Rancangan Jangka Panjang pula, Kerajaan akan mewujudkan satu unit khas untuk membantu para belia dalam menambahkan pendapatan mereka. Unit ini akan dikendalikan oleh seorang EXCO Induk di bawah penggerak belia Selangor yang memegang portfolio usahawan. Unit khas ini kita akan mengenalkan sebagai Unit Ekonomi Belia atau pun UEB yang akan diletakkan di bawah penggerak Belia Selangor. Tugas UEB ini adalah

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

untuk mendekati para belia kita serta menjadi platform belia bagi mendapatkan peluang-peluang perniagaan atau pun pertanian yang boleh membantu pendapatan para belia kita. UEB ini akan mewujudkan satu platform digital yang khas bagi memudahkan para belia Selangor untuk memohon skim-skim Kerajaan dan peluang-peluang perniagaan.

UEB ini akan membantu para belia yang masih berada di kumpulan B40 untuk mengetahui mengambil peluang dengan apa yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, kita mempunyai banyak pakej di Negeri Selangor tetapi terdapat *vacuum* di antara pakej dengan para belia kita. Jadi di bawah PBS ini akan wujud Unit Ekonomi Belia yang saya sebutkan tadi. Tugas unit ini adalah mendekati dan menyelesaikan masalah belia melalui digital platform ataupun melalui program-program di peringkat supaya belia ini lebih banyak mengambil peluang . Kita dengar Yang Berhormat EXCO menyebut peluang pertanian, kita dengar Yang Berhormat menyebut peluang usahawan, jadi Unit UEB ini adalah memberi fokus kepada para belia untuk mengambil peluang daripada skim yang ada dalam Kerajaan Negeri Selangor.

Sudah tentu banyak lagi peluang yang ada yang boleh direbut oleh para belia kita. Antaranya skim Roda Darul Ehsan, Dana Usahawan Mikro Selangor, Pinjaman Bantuan Blueprint, Pinjaman Mikro Kredit Hijrah, Program-program lain yang ada seperti Skim *Zero to Hero*, Skim Nadi iaitu skim Niaga Darul Ehsan, Skim *Go Digital*, Skim Pembiayaan Digitalisasi dan banyak lagi skim yang ada yang boleh direbut oleh belia kita, terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sijangkang, belia ya.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Saya hendak bertanya kepada EXCO dalam tempoh PKP ini terutamanya anak-anak muda ini yang kehilangan kerja, jadi penyelesaian sementara yang pendek. Soal bagi beri bakul makanan itu ialah mereka perlukan juga tapi yang saya rasa berat kepada mereka untuk mendapatkan kewangan dan mereka sedia untuk bekerja. Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk terlibat dalam program-program wabak COVID-19 ini, sukarelawan-sukarelawan ini yang mungkin boleh dilibatkan belia-belia atau pun hilang kerja dalam tempoh ini dan Kerajaan Negeri memberikan bantuan berbentuk mungkin kewangan. Sebab saya lihat banyak sukarelawan ini yang betul-betul bekerja dan mereka tidak ada sumber pendapatan kepada mereka walaupun mereka sukarelawan dan mereka membuat permohonan dan sebagainya untuk menampung keperluan mereka juga, terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang, memang di antara asbab kita memperkenalkan *SERVE* di bawah PEBS

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

juga adalah untuk memberi ruang kepada belia-belia kita menyertai sukarelawan dan dalam masa yang sama mendapat sedikit elauan dan bantuan pada mereka. Daripada segi bantuan lain memang banyak daripada segi RiDE pun kita ada Yang Berhormat, daripada segi program-program yang dikenalkan dari Kerajaan Negeri banyak juga. Tapi sukarelawan antara perkara yang kita lihat dapat sambutan. Jadi *insyaAllah* kita akan terus memperkasakan SERVE ini dan untuk makluman Yang Berhormat semua program pertama sukarelawan SERVE atau pun Selangor Volunteer ini adalah mereka akan hadir ke Yan, Negeri Kedah untuk membantu mangsa-mangsa banjir di sana dan sekarang ini mereka EXCO sukarelawan ini sedang berurusan dengan Kerajaan Negeri Kedah untuk koordinasi untuk masuk Yan ke sana. Jadi *insyaAllah* sukarelawan kita akan perkasaan.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan saya No. 30.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB (N18 HULU KELANG)

TAJUK : MENJAUHKAN ADN DARI RASUAH

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan akan melaksanakan program ala-retreat berikut: 'Modul Khas Selangor Sifar Rasuah – Sepakat Kita Tolak Rasuah'
 - (a) Prinsip dan nilai agama taklimat JAIS
 - (b) Undang-undang tentang rasuah taklimat SPRM
 - (c) Kajian kes rasuah
 - (d) Ikrar dan Isytihar Harta

JAWAPAN:

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang. Buat masa ini tiada perancangan khusus untuk melaksanakan program-program yang telah dicadangkan oleh Hulu Kelang. Sebenarnya Hulu Kelang bertanyakan adakah kita akan melaksanakan program yang mempunyai satu konsep ala-retreat seperti dengan modul khas, Sifar Rasuah dengan ada taklimat dari Jabatan Agama Islam, taklimat daripada Badan SPRM, kajian kes rasuah dan ikrar serta isytihar harta yang dilaksanakan kepada menyeluruh kepada eksekutif, pegawai dan Jawatankuasa Negeri Selangor.

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Kita tidak ada lagi Program Berpusat seperti itu, namun demikian kita bersedia ataupun Unit Integriti SUK, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk mempertimbangkan cadangan-cadangan ini dan sudah pasti ia memerlukan satu proses semak dan juga pertimbangan terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan terutamanya ia melibatkan beberapa agensi eh..antaranya Agensi Jabatan Agama Islam dan juga Agensi seperti SPRM dan Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga pelbagai Jabatan-jabatan yang berkaitan.

Sementara itu, kita juga kita telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani gejala, gejala rasuah dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, SPRM dan bagi memastikan usaha-usaha memerangi rasuah seperti berikut...ada beberapa perkara.. ada sepuluh perkara di sini, pertama sekali ialah menandatangani ikrar bebas rasuah, yang melibatkan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Negeri, Jabatan dan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri.

Yang kedua, memastikan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menandatangani borang pengisyntiharan kepentingan setiap kali Mesyuarat MMKN dilakukan dan turut dilakukan oleh beberapa Anak-anak Syarikat seperti PKNS dan juga MBI dan Anak-anak Syarikat MBI ketika melaksanakan mesyuarat.

Yang ketiga, penempatan Pegawai SPRM di Unit Integriti, Pejabat SUK Selangor bagi tujuan pengesanan dan pengesahan aduan integriti. Yang keempat , Penubuhan Unit Integriti. Pegawai Integriti di Jabatan Agensi di bawah Pentadbiran SUK bagi tujuan Penguatkuasaan Undang-undang dan Peraturan yang berkuat kuasa serta Pembudayaan Integriti, Penubuhan Bahagian Audit Dalam bagi menjalankan Audit Pengurusan Kewangan dan Audit Pengurusan Prestasi di Pentadbiran SUK.

Yang kelima, mewajibkan semua Agensi, Jabatan di bawah Pentadbiran SUK Selangor melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah dan Pelan Anti Rasuah mewajibkan semua Anak Syarikat Kerajaan Negeri untuk menguatkuasakan ‘Liabiliti Korporat di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah, SPRM 2009, mengadakan kursus,seminar,bengkel berhubung tatalaku dan juga salah laku rasuah, mengedarkan risalah-risalah berkaitan tata kelakuan dan salah laku rasuah Dan yang kesepuluh menyediakan Saluran-saluran Aduan Integriti yang melibatkan Penjawat Awam melalui e-mel, telefon, faks, surat dan secara bersemuka di Unit Integriti bagi memudahkan penyaluran Integriti. Terima kasih...

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.....

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih, Dato' Menteri Besar soalan saya..soalan tambahan saya adalah sejauh manakah isu yang berkaitan dengan rasuah itu perlu disemak dari segi gaya hidup. Gaya hidup dia... tak berapa nampak tapi kalau ada memang....menggerunkan. Jadi saya nak tanya apakah kita boleh monitor gaya hidup sehingga ke tahap kita boleh semakan kita, dia jadi takut.

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Yang kedua, soalan saya adalah tentang Audit Dalaman adakah akan lakukan Audit tentang Peruntukan ADUN.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, berkenaan dengan siasatan rasuah saya rasa pendetaian dengan perincian itu biasanya dikemukakan oleh SPRM lah yang jelasnya memang daripada perbualan, perbincangan serta taklimat yang telah diberikan salah satu daripada kaca mata yang jelas ialah melihat gaya hidup itu melampaui daripada pendapatan yang sewajarnya. Ini biasanya akan dikemukakan dan itu akan diperhatikan dan malahan pada hari ini kita dapat lihat banyak yang kita dapati kes-kes yang berlaku dapat dikesan daripada pempameran atau *show-off* mereka terhadap gaya hidup mereka dengan kenderaan, perumahan, percutian dan sebagainya yang melampaui daripada kelayakan-kelayakan yang lazim atau pun yang boleh diukur secara rambang.

Namun begitu, pihak kita tidak boleh hanya melihat siapa yang bergaya hidup tinggi ya, kadang-kadang mereka juga mampu menyembunyikan atau pun mampu letakkan di tempat-tempat yang tertentu dan di tempat-tempat yang lain. Berkenaan dengan Audit, *insyaAllah* saya bincang Unit Integriti mungkin kita akan buat secara berkala tapi kita akan buat tidaklah semuanya sebab melibatkan 56 DUN kita boleh melibatkan secara rawak atau pun secara terpilih berdasarkan kepada perancangan daripada Unit Integriti. Namun begitu, Unit ini juga atau pun Jabatan Audit, Audit Dalam Negeri SUK juga mempunyai pelbagai Jabatan, mempunyai pelbagai Jabatan, mempunyai pelbagai Agensi yang perlu di Audit dan mempunyai tanggungjawab hakiki mereka. *insyaAllah* kita akan masukkan sebagai salah satu daripada jadual atau pun pelaksanaan tugas yang kita akan bincangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kelak. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam.....

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Terima kasih Tuan Speaker, soalan No.31.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR (N05 HULU BERNAM)

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan dan penerima bagi tahun 2020 yang telah dikeluarkan dalam program SMUE.

JAWAPAN :

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Tuan Speaker, Hulu Bernam. Yang Berhormat Hulu Bernam telah bertanyakan tentang jumlah peruntukan dan penerima bagi Tahun 2020 yang telah dikeluarkan dalam Program SFE. Jumlah penerima Shopping SFE bagi Tahun 2020 adalah 145 357 orang dan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi Tahun 2020 adalah RM14, 523 000.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.....

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya Tuan Speaker, soalan No.32.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : JANGKITAN COVID-19 KLUSTER INDUSTRI

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyakkah kilang-kilang industri yang tidak mematuhi SOP pencegahan jangkitan COVID-19 di Selangor?

- b) Berapa ramai yang disyaki dijangkiti di dalam industri semasa mereka bekerja?

JAWAPAN:

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, Sijangkang atas kemukaan soalan berkenaan dengan kes-kes yang COVID-19 yang berkaitan dengan kluster industri di Negeri Selangor sebanyak 2457 premis yang telah diperiksa oleh Agensi seperti Kementerian Kesihatan Malaysia MITI, KPDHNEP dan PBT. Dari jumlah tersebut sebanyak 455 atau pun 18.5% telah diberikan tawaran kompaun ke atas pemilik-pemilik premis dan 237 atau pun 9.6% telah diberikan arahan penutupan di bawah Seksyen 18(1)(f). Data tindakan penutupan ini, hanya dilaksanakan oleh pihak KKM iaitu sebanyak KKM telah mengarahkan sebanyak 129 Premis di tutup dan MITI telah mengarahkan lebih kurang 108 sahaja yang di tutup atas Arahan-arahan Pelanggaran SOP ketika pandemik ini melanda.

Berikut dilampirkan jumlah kumulatif pemeriksaan kompaun dan penutupan kilang mengikut daerah daripada 13 Julai 2021 hingga 23 Ogos 2021 oleh Jabatan Kesihatan

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Negeri Selangor. Petaling sebanyak 35, Klang sebanyak 28, Gombak sebanyak 30, Hulu Langat sebanyak 28, Kuala Langat 14, Hulu Selangor 42, Kuala Selangor 5, Sabak Bernam 14, Sepang sebanyak 9 itu 220 bilangan kompaun yang paling tinggi adalah di Petaling sebanyak 17 dan bilangan kilang ditutup yang paling banyak di tutup adalah di Hulu Langat sebanyak 17 dan Kuala Langat serta Hulu Selangor masing-masing 11 dan 15 yang lain-lain adalah di bawah, di bawah 10. Maafkan saya satu lagi Sabak Bernam juga besar ada 14 kes kilang-kilang di tutup atas arahan daripada KKM.

Bagi Data Aktiviti Operasi Pemeriksaan Tahap Kepatuhan SOP MKN ke atas Sektor Pembuatan sebanyak 220 sektor telah dijalankan pemeriksaan oleh Pasukan Penguatkuasaan oleh Jabatan Kesihatan Negeri. Terdapat 121 premis yang telah, yang tidak mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Daripada jumlah tersebut didapati sebanyak 42 atau pun 19% telah dikeluarkan kompaun melakukan kesalahan ingkar SOP yang telah digariskan oleh SOP Sektor Pembuatan ini. Ini adalah bagi sektor yang melakukan kesalahan minor kurang daripada 3 kesalahan yang ditemui sebagaimana yang digariskan oleh *Standard Operating Procedure*. Sebanyak 79 atau pun 36% buah Sektor Pembuatan yang telah diberikan arahan penutupan di bawah Seksyen 18(1)(f) disebabkan melakukan kesalahan major melakukan 3 atau lebih kesalahan di dalam SOP. Arahan Penutupan ini, dikeluarkan selama tempoh 7 hari dan pemilik industri turut diberikan arahan kerja dan penambahbaikan untuk diselesaikan dalam tempoh penutupan tersebut. Ini menjadikan 99 atau pun 45% buah Sektor Pembuatan yang mematuhi kesemua SOP MKN telah ditetapkan. Pemeriksaan tahap kepatuhan diteruskan daripada masa ke semasa bagi memastikan semua industri beroperasi dalam keadaan yang mematuhi SOP dan peruntukan Undang-undang.

Bermula Julai 2021 terdapat lima ribu...53,571 orang pekerja telah dikenal pasti positif melalui saringan-saringan yang dijalankan di tempat kerja masing-masing. Saringan-saringan ini dijalankan sama ada oleh pihak majikan sebagai persediaan sebelum masuk ke tempat kerja. Saringan kontak rapat kepada rakan kerja yang positif mahupun saringan kendiri oleh pekerja itu sendiri di fasiliti-fasiliti kesihatan. Secara kasarnya jumlah tersebut mewakili 17.1% dari kes yang dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor dari tiga...puluhan...satu...313,075 kes iaitu bermula Julai 2021 sehingga kini adalah daripada pekerja-pekerja industri. Daripada jumlah pekerja industri yang dinyatakan 62% terdiri daripada Sektor Perkilangan iaitu 33 214 orang 14.5% adalah terdiri daripada pekerja di Sektor Perkhidmatan iaitu sebanyak 7768 orang 13.5% terdiri daripada Sektor Pembinaan iaitu sebanyak 7232 orang dan 10% terdiri daripada pekerja di Sektor Perdagangan iaitu seramai 5357 orang.

Ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya menyebutkan bahawa kejadian-kejadian yang melibatkan kes pekerja-pekerja ini kadang kala tidak berlaku di tempat kerja itu sahaja, kadang-kadang ia bertumpu berlaku di penempatan mereka dan dia juga banyak kes-kes yang berlaku di luar lingkaran pekerjaan yang kemudian memasuki

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

kawasan-kawasan pekerjaan kerana pada waktu ini virus sudah berada di komuniti dan di mana-mana tempat sahaja mungkin kita dijangkiti kalau kita tidak terus mengamalkan SOP, dan tingkah laku yang baik ketika berdepan dengan pandemik ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.....

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya, apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan yang boleh dibincangkan dengan Kerajaan Pusat bagi membolehkan Sektor Industri ini, terus dibuka mungkin daripada segi teknikal selain daripada SOP, Pematuhan SOP yang cukup ketat sebagai contoh mungkin sebagai daripada sudut teknikalnya mungkin kita boleh membenarkan pekerja-pekerja bekerja dengan syarat membuat pemeriksaan saringan mungkin semudah yang air, air liur setiap 2minggu sekali ya. Kalau mereka negatif mereka boleh bekerja kalau positif mereka dikecualikan daripada bekerja untuk membolehkan akhirnya ekonomi di Selangor ini industri boleh bergerak dan ekonomi boleh terus dijanakan. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, seawal pertengahan atau pun di akhir tahun lalu lagi kita telah melaksanakan satu program dalam bentuk sukarela iaitu dinamakan sebagai POIS, “*Provention of Break Innection Sight*” atau pun perebakkan di kawasan-kawasan industri dalam pada masa yang sama MITI turut melancarkan Program “Safe at Works” di mana kontannya dan juga pengisiannya tidak banyak berbeza. Di antara kedua-dua langkah-langkah yang disarankan secara sukarela oleh Kilang-kilang ini. Sebanyak 1500 Kilang saya rasa terlibat dengan program itu, dan kebanyakan daripada kilang-kilang tersebut sebagaimana saranan yang telah dikemukakan oleh Sijangkang tadi, mereka harus melakukan beberapa langkah-langkah untuk mengelakkan perebakkan di tempat kerja. Antaranya pemeriksaan kendiri pemeriksaan secara berkala serta program-program sanitasi yang konsisten sama ada di rumah dan juga pengisytiharan keadaan kesihatan mereka bagi setiap masa.

Saya sendiri dan juga beberapa dari EXCO Kesihatan telah melawat satu Kilang yang baik namanya Kilang Nestle di Shah Alam. Mereka berbelanja sampai ke akhir tahun lepas sebanyak RM60 Juta untuk memastikan infrastruktur kemudahan penempatan serta saringan dapat dilakukan masa itu vaksin belum ada lagi atau pun belum sampai lagi dan kita dapati .mereka tidak menutup satu hari pun operasi mereka dan hanya melibatkan 0.5% pekerja mereka sahaja terlibat maknanya boleh dilakukan. Tetapi malangnya, ada sebahagian yang cuai ada yang sebahagiannya mengambil sikap acuh tak acuh dan berlakulah, masalah perebakkan-perebakkan yang juga sebahagiannya berlaku di tempat-tempat kerja yang tidak kondusif. Dalam pelan pemulihan negara yang telah di isytihar kan yang saya turut terlibat dalam pelbagai Mesyuarat yang dianjurkan sekarang kita meletakkan syarat vaksinasi sebagai proses operasi mereka.

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Kalau kadar vaksinasi bagi sesuatu *factory* atau pun Kilang Perusahaan dan premis itu telah melebihi 80% maka mereka dibenarkan untuk beroperasi sepenuhnya dan kalau hanya sekitar di bawah 80% mereka dibenarkan untuk beroperasi 60% sahaja dan ada kriteria-kriteria yang tertentu yang sekarang ini ditetapkan sebagai vaksinasi. Dalam tempoh tersebut juga sudah pasti pihak MKN akan mengeluarkan SOP tertentu termasuk menyarankan ataupun saranan terhadap saringan-saringan dibuat dan contoh yang ditunjukkan oleh Dewan pada hari ini,dengan *saliva test* yang telah diberikan kepada kita yang harganya di bawah RM50 yang satu yang sangat *affordable* saya rasa untuk dilaksanakan dan ini adalah tugas dan juga pelaksanaan yang kita buat. Di bawah Rancangan Kita Selangor 2.0 setelah menujuhkan satu jawatankuasa di mana jawatankuasa yang dianggotai oleh Dr. Mohamad Khalid, bekas Pengarah Kesihatan Negeri dan juga beliau terlibat dengan JKAV dan sebagainya di sertai oleh beberapa EXCO dan juga beberapa pemimpin-pemimpin untuk memastikan pemeriksaan di Kilang dapat dilaksanakan dengan jelas.

Sebenarnya dalam operasi Ops Patuh yang telah dikendalikan oleh Kementerian Dalam Negeri pada ketika itu semua PBT kita bekerjasama sepenuhnya. Mereka terlibat dalam proses pemeriksaan, mereka terlibat dalam proses penguatkuasaan yang diketuai oleh Polis Diraja Malaysia di bawah Kementerian Dalam Negeri sepenuhnya dan angka-angka yang kita dapat ini juga adalah sebahagian daripada operasi yang telah dilaksanakan dalam Ops Patuh dalam tempoh sebulan atau dua bulan yang lalu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Soalan saya nombor 33.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR (N42 MERU)

TAJUK : STATUS PERMOHONAN PEMBAIKAN JALAN MISKAM DAN JALAN KENANGAN SURAU MAKMUM

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status permohonan untuk menurap dan membaiki semula Jalan Miskam dan Jalan Kenangan (Jalan Surau Makmum) yang sudah tertangguh sekian lama?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Meru. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Meru bertanyakan soalan berhubung dengan status Jalan Miskam dan Jalan Kenangan di Meru, di DUN Meru yang telah tertangguh penyelenggaraannya sekian lama. Semakan yang dibuat mendapati bahawa jalan ini adalah jalan kampung yang dengan itu diuruskan oleh Pejabat Daerah atau Pejabat Tanah Klang. Jalan Miskam ini merupakan jalan yang sepanjang 1.47 kilometer dan telah didapati memang didaftar di bawah MARRIS dengan itu memang mempunyai peruntukan untuk diselenggarakan dan asalnya dibina oleh Kerajaan Persekutuan bagi projek Bekalan Air Luar Bandar dan Jalan Kenangan ini yang merupakan jalan yang hanya dibina atas izin lalu sepanjang 364 meter sahaja melibatkan atas tanah 9 lot tanah persendirian. Ini merupakan antara isu jalan di Selangor ini yang apabila dibuat begini tanpa mempunyai izin lalu yang wajar, yang sesuai dan menyukarkan untuk kita melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan. Walau bagaimanapun pihak Pejabat Daerah berusaha untuk mendapatkan izin lalu dahulu. Tanpa kebenaran untuk izin lalu pada jalan-jalan ini, di tanah-tanah ni maka kita tidak dapat melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan. Ini dalam proses. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, soalan saya nombor 34.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Apakah penambahbaikan skim-skim kesihatan khususnya Skim Peduli Sihat? Ke mana kah baki wang di akaun Peduli Sihat yang telah dibekukan pada tahun 2020?
- (b) Berapakah jumlah yang telah digunakan berbanding keseluruhan peruntukan Skim Peduli Sihat secara keseluruhan?

JAWAPAN:

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek dan juga terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan Sungai Pelek adalah mengenai Skim Peduli Sihat. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program Skim Peduli Sihat (SPS) pada tahun 2017 bagi memberi nilai tambah dan manfaat yang lebih menyeluruh. SPS telah ditambah baik kepada Skim Insurans Peduli Sihat (SIPS) yang diperkenalkan pada April 2020 di mana ia akan memberi jaminan perlindungan kesihatan kepada 85,000 keluarga dan individu yang berpendapatan rendah iaitu pendapatan isi rumah di bawah RM2,000.00 sebulan. Setiap keluarga yang layak akan menerima rawatan asas sebanyak RM500.00 setahun manakala bagi individu bujang adalah sebanyak RM200.00 setahun. Selain membantu kos rawatan asas, Skim Insurans Peduli Sihat juga memberi manfaat skim insurans seperti berikut :-

- (a) manfaat kematian atau hilang keupayaan kekal sebanyak RM5,000.00;
- (b) khairat kematian sebanyak RM1,000.00;
- (c) manfaat penyakit kritis sebanyak RM5,000.00;
- (d) kematian semula jadi sebanyak RM5,000.00.

Tiada sebarang pembekuan peruntukan SIPS pada tahun 2020. Pada tahun 2021 Belanjawan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM 42.5 Juta untuk melaksanakan program Skim Insurans Peduli Sihat (SIPS). Pada tahun 2020 sebanyak 79,275 ahli telah menerima manfaat polisi SIPS berbanding jumlah asal iaitu 85,000 orang. Jumlah ini adalah sama bagi tahun 2021 dengan baki peruntukan daripada program tersebut telah digunakan bagi tujuan Program Saringan COVID-19 Bersasar Fasa 3. Susulan daripada itu jumlah peruntukan bagi melaksanakan SIPS adalah sebanyak RM 37,666,668.00 bagi tahun 2021.

TUAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Soalan susulan.

TUAN SPEAKER : Batang Kali. Tidak hadir. Gombak Setia.

Y.B. HILMAN BIN IDHAM : Speaker, soalan saya nombor 36.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SUMBANGAN ANAK-ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

- a) Berapakah jumlah sumbangan anak-anak syarikat kepada Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan inisiatif sosial sepanjang tahun 2021 dan apakah anak-anak syarikat yang terlibat?

JAWAPAN:

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih ni 37, sorry 36. 36 tak ada, kejap ya, kejap. Tak sampai, fail tak ada. Boleh kita pergi 37 dulu? Selalu ada. Semua tunggu sekejap, ada tertinggal jawapan.

TUAN SPEAKER : Ya baik. Silakan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Okay! Terima kasih Gombak Setia atas soalan yang telah dikemukakan. Untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sehingga Julai 2021, Kerajaan Negeri Selangor melalui PKNS dan MBI telah menyumbang sebanyak RM9,138,339.58 dalam konteks pelaksanaan inisiatif sosial yang digerakkan oleh pelbagai pihak. PKNS misalnya telah menyumbang sebanyak RM1 juta bagi tujuan program sumbangan *cardiovascular* rawatan jantung, Institut Jantung Negara (IJN). Manakala bagi Menteri Besar Selangor Perbadanan, sejumlah RM 8.138 Juta telah diperuntukan melalui pecahan-pecahan yang berikut :-

- (a) Program sosial sebanyak RM1.053 Juta
- (b) Program pendidikan sebanyak RM2.682 Juta;
- (c) Program keagamaan sebanyak R4.105 Juta dan
- (d) Program-program bencana atau bantuan bencana sebanyak RM834,953.58 dan keseluruhan menjadi RM8,678,433.58.

Antara jumlah terbesar yang dibelanjakan ialah sumbangan kepada masjid sempena Program Jelajah Ramadan Kita Selangor iaitu sebanyak RM1.205 Juta sumbangan pembaikan bumbung akibat ribut di Bandar Baru Salak Tinggi dan mukim Labu sebanyak RM470,000.00, Inisiatif Bantuan Makanan PPV sebanyak RM212,000.00 dan peruntukan ini *voucher* barang runcit kepada kelompok yang terkesan dari PKP Fasa 1 bersama Ahli Majlis terpilih sebanyak RM150,000.00. Jumlah besar untuk Bakul Makanan adalah sebanyak RM539,100.00. Juga terdapat beberapa sumbangan berbentuk seperti bantuan *tablet*, *tv*, dan sebagainya dan juga PPVR kepada anak-anak serta sekolah dan juga tidak ketinggalan kepada pusat kuarantin dan juga PPV yang memerlukan berdasarkan kepada permohonan-permohonan kepada MBI terutamanya di Unit CSR mereka. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Silakan Gombak Setia.

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Y.B. TUAN HILMAN BIN IDHAM : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas jawapan tadi. Saya yakin dalam keadaan krisis seperti ini sudah tentu lah anak-anak syarikat Kerajaan Negeri juga terkesan dengan impak ekonomi akibat daripada pandemik COVID-19. Justeru itu saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Dato' Menteri Besar apakah strategi Kerajaan Negeri bagi member daya anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dalam tempoh krisis ini supaya paling tidak kita dapat menggandakan sumbangan anak-anak syarikat kepada Kerajaan Negeri supaya lebih banyak lagi inisiatif-inisiatif sosial dapat kita teruskan kepada rakyat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Gombak Setia. Saya rasa kenyataan berkenaan dengan kesan ekonomi itu saya rasa tidak boleh kita nafikan sama sekali dan sudah pasti sebahagian besar daripada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri kita terlibat secara langsung dalam *property industry* atau industri *property* atau harta tanah dan ini adalah antara sektor yang terkesan disebabkan sektor pembinaan agak perlahan. Dan dalam pada masa yang sama sebenarnya daripada tahun 2018 dan 2019 sekor harta tanah telah menunjukkan ciri-ciri perlahan daripada segi perkembangan dan *progress* mereka dengan begitu banyak unit-unit yang tidak dapat dijual dan sebagainya.

Namun begitu pihak MBI sebagai contoh cuba untuk meneroka beberapa bidang-bidang tertentu antaranya melalui beberapa anak syarikat kita, kita menguasai dan juga menyertai beberapa industri yang sangat memerlukan dan agak kalis sebagai contoh kalis bencana. Antaranya; *Worldwide* yang semalam disebutkan Jeram yang sekarang ini terlibat dalam beberapa sektor. Antara sektor yang sangat baik dan sektor yang sangat berkesan mereka terlibat adalah pemulihan ataupun sektor pengurusan sisa pepejal. Dan *insyaAllah* pada waktu ini kita sedang ingin melaksanakan ataupun dalam proses akhir kalau dibenarkan di peringkat *Development Order* di peringkat DO atau Kebenaran Merancang telah dikeluarkan ataupun kita sedang ingin melaksanakan *waste to energy* yang bersekala tinggi yang mampu sehingga menguruskan 3 ribu sisa pepejal dan sekali gus mampu untuk menyelamatkan alam sekitar dan mengeluarkan tenaga.

Di samping itu beberapa anak syarikat lain yang berdaya saing seperti Perangsang menguasai beberapa syarikat-syarikat pembuatan dan *mould* yang besar yang mempunyai rangkaian di beberapa belah dunia dan *insyaAllah* di antara perancangan pihak Kerajaan Negeri ialah setiap pembangunan dan perancangan pembangunan yang berkaitan dengan tanah Kerajaan Negeri selepas ini dan dalam masa yang sama *Worldwide* sekarang ini kita juga terlibat dengan sistem jana kuasa ataupun loji jana kuasa yang terlibat di Pulau Indah dan model itulah yang kita ingin gunakan selepas ini iaitu menggabung dan mencantumkan projek pembangunan yang berskala tinggi dan bernilai tinggi di Selangor dengan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri supaya kita mampu menjana *income*.

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Ini bukan satu kaedah baru pada waktu ini sebagai contoh PNS dan Perangsang sebelum ini terlibat dengan beberapa projek pembangunan lebuh raya dan tiap-tiap tahun ia mampu memberikan *income* yang konsisten lebih daripada RM10 hingga RM20 Juta. Malahan kalau projek pembelian lebuh raya yang pernah dirancang oleh Kerajaan Persekutuan sebelum ini kita akan mendapat pulangan lebih daripada RM100 Juta daripada penglibatan kita sebelum ini.

Justeru daripada hanya meneroka bidang baru seperti e-commerce, e-dagang, sudah pasti kita juga ingin terlibat secara langsung dalam bidang aeroangkasa sebagai contoh. Kita menguasai 60% daripada industri aeroangkasa Negeri Selangor tetapi tidak ada satu anak syarikat kita pun yang terlibat secara langsung dengan syarikat ataupun industri ini. Jadi Kerajaan Negeri melalui MBI terutamanya merancang untuk menyertai program ini terlibat secara langsung dan dalam pada masa yang sama memberikan *income* yang konsisten kepada Kerajaan Negeri bagi memastikan program sosial kita dapat diberikan. Antara yang sangat gembira adalah masjid dan surau. Bila kita turun ke daerah semua masjid di daerah kita berikan sumbangan dan surau-surau di kawasan yang *locality* itu mereka dapat menapung sedikit pengurusan yang agak terganggu akibat daripada pandemik dan juga tidak ada pendapatan kerana kurangnya orang hadir di surau akibatkekangan-kekangan itu. Terima kasih Gombak Setia.

TUAN SPEAKER : Sungai Ramal.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 37.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR (N26 SUNGAI RAMAL)

TAJUK : PEKERJAAN UNTUK RAKYAT

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Berapakah kenaikan bilangan penganggur dalam Negeri Selangor akibat daripada kekangan aktiviti ekonomi bersabit dengan pandemik COVID-19?
- (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah kehilangan pekerjaan di kalangan rakyat Selangor?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker, saya pohon bagi jawapan 37 ini dijawab bersama dengan soalan 120 daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan dan 190 daripada Yang Berhormat Sungai Burong dan 207 daripada Yang Berhormat Rawang.

Tuan Speaker dan sebagaimana Yang Berhormat sekalian sedia maklum Perintah Kawalan Pergerakan dan Pelan Pemulihan Negara yang berkuat kuasa kini adalah ekoran daripada penularan wabak COVID-19 di Malaysia di mana Negeri Selangor khususnya adalah yang tertinggi dan penularan di kalangan rakyat adalah amat membimbangkan dan telah memberi kesan secara langsung kepada kehidupan seharian masing-masing. Sekatan ekonomi dan perniagaan yang dikuatkuasakan ini sedikit sebanyak telah memberikan kesan kepada rakyat dan kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan serta syarikat dan perniagaan terpaksa gulung tikar kerana tidak mampu untuk bertahan.

Merujuk kepada data yang dikumpulkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor melalui Borang PK Pemberitahuan Pemberhentian Pekerja selaras peruntukan di bawah Akta Kerja 1955 mewajibkan setiap majikan yang berhasrat untuk mengambil tindakan pemberhentian pekerja perlu melaporkan kepada Jabatan selewat-lewatnya 30 hari sebelum tindakan pemberhentian dijalankan. Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor, jumlah pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja dalam tempoh Januari hingga Julai 2021 adalah berjumlah 6,495 orang sepanjang tempoh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuat kuasa kini. Justeru itu, menyedari jumlah pekerja tempatan yang diberhentikan serta kehilangan punca pendapatan akan meningkatkan kadar pengangguran Negeri dalam masa terdekat ini. Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan jaringan kerjasama erat dengan Jabatan dan Agensi yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, antaranya adalah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melalui cawangan Sistem Insurans Pekerja (SIP) kini giat mengadakan sesi yang berkaitan *Active Labour Market Policies* yang mana salah satu keperluan bagi ALMP ini adalah menyediakan dan membuka ruang pekerjaan bagi mengurangkan kadar pengangguran negara. Justeru itu, berikut adalah beberapa inisiatif serta program yang giat dijalankan oleh PERKESO Negeri Selangor bagi membantu menangani masalah kehilangan pekerja di kalangan rakyat Selangor.

Pertama, Bantuan Kewangan SIP.

Antara bantuan yang disediakan kepada pencarum yang kehilangan pekerja semasa musim COVID-19 ini adalah bantuan kewangan segera bagi mana-mana pencarum yang layak, mereka akan diberikan bantuan kewangan sebanyak 6 bulan elau mencari pekerjaan. Hal ini telah ditambah baik dengan bantuan daripada kerajaan iaitu Bantuan SIP Prihatin yang mana memberikan faedah tambahan 3 bulan kepada pencarum yang layak menjadikan jumlah faedah kewangan yang telah diterima sebanyak 9 bulan mencari pekerjaan. Perkara ini sedikit sebanyak dapat

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

membantu meringankan beban kepada pekerja yang terkesan akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara ketika ini.

Kedua, Bantuan Perkhidmatan Pekerjaan

PERKESO juga menerusi Cawangan Perkhidmatan Pekerjaan menyediakan bantuan perkhidmatan pekerjaan kepada semua warganegara tanpa mengira sama ada pencarum PERKESO atau pun bukan pencarum. Sokongan perkhidmatan meliputi aktiviti temu duga, sesi seminar secara atas talian, penilaian pekerjaan dan bantuan latihan. Perkhidmatan pekerjaan yang tersedia ini bukan sahaja dapat membantu meningkatkan peluang pekerja, menempatkan diri ke alam pekerjaan tetapi juga membantu pihak majikan dalam memenuhi kekosongan jawatan yang ditawarkan.

Ketiga, Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan

Bagi memastikan majikan dapat meneruskan penawaran kerja, pihak PERKESO melalui Belanjawan 2021 telah diperuntukkan sebanyak RM2 Billion oleh pihak Kerajaan bagi memastikan majikan dapat terus membuat pengambilan pekerja dan sekali gus memulihkan ekonomi daripada pandemik COVID-19. Selain itu bagi majikan yang mengambil pekerja kurang atau separuh mahir, bantuan latihan bagi meningkatkan kemahiran pekerja diambil juga disediakan melalui insentif ini.

Keempat, Insentif Kerjaya Gig

Menyedari akan pertambahan pekerjaan yang berkonsepkan gig ekonomi, satu insentif kerjaya gig juga telah diperkenalkan mulai 1 April 2021. Objektif insentif ini adalah bagi membantu beberapa golongan seperti pekerja yang diberhentikan bekerja, pekerja yang diberikan cuti tanpa gaji, golongan muda terjejas dan kaum wanita bagi mereka yang memenuhi syarat insentif RM600 selama tempoh 6 bulan bagi pekerja yang terlibat dengan pekerjaan dengan sendiri.

Kelima, Program Subsidi Upah 4.0

Program ini merupakan satu bentuk bantuan subsidi yang diberikan kepada pihak majikan bagi memastikan kelangsungan perniagaan dan pembayaran gaji boleh dibuat kepada pekerja mereka. Program subsidi upah dengan peruntukan sebanyak RM3.8 Bilion dijangka akan memberi manfaat kepada seramai 241,508 majikan dengan anggaran 2.49 juta pekerja. Bantuan bagi tempoh 2 bulan itu RM600 sebulan ini sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan bebanan majikan dalam menghadapi pandemik COVID-19 ini.

Berikut adalah antara beberapa langkah yang telah dilakukan oleh pihak Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam membantu pihak Kerajaan bagi menangani isu pandemik COVID-19 yang tengah melanda negara pada ketika ini. Diharapkan dengan beberapa insentif yang diperkenalkan ini dapat mengurangkan bukan sahaja bebanan kepada pihak pekerja dan majikan tetapi juga kepada rakyat di Negeri Selangor khususnya. Oleh yang demikian, dengan mengambil kira situasi wabak

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

pandemik COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan dan Pelan Pemulihan Negara yang masih berkuat kuasa, kerajaan Negeri Selangor akan terus memberi dorongan kepada Jabatan dan agensi yang berkaitan untuk terus memberi bantuan kepada golongan yang kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan. Kerajaan Negeri turut sedar sekiranya tidak dibendung dan dibantu pada peringkat awal, masalah ini akan merebak dan menjadi lebih serius di setiap lapisan masyarakat. Susulan itu juga, bagi mengurangkan kesan akibat pandemik COVID-19 ini, Kerajaan Negeri sedang dalam penelitian rangka kerja dengan mewujudkan program-program berbentuk kemahiran seperti taklimat, seminar, kursus jangka pendek dan sederhana bagi melengkapkan golongan Sasaran dengan kemahiran baharu dan ilmu pengetahuan yang pelbagai di dalam sektor pekerjaan. Dengan adanya kemahiran dan ilmu pengetahuan baharu ini, secara langsung dapat memberikan *value added* kepada golongan Sasaran untuk terus berdaya saing di dalam sektor pekerjaan dan perniagaan sendiri. Mahupun dengan majikan sekali gus dapat mengurangkan kadar pengangguran dan meningkatkan peluang pekerjaan alternatif. Kerajaan Negeri Selangor menyedari perlu ada satu hubungan rapat untuk menyelaraskan program-program berkenaan pekerjaan dari jabatan dan agensi. Maka kerajaan Negeri telah meluluskan pertubuhan Unit Pembudayaan Pekerja dan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 18 Ogos 2021 yang lalu yang dianggotai oleh 4 orang pegawai bagi memastikan kelancaran program berkenaan. Oleh yang demikian antara jabatan dan agensi yang akan bekerjasama adalah seperti berikut:

1. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia;
2. Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Malaysia;
3. Jabatan Pembangunan Kemahiran;
4. Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia;
5. Jabatan Tenaga Manusia;
6. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja;
7. Lembaga Teknologi Malaysia;
8. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran;
9. Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Kebangsaan;
10. Pembangunan Sumber Manusia Berhad;
11. Pertubuhan Keselamatan Sosial;
12. Talent Corporation Berhad.

TUAN SPEAKER : Semenyih.

YB. TUAN ZAKARIA BIN HAJI HANAFI : Terima kasih YB Tuan Speaker. Soalan saya No. 38.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : PERUNTUKAN ADUN PEMBANGKANG

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perbelanjaan Kerajaan Negeri Selangor ke atas bakul makanan bagi mendepani COVID-19 mengikut daerah bagi tahun 2021.
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk menaikkan RM50,000 ke RM100,000 kepada pembangkang?

JAWAPAN :

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Semenyih atas soalan yang telah dikemukakan. Di dalam Pakej Kita Selangor 1.0 dan 2.0, Kerajaan Negeri telah mengumumkan pelaksanaan inisiatif Bakul Makanan melalui peruntukan mesra rakyat di kalangan Ahli Dewan Negeri, Ahli Parlimen dan juga Majlis Perundingan Ketua Kampung (MPKK). Sehingga 16 Ogos 2021, keseluruhan peruntukan yang dibelanjakan bagi program Bakul Makanan di kalangan Ahli Dewan Negeri, Ahli Parlimen dan juga MPKK adalah sebanyak RM10.03 juta. Agihan peruntukan bakul makanan ini kalau dicerakinkan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	ADN	PARLIMEN	MPKK	JUMLAH
1	PETALING	1,826,594.25	373,091.42	224,897.59	2,424,583.26
2	KLANG	950,000.00	100,000.00	338,300.00	1,388,300.00
3	GOMBAK	750,000.00	40,000.00	359,232.00	1,149,232.00
4	HULU LANGAT	1,226,000.00	124,600.00	205,000.00	1,555,600.00
5	SEPANG	100,000.00	50,000.00	90,000.00	240,000.00
6	KUALA LANGAT	412,921.83	10,000.00	240,000.00	662,921.83
7	KUALA SELANGOR	635,802.29	60,000.00	575,000.00	1,270,802.29
8	HULU SELANGOR	210,464.45	50,000.00	233,620.00	494,084.45
9	SABAK BERNAM	440,978.00	-	410,226.20	851,204.20
	JUMLAH	6,552,760.82	807,691.42	2,676,275.79	10,036,728.03

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Ataupun dicerakinkan mengikut kategori, saya ingat kalau kita lihat di kalangan ahli-ahli Dewan Negeri keseluruhan Ahli Dewan Negeri di kesemua daerah telah berbelanja RM6.552 Juta. Untuk Ahli-ahli Parlimen, RM807,691.42 untuk MPKK telah berbelanja RM2.676 Juta dan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM10.36 Juta. Nanti faktanya saya akan cuba kongsikan di dalam skrin masing-masing.

Selain peruntukan yang telah disediakan di dalam kategori-kategori di kalangan Ahli Dewan, sebanyak RM2.3 Juta lagi turut dibelanjakan oleh kerajaan Negeri kepada kategori-kategori tertentu iaitu kepada Orang Asli iaitu sebanyak RM200 Ribu yang meliputi sejumlah 6,485 orang, pemandu teksi dan bas sekolah seramai 5,339 orang, dengan jumlah perbelanjaan RM533,900.00, penduduk PPR Selangor sebanyak RM1 Juta yang melibatkan 5,639 keluarga, pemandu lori dan kru pembersihan KDEB RM109,538 yang melibatkan 9,958 orang, petani, penternak, nelayan dan pengusaha industry asas tani sebanyak RM490,000.00 yang melibatkan 7,000 orang keseluruhannya dan keseluruhan RM34,421 daripada RM2.33 Juta manakala 10.036 yang mengikut kepada kesesuaian kadar dan juga harga yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Dewan Negeri sebahagiannya biasanya meletakkan lebih kurang RM50 ke RM100 bagi setiap Bakul Makanan dan diagihkan dan jumlahnya kita dapat kumpulkan melalui pelaporan di *kitaselangor.my*.

Untuk soalan (b) pada ketika ini Kerajaan Negeri masih lagi mengehadkan setakat ini tambahan yang kita berikan sebanyak RM50 Ribu dan belum ada rancangan untuk menambah kerana kemungkinan hal itu kita akan fikirkan rancangan di dalam belanjawan kita nanti untuk memastikan kemaslahatan rakyat yang terbaik di samping saya juga ingin memberitahu sememangnya di kalangan Ahli-ahli Dewan Negeri Pembangkang kita telah berikan RM200 Ribu peruntukan sebagaimana yang turut dilaksanakan di beberapa buah negeri lain khususnya ketika pandemik tetapi tanpa pandemik juga kita telah mula berikan di Negeri Selangor Darul Ehsan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Banting?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada YAB Menteri Besar sama ada mungkin kerajaan bercadang mungkin melalui MBI untuk memberi baucar pemberian Bakul Makanan ataupun *groceries voucher* kepada Wakil Rakyat dan juga Ahli Majlis seperti apa yang dilakukan saya difahamkan di Majlis Perbandaran Sepang setiap Ahli Majlis diberi 25 baucar RM50 oleh MBI barangkali ia nya boleh digunakan diperuntukkan untuk semua Ahli-ahli Majlis dan juga Wakil Rakyat untuk membantu penduduk membeli barang *groceries* yang mereka perlukan sebab bukan semua penerima Bakul Makanan ini makanan dibekalkan sesuai contohnya pesakit dialisis dia tidak boleh makan makanan tin, ada juga yang ada pilihan yang tertentu jadi saya cadang mungkinkah kita adakan satu

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

perubahan di situ memberi sedikit baucar Bakul Makanan untuk mereka membeli barang yang mereka betul-betul perlukan. Sekian.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat. Ada beberapa format, sebagai contoh, bantuan untuk beberapa PPR kita yang kita laksanakan memang kita berikan dalam bentuk baucar. Kepada sesetengah pengendali rangkaian serbaneka sebagai contoh yang berdekatan dengan tempat mereka dan banyak bermanfaat sebab mereka boleh menceraikan perbelanjaan mereka dan merancang perbelanjaan mereka. Tapi ada sebahagian Ahli-ahli Dewan Negeri memang kita gunakan peruntukan kita ada untuk membeli makanan kerana ia lebih murah berbanding dengan membeli secara *retail* ataupun memberi secara runcit. *InsyaAllah* kita akan tengok kaedah yang terbaik. Kadang-kadang ada orang yang tak mampu nak keluar pun. Ada yang *bedridden*, ada yang tak boleh keluar, ada yang ni .. mungkin mereka memerlukan sebab itu pihak Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menukar arahan kita daripada hanya Bakul Makanan kepada keperluan harian. Kadang-kadang kita lihat ada keluarga yang memerlukan lampin pakai buang, untuk orang tua dan juga untuk kanak-kanak. Ada juga yang memerlukan susu isian sebagai contoh untuk anak-anak mereka dan juga *test kit* ataupun saringan-saringan kendiri yang boleh diberikan. Jadi kita telah mengubah hanya Bakul Makanan kepada Bakul Keperluan dan pihak Ahli-ahli Dewan Negeri juga boleh menggunakan, kalau ada lagilah, yang ada lagi peruntukan masing-masing menukar daripada hanya menumpu kepada makanan, dan juga membuka kepada perkara-perkara lain dan keterbukaan ini melihat kepada keperluan itu pun sebenarnya kita telah memberikan kelonggaran kalau di peringkat awal *very specific* tu yang kita berikan. Makanan seperti beras, mihun, *last-last* kicap tak ada, diorang tak boleh makan tak ada kicap, jadi kita benarkan Bakul Makanan sahaja dan agak terbuka tapi lepas tu kita dah berikan keterbukaan untuk barang keperluan tapi cadangan daripada Banting itu boleh kita pertimbangkan tapi ikut kesesuaian. Ada yang memerlukan makanan itu sahaja, ada juga yang memerlukan baucar dan mereka boleh keluar. Masalahnya, pada waktu tertentu kita hendak elakkan orang keluar. Kalau kita hendak elakkan orang keluar dan kalau kita berikan baucar-baucar, akhirnya mereka juga akan terpaksa keluar dan mungkin boleh menjadi salah satu punca perebakan dan hendak elakkan pergerakan yang terlalu banyak ketika kita melawan covid ini. Terima kasih Banting.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, soalan susulan.

TUAN SPEAKER : Tambahan ke?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ha?

TUAN SPEAKER : Soalan tambahan?

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ya, ya.

TUAN SPEAKER : Dipersilakan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat, saya ingin tanya adakah Kerajaan Negeri akan melihat semula jumlah bantuan yang diberi daripada RM50,000.00 setiap DUN pada satu angka yang boleh mencerminkan jumlah pengundi dalam satu DUN? Kerana kalau kita lihat, sebagai contohnya, Bukit Lanjan ada 65,000 orang pengundi, ada 300,000 orang penduduk berbanding dengan DUN-DUN yang lebih kecil, saya rasa mungkin tidak adil kalau kita guna peruntukan yang sama untuk DUN-DUN tersebut.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Kita telah mempraktikkan hal tersebut dalam peruntukan Dewan sebelum ini, tetapi itu, Sungai Pelek marah saya pula. (Ahli Dewan ketawa). Jadi, Bukit Lanjan kena *convince* dulu Sungai Pelek untuk kaedah macam itu. Kita letak *flat rate* sebelum kita (Ketawa)

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIIEW : Kita miskin, miskin ni di desa.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tidak adil, tidak adil, Sungai Pelek dapat lebih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Okay, kita telah cuba praktikkan mengikut jumlah pengundi sebelum ini tetapi akhirnya kita kembali kepada format asal sebab ada permintaan ya. Tetapi untuk RM50,000.00 ini adalah *additional* sahaja sebenarnya, berdasarkan daripada peruntukan yang telah sedia ada di tempat-tempat masing-masing. Menyedari tahun ini kita tidak mungkin boleh buat iftar terbuka, kita tidak boleh buat jamuan Raya, kita tidak boleh, mungkin Deepavali pun kita tidak sempat, mungkin ya, Tahun Baru Cina sambutan tidak ada. Ini semua program yang biasanya menelan belanja tidak termasuk lagi program-program Maulidur Rasul, sambutan yang biasa kita anjurkan jadi sebab itu saya percaya *bakul-bakul Makanan* itu adalah satu-satunya program yang kita boleh laksanakan ataupun *bakul* keperluan dan bantuan-bantuan sokongan sahajalah yang kita boleh buat ketika COVID-19 selain daripada saringan ataupun program vaksinasi. Jadi, tambahan yang kita berikan itu adalah menyedari tentang perbelanjaan yang tinggi terutamanya dalam *Bakul-bakul Makanan*. Kita akan ambil kira pandangan tersebut, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker, Soalan No. 39.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA (PWB)

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pembelanjaan dan baki untuk aktiviti PWB 2021 yang dibelanjakan setakat ini?
- b) Apakah jenis aktiviti dan program yang dijalankan oleh PWB semasa PKP dan PKPD tahun ini?
- c) Apakah penambahan yang boleh dibuat untuk memastikan PWB dapat membantu wanita Selangor?

JAWAPAN:

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Lanjan, jumlah keseluruhan perbelanjaan untuk pelaksanaan program-program PWB DUN di seluruh Selangor bagi tahun 2021 sehingga Ogos 2021 adalah sebanyak RM600,061.26 dengan baki peruntukan sekarang, RM2,399,938.74. Bagi perbelanjaan, dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) semua program yang dianjurkan oleh PWB di 56 DUN seluruh Selangor berjalan seperti biasa, seiring dengan norma baru ketika pandemik ini iaitu pelaksanaan program secara dalam talian (*online*). Bagi tahun 2021, sehingga Ogos 2021 sejumlah 134 buah program telah dilaksanakan secara *online* yang merangkumi 109 buah Program Kemahiran dan 25 buah Program Pembangunan Kapasiti. Jumlah program ini secara *detail* nya saya akan bagi kepada Yang Berhormat, sebab panjang. Kita maklum bahawa di dalam Program Kemahiran, kita ada 10 modul dan dalam Program Pembangunan Kapasiti juga 10 modul. Yang Berhormat, untuk kita memahami tentang penambahbaikannya ya, Penyelia PWB merupakan pemimpin wanita lah di dalam komuniti yang kita cuba latih dan didik untuk membantu masyarakat khususnya golongan wanita secara terus menerus melalui pelaksanaan program-program Pembangunan Kapasiti dan program-program Kemahiran.

Dalam memastikan penyampaian perkhidmatan pada para Penyelia PWB Selangor ini, memberi kesan positif dan memberi manfaat membantu wanita di Negeri Selangor, memang kita akui semasa PKP dan PKPD ini memang terjejas besar kerana ia sangat bergantung pada kreativiti dan kecekapan penyelia sendiri untuk memikirkan program-program yang dapat dilakukan secara atas talian ini. Jadi, antara penambahbaikan yang kita buat semasa 2020 dan 2021 adalah menambah baik

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

pembangunan kapasiti para Penyelia PWB melalui kepelbagaian jenis latihan kemahiran yang bersesuaian mengikut keperluan semasa seperti pengendalian program secara atas talian, kemahiran mempromosikan program atas talian, kemahiran mengendalikan media sosial dan kemahiran membuat analisa data keberkesanan penganjuran program atas talian. PWB di bawah WBS sekarang Yang Berhormat, sedang menambah baik pengurusan program-program PWB dengan membangunkan satu sistem pengurusan data raya program, peserta program dan tenaga pengajar PWB untuk dimanfaatkan bagi tujuan sebaran maklumat program dan hebatnya bantuan di bawah Kerajaan Negeri sepanjang masa. PWB juga di dalam proses ataupun telah sebenarnya membuat perkongsian maklumat peserta PWB mengikut taburan geografi pada Yang Berhormat masing-masing bagi tujuan memastikan maklumat peserta dapat dikemas kini dan pihak PKM dapat menyalurkan informasi berkenaan program-program inisiatif dan bantuan semasa Kerajaan Negeri supaya bantuan berkenaan dapat disalurkan dengan kadar segera. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan penambahbaikan terutamanya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat agar dapat bersama-sama berperanan dalam memastikan PWB di 56 DUN seluruh Selangor ini dapat membantu dan memberi manfaat kepada masyarakat khususnya golongan wanita. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan yang sangat teliti. Saya hanya hendak tanya satu isu iaitu selama 2 tahun ini sejak tahun lepas, kita nampak program-program aktiviti PWB merangkumi aktiviti atas talian, latihan, *capacity building*, media dan sebagainya. Saya rasa itu sangat penting untuk membangunkan kapasiti semua aktivis dan juga pimpinan wanita. Tetapi pada masa yang sama, memandangkan kita di dalam satu pandemik, satu keadaan yang sangat mendesak, bolehkah Kerajaan Negeri Selangor mengubah Program PWB daripada latihan kemahiran dan sebagainya kepada satu Program Pemberian Bantuan khusus untuk wanita. Sebagai contohnya untuk bagi *sanitary pad*, dengan izin, susu untuk bayi ataupun kanak-kanak yang sangat muda dan sebagainya. *We are very dynamic, we are in big trouble in Selangor*, jadi saya rasa mungkin Kerajaan Negeri boleh melihat semula apa jenis bantuan dan juga program yang memberi manfaat lebih kepada wanita-wanita di Negeri Selangor.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Memang tepat sekali cadangan Yang Berhormat. Sebenarnya dari tahun lepas kita telah membenarkan tentang pemberian ini, kalau Yang Berhormat ingat Program Pampers dan susu. Tahun ini juga dilaksanakan begitu dan baru ini mereka melaksanakan *Bakul Prihatin*

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

kepada *frontliners* dengan memberi produk-produk yang mereka hasilkan. Memang peruntukan kita ini Yang Berhormat, memang adalah peruntukan pembangunan, jadi untuk kita melaksanakan program pemberian, maka kita perlu buat sedikit pengubahsuaian. Tidak mustahil, boleh, cuma saya perlu agak *detail* sedikit. Boleh datang daripada Yang Berhormat sendiri tetapi kita cuba membuat biarlah program pemberian ini, semua PWB membuat perkara yang sama baru ada impak bila kita ada 56 DUN. Jadi, memang saya juga kadang-kadang menerima tentang program-program yang hendak dilakukan dalam bentuk pemberian, ada yang hendak bagi makanan dan sebagainya, saya cuba untuk menyelaraskan perkara itu tetapi mesti ada cadangan dan kita pun boleh kalau ada bagi pada WBS dan mereka akan menguruskan program itu.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Yang Berhormat EXCO.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih, saya cukup bersetuju dengan Bukit Lanjan. Sekarang peruntukan yang dibenarkan untuk pampers dengan susu hanya RM3,500.00 kalau tak silap. Saya cadangkan Yang Berhormat longgarkan biar peruntukan boleh dipakai seberapa banyak yang diperlukan. Jangan hadkan kepada RM3,500.00 bagi memanfaatkan penduduk yang sangat memerlukannya memandangkan latihan atas talian memang dibuat dua, tiga kali sebulan tetapi latihan atas talian itu tidak menelan belanja yang besar berbanding latihan *face to face* yang ada *venue* ada makanan dan sebagainya. Latihan atas talian bayar *trainer* RM200.00, RM300.00 kena buat berpuluhan-puluhan *training* tidak habis peruntukan PWB. Jadi, latihan atas *training* PWB saya, tetap akan buat. Latihan *capacity building* PWB saya, tetap akan buat.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, soalan tambahan ringkas bukan menghuraikan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Kena huraikan supaya Yang Berhormat EXCO boleh jawab sedikit mukadimah. Boleh tak kita belanjakan *the remainder of the* peruntukan untuk bantuan kepada rakyat daripada segi makanan, susu, pampers...

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat. Kalau tadi saya telah bentangkan kelebihan, ada lebih lagi RM2 Juta di dalam saku PWB itu. Sekiranya kita perlu katakan cadangan itu untuk kita belanjakan semua, saya kena bawa kepada MMKN untuk meluluskannya. Mestilah munasabah dan pada masa yang sama saya juga menganjurkan supaya sekarang ini, ibu-ibu muda diajar supaya mereka tahu macam mana hendak buat lampin pakai ulang, ulang pakai. Masing-masing menggunakan pampers, secara

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

alam sekitarnya pun tidak berapa bagus dan *if you*, kalau kita tanya generasi sekarang tak ada seorang tahu memakai napkin kain pada anak. Sedangkan pada masa sekarang ini, pada masa sekarang ini lebih baik kalau peruntukan itu kita guna pada perkara yang lebih bermanfaat. Itu saya, cadangan yang saya bagi kepada Penyelia-penyelia tetapi mungkin tidak dapat sambutan, lebih senang pakai, pakai buang dan sebagainya, terima kasih.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Ok, terima kasih Tuan Speaker dan juga YB EXCO, Yang Berhormat EXCO. Saya nak tanya berkenaan dengan baki peruntukan daripada RM50,000.00 yang telah digunakan oleh penyelia-penyelia kita. Adakah baki ini dibawa ke hadapan untuk kita sekalikan untuk peruntukan tahun seterusnya? Dan apa jadi kepada baki itu sekiranya ia tidak dibawa ke hadapan? Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Baik, terima kasih atas soalan itu. Amalan Pentadbiran, mana-mana peruntukan yang tidak habis dipakai kira diambil balik lah oleh Pentadbiran untuk diguna. Jadi, biasanya kalau lebih itu, ada di situ tetapi ia hanya *top up* sahaja untuk kegunaan tahun hadapan. Maknanya, kalau tidak pakai, hangus lah.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan kepada YB EXCO. Saya nak tanya kenapa borang maklum balas prestasi yang kita terima sebagai ADUN, ADUN sendiri tidak diberikan *authority* untuk mengisi borang tersebut? Penilai itu, maksudnya bila kita dapat, dinilai oleh Pegawai PWB *instead of* ADUN yang nilai. Boleh tak dicadangkan supaya diubah format tersebut? Maksudnya, memandangkan Penyelia ini semua diletakkan di bawah pemantauan ADUN berilah ADUN untuk jadi penilai mereka sebab kita yang *evaluate* prestasi PWB ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih, *insyaAllah* saya bawa kepada Pengurusan PWB, *insyaAllah*.

TUAN SPEAKER : Pandamaran.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Terima kasih Tuan Speaker. Cuma saya nak bangkitkan satu isu di mana PWB ini, bila PWB dah hantar borang untuk program tiba-tiba kata borang itu tidak sesuai, kena isi dan perlu hantar hari ini juga, jadi ini telah menyusahkan Pegawai PWB yang menjalankan program-program ini. Jadi, saya harap PWB boleh teliti kalau borang itu tidak sesuai jangan panggil pakai lepas itu hendak hantar hari itu juga. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD: Yang Berhormat Pandamaran, penyelia-penyelia PWB ada mesyuarat bulatan dan mereka diberi makna nya cara SOP dan sebagainya memang saya akui baru-baru kita sebab pertukaran di dalam pentadbiran PWB bersama dengan IWB dan juga program AKW diletakkan di bawah Wanita Berdaya Selangor Sdn Bhd dan semasa PKPD ini kekangan jumlah orang datang kerja dan juga, orang kata satu jabatan yang dominisasinya wanita bergilir-gilir untuk menambahkan penduduk negeri Selangor jadi ada sedikit gangguan di dalam orang kata pentadbiran semasa pemindahan antara bulan awal tahun ini tapi sekarang sudah *insyaAllah* settle dan saya Cuma mengatakan bahawa flow chart adalah agak jelas dan surat kelulusan kadang-kadang tidak menepati mungkin baru ada berbezaan SOP kerana kita ada sedikit SOP kita perlu ikut format MBI dan sebagainya *insyaAllah*.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, terima kasih masa sampai, terima kasih Yang Berhorma Seri Serdang, ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan 11.30 bagi dengan ini menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan, sebelum saya mempersilakan Sungai Burong sambungan daripada semalam saya beri masa 15 minit untuk Sungai Burong yang lain-lain oleh kerana memandangkan ramai-ramai Ahli-ahli Dewan masih berminat untuk berbahas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia menjunjung kasih maka yang lain seterusnya saya bagi masa 10 minit, silakan Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : *Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum* dan Salam Sejahtera. Saya mengucapkan terima kasih Tuan Speaker yang mengizinkan saya menyambung ucapan ini dan diberikan masa yang baik untuk saya mengambil bahagian perbahasan ini. Tuan Speaker saya menyambung perbahasan saya dengan menyambung titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku iaitu yang ditegaskan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku kita kini hidup dalam era pandemik COVID-19 yang menyerang segenap isi muka bumi, Selangor telah menjadi negeri yang paling terkesan di Malaysia dengan ribuan kes positif direkodkan setiap hari dan banyak kematian yang telah berlaku. Kali ini bagi saya

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

cukup membimbangkan ia menuntut perhatian dan kesepadan usaha sumber dan perancangan yang itu daripada semua pihak khususnya kerajaan Negeri agar kita dapat segera keluar daripada krisis ini, persoalan utama yang bermula di minda rakyat ketika ini adalah kenapa kes positif harian di Selangor terlalu tinggi apakah punca atau faktornya? Menurut mantan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia KKM Datuk Dr. Rohaizat Yon antara faktor yang mendorong kenaikan mendadak kes baru positif di Selangor ialah kelesuan tak mematuhi Prosedure Operasi Standard SOP yang ditetapkan selama lebih 16 bulan secara berterusan dan pembukaan ekonomi tidak tentu yang turut berkaitan rapat dengan kegagalan pematuhan SOP, kali ini turut disentuh oleh DYMM Tuanku dalam ucapan baginda, saya melihat kedua-dua faktor yang diutarakan oleh Dr. Rohaizat ini sebagai satu hal yang wajar diberi perhatian serius. Siapakah pihak tertentu yang dimaksudkan oleh beliau adakah masyarakat awam atau pun pihak industri atau pihak komersial yang lain?, adakah mereka yang kunjung mengunjungi kita sambutan hari kebesaran atau mereka yang dipaksa hadir ke tempat kerja oleh majikan sehingga mencetuskan puluhan kluster baru dalam masa yang singkat.

Pada 6 Ogos yang lalu Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Dato' Dr. Shaari Ngadiman mengesahkan kepada media bahawa sektor perkilangan menjadi menyumbang utama kluster COVID-19 di negeri ini, iaitu sebanyak 96 kluster atau bersamaan 54peratus daripada keseluruhan kluster yang direkodkan pada bulan julai 2021. Ia diikuti 22 kluster perkhidmatan iaitu 22 peratus 18 kluster tapak binaan, 10 peratus dan 9 kluster komuniti. Daripada data ini dapat dirumuskan bahawa masyarakat awam kita sebenarnya mematuhi SOP dan ini juga diakui oleh Dr. Shaari sendiri tetapi kita lihat dalam sektor industri ahap kepatuhan mereka terhadap SOP ini agak dilakukan jadi kita mahu kerajaan memastikan bahawa persoalan ini dapat kita selesaikan sepenuhnya.

Tuan Speaker, kita telah dimaklumkan bahawa telah banyak usaha telah dijalankan oleh kerajaan Negeri Selangor khususnya

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Sungai Burong minta pandangan sikit, tadi Sungai Burong ada menyatakan soal berkaitan tentang pematuhan SOP, rakyat ikut SOP yang tak ikut SOP ni kebanyakannya kluster kayangan, ada musim PKP pandemik COVID-19 ada buat jamuan durian, pergi tahnik anak artis kenduri khawin, adakah mesyuarat jadi nak minta pandangan daripada Sungai Burong ni, kluster kayangan ini yang tidak SOP ini jadi saya nak minta apa pandangan daripada Sungai Burong, terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya bersetuju terima kasih, orang mengadakan pesta makan durian, itu pun juga menyumbang kepada peningkatan kes-kes tersebut tetapi di sini kluster komuniti dilaporkan sebagai menyumbang 5peratus, jadi saya ini memfokuskan kepada isu yang besar iaitu kluster perkilangan.

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Tapi sebelum itu saya kita telah dimaklumkan bahawa kerajaan Negeri Selangor juga telah menjalankan berbagai-bagai-bagai program di bawah pakej Kita Selangor 1 dan kita Selangor 2 untuk menangani masalah COVID-19 ini melalui Program *Blueprint* Program Pemulihan Covid-19.

Jumlah peruntukan yang besar perancangan dan perlaksaan program-program, Vaksin Selangor SelVAX yang untuk mempertingkatkan mempercepatkan Proses Imunisasi vaksin pakej COVID-19 Kebangsaan (PICK), Program Kebajikan kepada golongan yang terkesan akibat pandemik ini program-program membantu usahawan dan mereka yang kehilangan pekerjaan, dan mata pencarian serta rancangan pemulihian ekonomi yang terkandung dalam bajet atau pakej yang disebutkan tadi.

Tetapi malangnya akhirnya yang kita sangat risau pada hari ini ialah walaupun perkara ini sedang berjalan tetapi peningkatan COVID-19 ini semakin bertambah daripada hari ke hari, semalam pun telah merekodkan bahawa negeri Selangor ini masih menyumbang peningkatan COVID yang tertinggi iaitu dengan jumlah 6,325 dan kematian yang agak besar aiatu 105 berbanding dengan 265 di negara, jadi kita berada sama ada apakah program-program yang rancang yang dilaksanakan ini telah memberikan kesan atau pun kesan yang belum dapat dirasai lagi kita telah mendapatkan sasaran bahawa menjelang bulan September kita seharusnya mencapai imunisasi kelompok, sasaran yang kita tidak ada banyak masa dalam tempoh satu bulan jadi saya harap kerajaan Negeri akan mengambil langkah untuk memecut kalau kita terlambat dalam perlumbaan ini kita perlu memecut supaya kita sampai pada garisan penamat daripada masa yang ditetapkan itu, kita tidak mengelak bahawa ini indikator utama

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Tuan speaker,

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Dalam program dalam yang dilaksanakan...

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Sungai Burong, Sungai Burong, nanti minta tambah masa, Speaker boleh bagi Sungai Burong tidak minta ada masalah, sebab saya dengan Sungai Burong umpama Aur dengan Tebing

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Sila...sila kan,

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Tadi Sungai Burong ada menyebutkan soal berkaitan dengan kerajaan Negeri kena pecut, saya tengok ekor kerajaan Negeri dah lebih pecut dah, soal berkaitan dengan isu COVID di Negeri Selangor ini terlalu banyak tinggi kesnya kita akui, di negeri Selangor ini tinggi isu COVID adalah sebabkan faktor pembukaan kilang, jadi saya nak tanya dengan Yang Berhormat Sungai Burong kilang ini kilang ini boleh tak, setuju tak, dengan saya kalau kilang-

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

kiland yang kuat sangat wabak penyakit pandemik COVID kalau boleh kilang-kilang ini kita tutup sementara dan kuasa untuk tutup kilang ini dia tak ada di bawah kerajaan Negeri dia ada di bawah Kerajaan Persekutuan terutamanya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Majlis Keselamatan Negara saya minta sedikit komen daripada Sungai Burong, terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Yang Berhormat Templer saya akan menyentuh perkara itu sebentar lagi, kerana memang saya berdasarkan kepada laporan yang dikemukakan oleh berkenaan dengan isu kilang ini. Tetapi sebelum ke situ saya ingin membangkitkan bahawa fokus diberikan kepada masalah utama saya bersetuju bagaimana Templer katakan bahawa kluster kilang ini merupakan menyumbang terbesar kepada masalah COVID, dan cadangan untuk menutup itu kita boleh lakukan tetapi delima yang kita hadapi kita telah menghadapi setahun setengah enam belas bulan dalam keadaan kemelesetan ekonomi dan kita kalau biarkan kita tak melakukan pemulihan ekonomi kita akan berada dalam keadaan ekonomi limbo, dan ini akan menyebabkan kesusahan dan kesengsaraan kepada rakyat dan negara ini pada masa akan datang, tetapi sebenarnya langkah-langkah telah dilaksanakan bersama antara kerajaan Negeri dan juga kerajaan Persekutuan dengan kempen dengan sebagaimana dalam jawapan Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar tadi berkaitan dengan penyertaan kilang-kilang yang terlibat bagi mengelakkan daripada penularan wabak Covid ini dengan menggesa kilang-kilang secara sukarela untuk menjalankan imunisasi vaksin kepada pekerja-pekerjanya

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Sungai Burong sikit lagi

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Nanti sekejap saya nak jawab dulu

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Saya nak sikit-sikit saja nak tanya

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Nak tanya di antara nyawa dengan ekonomi Sungai Burong pilih mana, Sungai Burong pilih mana, soalan itu, soalan....terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : antara *survival*, nyawa dengan ekonomi kedua-duanya kita sebenarnya ia berkaitan kalau kita tak ada nyawa tak ada ekonomi kita boleh jadi kebuluran dan akan kematian jadi ada menggantung diri, jadi kedua-duanya bole kita tangani cara orang kata tak ada bijaksana tapi saya akan teruskan sebenar lagi bahawa di bawah pelan pemulihan negara ini kilang-kilang ini dibenarkan beroperasi apabila dia mencapai vaksinasi 80 peratus dan ada syarat-syarat yang lain tapi saya ingin menggesa supaya bagi kita sekarang ini kita dah lewat kilang-kilang ini kita tidak boleh dibiarkan secara sukarela saya menggesa kerajaan Negeri yang mengambil inisiatif untuk kita mewajibkan kepada kilang-kilang ini melakukan vaksinasi secara menyeluruh kepada pekerja-pekerja mereka dan

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

sebenarnya lebih senang menguruskan kilang ini kerana pekerja-pekerja mereka didaftarkan di kilang dan juga kebanyakan pekerja-pekerja mereka tinggal di asrama-asrama kilang, operasi boleh dijadikan di bawah Pakej Selangor Kita 2, jawatankuasa di bawah Dr. Mohd. Khalid ini telah ditubuhkan untuk menjalankan pemantauan dan pemeriksaan di kilang-kilang bagi memastikan pematuhan kepada SOP tersebut, jadi bila ini dapat dilakukan maka kita bolehlah mewajibkan kilang-kilang ini di negeri Selangor seterusnya supaya kita dapat memastikan *outreach* dengan izin mereka yang akan dapat dilaksanakan, kerana andaian di sini apabila hampir semua rakyat dapat divaksinasi maka kemungkinan penularan COVID itu akan menurun, dan saya sangat mengharap dan amat risau adakah benar menjelang September ini kita dapat menurunkan kes tersebut, ini harap-harap kita dapat lakukan, jadi kerana itu sampai masanya kepada kerajaan Negeri...

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIIEW : Sungai Burong, Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ya, ya. Sungai Pelek, kawan lama.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIIEW : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker saya bersetuju dengan Yang Berhormat...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Sudah kuning, sudah kuning, saya tak beri laluanlah sebab saya ada beberapa perkara lagi, minta maaflah. Pertama saya mengambil pendekatan, pendekatan sekarang ini, saya mengambil beberapa kelemahan sebelum ini, kita perlu atasi ya. Saya melihat di peringkat Jawatankuasa Bencana COVID Daerah, pendekatan kita *engagement* kita, kerjasama kita tidak *inclusive*. Satu contoh, kita ADUN Pembangkang ini ditinggalkan. Kita tidak tahu apa perkembangan yang berlaku dalam menangani masalah COVID-19 di kawasan atau pun di tempat kita. Sebenarnya sepatutnya kita manfaatkan, ADUN-ADUN sebagai wakil rakyat. Kita wakil rakyat dengan rakyat, rakyat memilih kita dan kita mempunyai *engagement* yang besar dengan institusi di peringkat Daerah dan kawasan. Saya hendak beri contoh waktu mula-mula PPV dilaksanakan, pertama kita tidak duduk dalam Jawatankuasa Bencana COVID-19 Daerah. Itu kita akui lah, tidak mengapa. Tetapi apabila pelaksanaan PPV di Daerah Kuala Selangor pada bulan Julai yang lalu apabila saya hendak melakukan vaksinasi untuk saya sendiri di sana, saya telah berjumpa dengan Pegawai Daerah dan Pegawai Daerah telah memberikan taklimat mengatakan bahawa di PPV Kuala Selangor ini terdapat kekurangan peralatan yang sangat besar. Mereka memerlukan 8 buah *laptop*, kita ada, saya ada kita terus terima *report* dan bekalkan kepada mereka. Yang kedua pada masa yang sama Pegawai Daerah mengatakan bahawa di peringkat awalnya mereka tak ada sasaran supaya mendapatkan pendaftaran MySejahtera sebanyak 1,000 orang satu hari di PPV Kuala Selangor. Tapi kehadiran atau pun pendaftaran itu terlalu lemah, jadi dia minta tolong pada Adun. *Immediately* saya gerakkan di peringkat Jawatankuasa ADUN, kita tahu siapa Ketua-ketua Kampung, Ketua-ketua Masyarakat. Kita tahu nazir-nazir masjid,

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Pengerusi PIBG dan NGO-NGO setempat. Kita menggerakkan mereka dan kita berjaya mengumpulkan senarai dan mengeluarkan lebih banyak orang untuk apa orang kata, melakukan vaksinasi.

Kemudian apabila Kerajaan Negeri Selangor meluluskan peruntukan, minta maaf tak bagi dah, dah merah dah. Saya *injury time* ya. Saya minta supaya ...

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Bagilah laluan, bagilah laluan ke Kuang pula.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kita tahu kita boleh melakukan yang terbaik. Bakul

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Sungai Burong, saya hendak minta laluan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bakul-bakul makanan ya, apabila dibenarkan menggunakan RM50 Ribu, kita dalam masa tak sampai seminggu kita telah dapat menghantar bekalan-bekalan tersebut kepada mereka. Kemudian satu lagi insiden yang saya hendak nyatakan apabila berlaku kluster pasar basah di Tanjung Karang. Kita tak tahu tapi kita dapat tahu terdapat mereka yang 9 orang telah dikesan kena COVID-19. Kita pergi cari mereka dan kita menyalurkan bantuan kepada mereka. Saya ingat ini peranan, saya minta *time* sikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: *Point* terakhir Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Okay, saya hendak minta satu saja sangat penting ialah isu tentang rasuah. Isu rasuah dalam ucapan Baginda itu sangat penting kerana Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah mengambil berat tentang adanya gejala rasuah di Negeri Selangor ini. Jadi gejala rasuah ini adalah sangat penting bagi kita Adun-adun mengambil serius tentang perkara ini. Dan ia perlu dibanteras dengan segera. Sebenarnya rasuah tidak mengenal sesiapa, ia tidak ... atau pun Parti-parti tertentu atau pun kluster imigresen, kluster jabatan kerajaan, kluster swasta. Selagi ada pemimpin yang diberikan amanah dan tanggungjawab menyeleweng dan menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, selagi itulah rasuah berlaku.

Selagi ada pemberi dan ada penerima rasuah maka rasuah akan berlaku. Rasuah ini ibarat barah, kalau tidak dicegah dan dibiarkan ia akan merebak, ia boleh menakutkan, memusnahkan ketirisan kehancuran ekonomi dan kejatuhan tamadun manusia dan negara. Oleh itu saya menyeru supaya kita menyambut baik seruan Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya masalah gejala rasuah yang mula wujud di

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Negeri Selangor ini kita banteras dengan secepat mungkin. Tindakan tegas perlu diambil ...

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : YB beri laluan sikit, Kuang ini apa ini Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya berharap Kerajaan Negeri Selangor melalui peraturan-peraturan di bawah *general order* dengan izin boleh diambil tindakan terhadap penjawat-penjawat awam yang disyaki terlibat dengan gejala rasuah. Kedua Kerajaan Negeri Selangor hendaklah membuat pemantauan dengan kerjasama SPRM dengan memastikan tender-tender yang dilaksanakan adalah telus dan teratur. Kalau boleh pegawai-pegawai SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) ini diletakkan sebagai pemerhati dalam proses pelaksanaan tender-tender kerajaan. Eloklah dibetulkan tetapi kita hendak pastikan supaya gejala ini dapat ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Baiklah Sungai Burong, masa pun telah tamat. Sungai Burong ...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Yang ketiga, ada dua lagi ya. Kerajaan dalam menyemak segala peraturan boleh mengundang pada budi bicara dan sebagainya. Dan pemimpin-pemimpin penjawat awam hendaklah mempunyai integriti yang tinggi dan kalau kita hendak pilih pun dalam pilihan raya nanti, carilah pemimpin-pemimpin yang berintegriti bagi memastikan bahawa masalah rasuah ini tidak akan berlaku di negara kita ini. Akhirnya Tuan Timbalan Speaker, saya ingin mengucapkan setinggi tahniah ke atas pengorbanan *frontliners* yang telah bertungkus-lumus untuk berjuang bagi membasmi masalah COVID-19 ini. Mereka adalah merupakan hero-hero dengan izin tapi *insyaAllah* segala khidmat bakti mereka ini akan kita ingati dan saya mendoakan agar ia diberikan ganjaran yang sewajarnya daripada Allah SWT di akhirat nanti. Sekian Sungai Burong menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor di Dewan yang mulia ini. Assalamualaikum w.b.t.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong, saya persilakan Yang Berhormat Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana memberikan ruang dan peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada 23 Ogos 2021 yang lalu. Alhamdulillah saya sebagai rakyat Negeri Selangor bersyukur kerana kita mempunyai Tuanku Sultan Selangor yang sangat penyayang dan sangat prihatin kepada rakyatnya. Dan dalam titah menjunjung kasih Tuanku itu banyak perkara yang disentuh terutama sekali Tuanku meminta kita sebagai kerajaan, wakil-

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

wakil rakyat yang telah dipilih oleh rakyat untuk tumpu perhatian untuk menjaga kebajikan rakyat. Dan tidak bermain politik dalam suasana pandemik COVID-19 yang semakin mencabar di Negeri Selangor. Dan bersyukur sangat-sangat ya kita mempunyai Sultan atau pun Tuanku yang sangat penyayang kepada rakyatnya.

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor dengan pasukannya di atas pelbagai inisiatif-inisiatif yang disediakan oleh rakyat di Negeri Selangor bagi merancakkan ekonomi tanpa meminggirkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat. Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin Fasa 1 dan 2 yang bernilai RM400 Juta pada tahun 2020 dan Pakej Kita Selangor 1.0 dan 2.0 berjumlah RM627.437 Juta pada tahun ini telah berjaya di manfaatkan oleh rakyat di Negeri Selangor bagi menghadapi cabaran pandemik COVID-19. Ini bukti menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor di bawah kepimpinan Kerajaan Pakatan Harapan adalah sebuah Kerajaan yang benar-benar menumpukan usaha untuk memberikan kebajikan kepada rakyatnya. Dan Kerajaan kita di Negeri Selangor ini sangat-sangat stabil, kita tidak bermain politik seperti apa yang berlaku di peringkat Kerajaan Persekutuan di mana mereka di dalam sesama pasukan pun berebut-berebut untuk jatuh menjatuhkan antara satu sama lain kerana semata-mata untuk berebut kuasa.

Jadi contohilah kerajaan Negeri Selangor di mana kita berjaya untuk memastikan kebajikan rakyat terus diberikan dalam suasana pandemik COVID-19, *Alhamdulillah*. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya hendak nyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Pelabuhan Klang tidak pernah ada PKP semenjak hari pertama PKP ini diumumkan tahun lepas. Walaupun Perdana Menteri mengatakan semua kena berada di rumah, semua kena patuh SOP, semua kena *lockdown* dari tahun lepas sehingga ke hari ini, walaupun diumumkan ada PKP tapi Pelabuhan Klang tidak pernah ada PKP. Sebab apa, sebab Pelabuhan Klang adalah tempat keluar masuknya barang dagangan import dan eksport dan kerancakan aktiviti ekonomi ini berlaku di Pelabuhan Klang. Dan kalaulah Pelabuhan Klang ini ditutup, Pelabuhan Klang ini tidak berfungsi semata-mata hendak mengikut Perintah Kawalan Pergerakan atau pun *lockdown*, habislah ya, tidak berfungsilah negara Malaysia ini. Tidak adalah bahan makanan di bawa masuk, tidak adalah aktiviti ekonomi untuk rakyat, sebab itulah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau kita tengok kes COVID-19 di Daerah Klang ini sangat-sangat tinggi.

Dan saya hendak bacakan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor pada tahun 2021 bermula daripada Januari kita adalah 8,109 kes. 25 kematian di Daerah Klang, bulan Februari 5,340, 10 kematian. Bulan Mac 1,842 ada penurunan 6 kematian. Bulan April 2,423 kes 11 kematian. Bulan Mei 7,956. 59 kematian ini Daerah Klang sahaja. Bulan Jun 10,755 dengan angka 102 kematian. Kemudian bulan Julai 27,794 dengan angka kematian seramai 183. Dan bulan Ogos sehingga 10 Ogos, kita dah ada kes COVID-19 di Daerah Klang sebanyak 20,793

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

kenapa saya beritahu sampai 10 Ogos sebab saya hendak menjawab JAIS sekejap lagi okay. Dan kalau ambil angka sehingga 24 Ogos 2021, kita ada 38,580 kes COVID-19 di Daerah Klang. Dan menyebabkan ada kematian sehingga 10 Ogos 2021 ada 83 kes.

Dan perjalanan saya hendak datang ke sidang Dewan hari ini pun ada kematian pagi tadi 5 pagi di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, orang kampung Telok Gong, kampung nelayan. Keluarga dia dah 3 orang dah meninggal ini yang ketiga. Okay, apa yang saya hendak sampaikan, apa yang cuba saya hendak minta Yang Berhormat EXCO Kesihatan Seri Serdang untuk jelaskan dalam Dewan yang mulia ini. Berdasarkan apa yang dibacakan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Besar, Sungai Tua berkenaan dengan pengurusan jenazah COVID-19 di Hospital Tengku Ampuan Rahimah yang saya tahu pihak Jabatan Agama Islam Selangor telah menguruskan sebanyak 357 jenazah COVID-19. Ini jenazah agama Islam dan Jabatan Agama Islam Selangor memulakan pengurusan jenazah secara operasi bersepadu ini pada 16 Julai 2021. Bermakna bermula pada 16 Julai, kalau tengok angka 357 jenazah COVID-19 dan bukan hanya Jabatan Agama Islam Selangor sahaja menguruskan jenazah COVID-19 ini, NGO yang dinaungi oleh saya yang tidak diiktiraf oleh JAIS juga menguruskan jenazah COVID-19 ini bermula daripada 18 Mei selepas dilantik oleh pihak Hospital Besar Tengku Ampuan Rahimah Klang.

Dan mengapa kita uruskan jenazah COVID-19, kalau kita ambil angka daripada 16 Julai sebab saya hendak *tally* dengan angka yang dibuat oleh Jabatan Agama Islam Selangor. Kita buat daripada 16 Julai ada 91 jenazah COVID-19 dan kalau kita campur ada 448 jenazah Islam sahaja. Tetapi kenapa data yang saya dapat daripada laman web rasmi atau pun *facebook* rasmi Jabatan Kesihatan Negeri Selangor menunjukkan baru ada 266 angka kematian. Bulan Julai dan sehingga 10 Ogos, jadi tanda tanya sebab saya dekat Port Klang ini hari-hari ada van jenazah, ada ambulans, ada orang angkat mati dekat rumah, ada yang seminggu mati dekat rumah. Jadi mereka ini direkodkan kematian sebagai apa? Sebab angka jauh dan takkanlah tak ada mayat bukan Islam, warga asing, adakah ini direkodkan? Tetapi kenapa bila rekod keluar, 183 sahaja kematian bulan Julai di daerah Klang? Jadi timbul tanda tanya, adakah data ini saya boleh percaya atau tak boleh percaya atau pun ada penjelasan yang tidak jelas di dalam laporan data ini. Sebab itulah saya katakan kalau ambil ada 448 jauh angka ini. Jadi saya minta Yang Berhormat Seri Serdang untuk *check* balik dengan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor jenazah mana yang sebenarnya atau mayat mana yang diiktiraf meninggal sebagai COVID. Saya ada contoh tiga kes mayat atau jenazah di dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang, kawan baik saya. Yang seorang itu saya kenal daripada kecil, saya anggap sebagai pakcik saya, Berembang, Teluk Gong dan satu lagi di Kampung Raja Uda, tiga-tiga ini kena tahan di hospital sebab masuk sebab masalah dialisis tetapi bila meninggal kita tidak boleh nak uruskan secara biasa, secara normal seperti jenazah normal, kita kena

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

uruskan secara COVID kerana dikatakan ada jangkitan COVID. So kat mana kenanya?

Jadi ini yang menjadikan tanda tanya dan menjadikan kelam kabut suasana di kawasan Klang, di Jabatan Forensik Klang dan di daerah Klang itu sendiri tentang jumlah angka kematian. Dan akhirnya apa? Kubur, Tanah Perkuburan Islam Selat Klang tapak yang baru buka 17hb Julai dalam masa 11 hari 95 jenazah. Selepas itu selepas Jabatan Agama Islam sumbat semua jenazah kat sana akhirnya penuh pula sekarang tak boleh pula nak hantar ke Tanah Perkuburan Islam Selat Klang, sekarang kena hantar pula kat Johan Setia. Akhirnya waris atau orang yang betul-betul tinggal di Sungai Sireh sekarang tidak boleh dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Selat Klang sebab peraturan yang dibuat oleh Jabatan Agama Islam Selangor. Kenapa saya bangkitkan angka ini sebab Kerajaan Negeri Selangor mengumumkan pemberian Skim Khairat Kematian kepada mana-mana jenazah COVID-19 atau mayat COVID-19 yang bukan Islam. Jadi kalau angka ini tidak *tally*, itu sebab hari itu buka untuk 1500 kematian tak cukup sebab mesti Kerajaan Negeri berdasarkan fakta yang dibekalkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri untuk buat anggaran belanjawan dan akhirnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar terpaksa umumkan lagi tambahan bajet sebab cepat penuh, 1500 penuh dah untuk satu Selangor. Jadi sebenarnya berapa yang betul-betul yang meninggal oleh sebab COVID-19. Jangan sorok data, jangan simpan fakta, *declare* umumkan atau pun mungkin ada pecahan-pecahan jenis kematian tetapi terpaksa juga diuruskan sebagai jenazah COVID-19...

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Minta laluan Pelabuhan Klang

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Sekejaplah, masa saya 10 minit sahaja. Sudah merah itu.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Tak apa dia bagi masa kecemasan.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Okay sekarang saya *last* sebelum saya menutup. Semalam saya telah, soalan saya telah dijawab oleh pihak Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang mewakili EXCO Agama Islam berkenaan dengan pengurusan jenazah yang diuruskan oleh Jabatan Islam Negeri Selangor. Saya hendak merayu bagi pihak waris. Saya berhadapan dengan waris ini hari-hari. Yang sedang hendak meninggal kat hospital pun ada, tunggu masa hendak buka oksigen sahaja. Menguruskan jenazah COVID-19 ini bukan hanya menguruskan jenazah dan mayat semata-mata sebab jenazah COVID-19 atau mayat COVID-19 tak sama sebab waris tak boleh uruskan, waris tak boleh tengok, waris tak boleh dekat, waris tak boleh dakap, waris tak boleh sembahyangkan, waris boleh tengok dari jauh sahaja, pengecaman jenazah pun tak sampai satu minit, buka tunjuk muka tutup lepas itu *body seal* dalam *body bag*, *sanitise*, mandi tak, apa tak, sekarang bagus tayamum pun tak ada kalau tidak ulat-ulat tayamum ni ramai ambil kesempatan sampai RM750

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

charge untuk tayamum saja. Saya minta pihak Jabatan Agama Islam untuk *check* balik sebab sampai sekarang masih lagi berlaku kezaliman kepada waris-waris ini di hospital-hospital lain, kat Klang tak apa saya boleh tengok tapi kat hospital lain seperti Hospital Sungai Buloh, Selayang masih ada lagi berlaku charge yang tidak sepatutnya sedangkan Kerajaan sepatutnya kena buat *free* pengurusan jenazah COVID-19 ini. Okay, saya nak mintalah untuk kaji semula tentang perkuburan ini, dah sampai masanya suka tak suka, nak tak nak, boleh tak boleh kita kena hidup dengan COVID-19 macam mana kita hidup dengan denggi. Kes denggi tinggi tapi ada orang hairan? Tak hairan. Kenapa saya cakap kita kena hidup dengan COVID-19 maknanya Kerajaan kena bersedia daripada hari ini dengan *varian* yang baru yang tak tahu datang daripada mana. Malam tadi saya bercakap dengan YB Permatang, 7.25 orang meninggal kat rumah, umur 53 tahun sesak nafas meninggal kat rumah. Okay saya nak pihak Jabatan Agama Islam, saya tak nak tiba-tiba kubur penuh tak tentu fasal di satu tempat dua tempat. Sudah sampai masanya, kubur-kubur kariah ini digunakan semula untuk pengurusan jenazah COVID-19. Menguruskan jenazah COVID adalah yang paling senang berbanding dengan menguruskan jenazah-jenazah yang lain. Kita kena jaga emosi waris, waris tak dapat datang. Saya ada satu kes seorang isteri di MAEPS Serdang meninggal dunia, suaminya meninggal dunia merayu-rayu dia tak boleh keluar, anak kecil-kecil siapa nak uruskan banyak kes. Jadi saya minta supaya pihak JAIS kaji semula tentang kubur berpusat ini. Kalau-lah alasan mengatakan pegawai KKM susah nak berada di semua tempat kita latihlah sebab itu kita dah ada kita terpaksa hidup dengan COVID-19, kita latihlah ramai sukarelawan untuk bekerja dengan KKM, bukan susah pun kerjanya ambil *sanitise*, senang sangat uruskannya, senang sangat tapi janganlah kita menyusahkan dan meremehkan dan lagi sekali lagi saya merayu dan kalau nak berbincang boleh berbincang sebab saya panjang lagi nak bercakap tapi tak apa saya akan pergi ke sidang media untuk jelaskan apa yang saya cuba nak sampaikan. Sekali lagi saya nak semua yang ada di dalam dewan ini terutama pihak Jabatan Agama Islam kaji semula atau nak berbincang, berbincanglah dengan pihak saya tak ada masalah. Menguruskan jenazah COVID sekali saya nak beritahu bukan menguruskan jenazah semata-mata tetapi adalah bagaimana kita nak menguruskan emosi waris yang ada sekarang waris yang tak boleh terima hakikat orang yang tersayang dah hilang sebab dia tak nampak, dia tak tengok, dia tak yakin. Jadi itu sahaja oleh itu Pelabuhan Klang dengan ini menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor. Sekian, terima kasih.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Pelabuhan Klang. Saya persilakan Yang Berhormat Sentosa.

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker . Salam sentosa kepada Yang Berhormat kerana memberi peluang kepada Sentosa untuk mengambil bahagian perbahasan ini bagi titah di raja

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor. Memang banyak perkara yang telah saya sediakan memandangkan masa tidak mencukupi dan saya ingin mulakan dengan Pakej Kita Selangor, tahniah saya ucapan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana berjaya melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi bagi mendepani cabaran sosio ekonomi ketika pandemik COVID-19 ini. Memang tiga strategi yang merangkumi menjaga kebajikan dan kelangsungan hidup rakyat, menyelamatkan industri ekonomi dan sektor usahawan di Selangor dan kawalan kesihatan untuk mengekang penularan wabak COVID-19 dilihat berjaya memberi kesan positif kepada sosio ekonomi di Negeri Selangor. Sentosa ingin mencadangkan agar program ini kita perlu diteruskan ditambah baik dari masa ke semasa bagi memastikan setiap rakyat di negeri ini menerima manfaat sewajarnya. *Swab test* dan juga vaksinasi SelVAX, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Seri Serdang kerana bertungkus-lumus menjayakan program ini. Memang bukan senang ya populasi Negeri Selangor paling tinggi dan EXCO ini berjaya menjalankan program-program vaksinasi SelVAX yang telah membantu meningkatkan kadar vaksinasi di negeri ini dengan lebih cepat dan antara kadar vaksinasi tertinggi dalam Malaysia. Apabila 77.64% populasi dewasa telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin. Tuan-tuan dan puan-puan, *Port Klang* tadi membangkitkan dan telah memberitahu kita statistik apa yang berlaku di daerah Klang sahaja dan kes COVID-19 di Negeri Selangor telah mencecah lebih daripada 500,000 dan angka kematian sebanyak 4,427 orang sehingga 16 Ogos 2021. Hal ini amat mendukacitakan dan kita amat bersimpati kepada mereka yang kehilangan ahli keluarga. Inisiatif Kerajaan Negeri bagi memberi pampasan RM1,000 kepada waris yang kehilangan ahli keluarga akibat COVID harus dipuji. Walau bagaimanapun saya percaya inisiatif ini boleh ditambah baik Kerajaan Negeri bagi waris yang kehilangan lebih seorang ahli keluarga akibat COVID ini dan terima kasih saya ucapan kepada Kerajaan Negeri yang telah memberi bayaran pampasan tambahan sebanyak RM1,000 secara *one-off* kepada mangsa-mangsa yang meninggal. Di kesempatan ini saya ingin menzahirkan ucapan tahniah memang apa yang kawan saya atau pun YB Pelabuhan Klang telah bangkitkan tentang adanya sedikit kelemahan tetapi saya ucapan tahniah kepada Jabatan Agama Islam Selangor yang berjaya membantu menguruskan jenazah pesakit COVID-19 dengan tatacara yang baik dan berkesan. Tidak lupa juga kepada sahabat saya Pelabuhan Klang YB Azmizam yang terlibat secara langsung. Kalau dia *emotional*, hari ini kita tengok dia *emotional* kerana hari-hari dia berada di *crematorium* Pelabuhan Klang, hospital Pelabuhan Klang bagi menguruskan jenazah COVID-19 tanpa mengenal erti penat dan letih. Tuan Speaker, saya ingin mengambil peluang atau pun perhatian seisi dewan berkenaan tata kelola pengurusan jenazah COVID-19 bukan beragam Islam.

Dalam keadaan ekonomi semasa yang telah menyebabkan banyak waris mengalami kesukaran untuk menguruskan mayat hingga proses pengebumian selesai. Semasa pandemik ini penyelia perkhidmatan pengurusan jenazah telah mengenakan kos yang

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

lebih tinggi berbanding biasa. Ada juga yang mengenakan sampai RM3,000 ke RM4,000. Hal ini disebabkan mereka perlu menanggung kos baru seperti penggunaan pakaian kebersihan, pembasmian kuman kenderaan yang kerap perlu pula dijalankan bagi masyarakat Cina, India dan bangsa selain agama Islam mereka tidak mempunyai satu badan untuk dirujuk untuk membantu mereka mendapatkan pertolongan sewajarnya berkaitan dengan pengurusan jenazah. Oleh itu bagi membantu keluarga miskin pihak Kerajaan perlu mengambil tanggungjawab penuh untuk menguruskan proses pengebumian mayat pesakit COVID-19 sehingga selesai sepenuhnya. Kerajaan disarankan untuk mewujudkan satu badan satu jawatankuasa khas yang khususnya untuk tempoh pandemik COVID-19 untuk membantu menguruskan jenazah atau mayat pesakit COVID-19. Jawatankuasa ini penting untuk membantu menguruskan mayat sehingga ke proses pengebumian selesai. *This is peace of mind* untuk ketenangan fikiran keluarga-keluarga kerana macam apa yang diberitahu waris tak dapat temu tengok sendiri dan kita boleh membantu *situation of this* dengan izin *for peace of mind family members.*

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kawan saya Yang Berhormat Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan kerana telah menjemput saya Sentosa dan Pandamaran untuk mengadakan satu perbincangan di mana kita telah kenal pasti *crematorium* swasta kerana di Selangor kita hanya ada empat dijalankan oleh PBT, satu di MBPJ, satu di MPSJ dan satu lagi Majlis Perbandaran Klang dan MBSA *maybe* ada satu *crematorium* swasta. Dengan perbincangan yang dijalankan dengan EXCO berkenaan Yang Berhormat EXCO, kita dapat minta syarikat-syarikat *crematorium* untuk mengurangkan kos kerana pembakaran mayat kosnya amat tinggi sampai RM1,800 pun ada. Tetapi dengan *crematorium* yang dikendalikan oleh Kerajaan hanya RM150 dan apabila berlaku pandemik COVID ini telah membuka mata kita semua betapa pentingnya *crematorium* di setiap Pentadbiran PBT. Hal ini dapat dilihat apabila berlaku lambakan jenazah COVID bukan Islam di hospital yang menunggu giliran yang lama sehingga mengambil masa empat ke lima hari untuk dihantar ke *crematorium*. Sebuah *crematorium* beroperasi pada tahap maksimum hanya mampu menguruskan pembakaran mayat sehingga enam orang sahaja.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Sentosa, Banting mencelah sedikit. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat.

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih. Setujukah Yang Berhormat dengan saya bahawa sudah sampai waktunya PBT untuk Kerajaan Negeri Selangor mengarahkan setiap PBT untuk menetapkan satu tapak yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai *crematorium* kerajaan yang mungkin boleh dijalankan bersama-sama dengan pengusaha swasta untuk menampung kos contohnya di kawasan Kuala

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Langat sudah ada tapaknya tapi sehingga sekarang masih belum dibangunkan dan dia sedang belah tetapi saya mohon apakah pandangan Yang Berhormat boleh menyokongkah cadangan ini.

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Memang saya setuju dengan Banting kerana setiap PBT perlu ada satu *crematorium* di kawasan masing-masing dan saya sudah sediakan, saya akan *cover that particular aspect* dengan Yang Berhormat. Oleh yang demikian, kos yang dikenakan oleh pihak swasta sudah pasti tinggi dan menyukarkan golongan rentan dalam keadaan masa ini dan daripada Sabak Bernam sampai ke Kuala Selangor tidak ada satu *crematorium* pun dan tibalah masanya sempadan yang paling dekat ialah MBSA untuk membina sebuah *crematorium* di sana di sebelah Kuala Selangor supaya dapat membantu , masa ini MBSA yang paling kaya, MBSA adalah status bandar raya menggunakan satu *crematorium* swasta dan saya nak terangkan maka jalan yang ada kembali kepada cara tradisional iaitu pembakaran mayat secara terbuka yang dijalankan, perkara ini sudah pasti bukan satu perkara yang baik untuk alam sekitar dan kemaslahatan penduduk setempat. *Crematorium* awam ini sangat penting kerana dapat membantu golongan rentan yang kurang berkemampuan untuk menguruskan jenazah. Tuan Timbalan Speaker, Seksyen 94 Akta Kerajaan Tempatan 1976 mengatakan memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mengadakan tanah perkuburan *crematorium* di dalam kawasannya dan juga mengeluarkan lesen untuk mengendalikannya. Di bawah Seksyen 98 juga PBT boleh membuat undang-undang kecil untuk memeriksa dan mengawal tanah-tanah perkuburan dan *crematorium*, oleh itu *crematorium* jenis moden ini perlu disediakan dengan kadar yang cepat. Sehubungan dengan itu demi kepentingan awam dan sejagat Sentosa mencadangkan agar Kerajaan Negeri mengambil iktibar dengan pengalaman yang baru yang kita tempuh dan memastikan setiap PBT perlu mempunyai sekurang-kurangnya sebuah *crematorium*. Saya ada dua perkara Tuan Timbalan Speaker lagi, saya minta dua minit sahaja lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila ringkaskan.

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Okay, program khas bagi anak yang kehilangan kedua-dua ibu bapa. Melihat angka kematian akibat COVID-19 sebanyak empat ribu lebih melalui Kementerian Pendidikan Malaysia, Sentosa menyarankan agar satu program khas wujud atau program khusus diwujudkan bagi golongan ini bagi menjamin kebajikan dan kelangsungan kehidupan mereka pada masa mendatang terutamanya dalam aspek pendidikan. Dan akhir sekali ialah Sentosa ingin menyarankan agar Kerajaan untuk meningkatkan tahap kebersihan tandas awam di Negeri Selangor. Tempoh pandemik COVID ini telah memberi kita semua kesedaran umum betapa pentingnya menjaga kebersihan awam dan diri. Ini adalah masa yang terbaik untuk Kerajaan Negeri bersama KDEB dan PBT untuk meningkatkan tahap kebersihan awam termasuklah pengurusan sisa pepejal yang lebih efektif. Ucapan titah Duli Yang Maha Mulia mengatakan tidak ada

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

penguatkuasaan. Tibalah masanya kita perlu memberi perhatian khusus kepada penguatkuasaan supaya pengurusan sisa pepejal yang lebih efektif dan kedua yang satu lagi saya selalu tengok ialah ada PBT-PBT yang memberi tong sampah percuma tapi ada yang tidak memberi. Masalah di DUN Sentosa, MBSA memberi tong sampah percuma tapi MPK tidak memberi, penduduk bertanya kenapa berbeza so tibalah masanya dalam perancangan belanjawan yang akan datang PBT perlu memasukkan kos pemberian tong percuma di semua PBT, kalau boleh. Itu yang ingin saya sampaikan, akhir kata saya mengambil kesempatan untuk menzahirkan penghargaan kepada semua petugas barisan hadapan, pengorbanan dan komitmen yang diberikan oleh mereka sangat dihargai dan marilah kita mendoakan agar kita semua dilindungi dari musibah ini dan akan kekal sihat sejahtera. Izinkan saya mengakhiri perbahasan dengan dua rangkap pantun tapi tak apalah saya kurangkan satulah.

*“ Ikan belanak ditutup saji, saji dianyam oleh Pak Mahat,
Orang khianat jangan dipuji, makin dipuji makinlah jahat ”*

Terima kasih, Sentosa mohon menyokong titah Yang Mulia Sultan Selangor, sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Sentosa, saya persilakan Yang Berhormat Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana memberi masa untuk berbahas. Dengan tidak membuang masa saya bermula dengan isu vaksinasi golongan tercicir. Tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana berjaya beroleh vaksin untuk warga Selangor baik warga negara atau bukan warga negara. Berbanding dengan Kerajaan Persekutuan yang menafikan layanan yang tidak adil terhadap warga asing terutamanya tanpa dokumen walaupun didedahkan oleh laporan berita antarabangsa Al-Jazeera tahun lepas malah menghukum mereka walaupun kita tahu bahaw pihak yang patut dipersalahkan mereka yang bawa warga ini masuk. Kerajaan Negeri Selangor lain, kerajaan Negeri Selangor telah menunjukkan sifat perikemanusiaan kepada mereka tambahan lagi Kerajaan Negeri Selangor akan meminjam 500,000 dos kepada negeri lain, ini menunjukkan sikap Kerajaan Negeri Selangor yang setia kawan di mana dengan izin *no one is safe until everyone is safe*. Setakat 25 Ogos 2021 sebanyak 377,953 dos vaksin melalui program SelVAX telah diberikan kepada rakyat namun saya harap kita tidak ketinggalan kepada golongan yang mudah tercicir. Saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan Negeri, apakah keberkesanan program ImuniSel, berapakah orang yang telah didaftar di ImuniSel dan adakah kita mempunyai data sama ada mereka telah diberi vaksin, sekiranya tidak, apakah usaha *follow-up* dengan izin untuk memastikan golongan yang didaftarkan dalam ImuniSel mendapat vaksin. Satu lagi golongan ialah masyarakat orang asli.

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Menurut jawapan Yang Berhormat EXCO Kajang pada hari Isnin atau Selasa, 135 individu didapati positif, antara 393 individu dari tiga kampung orang asli di Selangor yang disaring. Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada penulisan Dr. Colin Nicholas penyelaras untuk pusat prihatin untuk orang asli dengan izin *Center for Orang Asli Concerns* (COAC) dalam portal berita Malaysia Kini pada minggu ini di mana beliau memberi amaran berhubung lonjakan kes COVID-19 dan kematian semakin membimbangkan dalam komuniti itu sejak Julai. Di seluruh negara jumlah kes COVID-19 dalam komuniti orang asli telah meningkat kepada 10 kali ganda dari 20 Julai hingga 20 Ogos lalu dan sebanyak 19 kematian sebab COVID-19 turut dicatatkan setakat 20 Julai lalu. Oleh itu saya harap *out reach* vaksinasi dapat dipercepatkan. Golongan tercincir lain termasuk pesakit terlantar dan gelandangan. DUN Kampung Tunku yang sering orang anggap sebagai kawasan orang kaya juga melihat peningkatan kes gelandangan sejak PKP 3.0 . So saya harap Kerajaan Negeri dapat memberi vaksin kepada golongan ini melalui unit bergerak secepat mungkin. Tambahan itu saya mohon agar kurangkan birokrasi dengan izin *lets keep it simple and elegant*. Semasa program SelVAX komuniti saya sendiri dan beberapa ahli dewan ada isu dengan aplikasi SELangkah. Ada kalanya Selcare tidak mahu menerima mereka yang tiada apps atau *smart phone* golongan inilah yang berisiko tinggi dan perlukan vaksin. Kita sudah nampak di negara-negara lain contohnya Thailand di mana rakyat boleh daftar untuk vaksin di kedai 7Eleven. Mungkin pasukan SELangkah boleh mengkaji semula *interface* aplikasi kerana melalui pengalaman kami semasa program SelVAX ia kelihatan agak rumit dan selain itu memandangkan aplikasi SELangkah berumur hampir satu setengah tahun. Saya ingin cadangkan agar bahasa *interface* bahasa lain juga dimasukkan dalam *apps*. Di sini saya ingin ucapkan tahniah kepada pihak SELangkah dan Kerajaan Negeri kerana bekerjasama dengan UNHCR untuk menerbit bahan penerangan SelVAX dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Arab dan lain-lain. Ini menunjukkan sikap Kerajaan Negeri Selangor supaya kita dapat mencapai *herd immunity* dengan izin. Isu yang kedua yang saya ingin bawa berkenaan dengan hutan simpan dan pembangunan. Pada sidang bulan November tahun lepas, dewan yang mulia ini telah sebulat suara meluluskan Usul 26 yang berbunyi Bahawa Dewan Yang Mulia Ini Menggesa Kerajaan Negeri Selangor mengekalkan status Hutan Simpan di Seluruh Negeri agar kawasan-kawasan tадahan air dan hutan-hutan simpan di Negeri Selangor dikekalkan dan dipelihara dengan baik supaya sumber air di Negeri Selangor mencukupi dan tidak terjejas untuk masa akan datang. Saya ingin bangkitkan isu penyahwataan Hutan Simpan Kuala Langat Utara. Saya difahamkan masih tiada maklum balas pasca sesi pendengaran awam yang diadakan pada 28 September dan 29 September 2020 di Pulau Carey. Saya harap Kerajaan bolehlah memberi satu jaminan kepada masyarakat orang asli yang mengira Hutan Simpan Kuala Langat Utara ini sebagai tempat tinggal dan tanah adat mereka bahawa kerajaan Negeri akan menepati dan menghormati usul yang telah diluluskan sebulat suara oleh semua wakil rakyat di dalam dewan yang mulia ini. Di Petaling Jaya pula terdapat ura-ura berkaitan projek lebuh raya baru yang dinamakan Lebuhraya PJ *Dispersal Link* atau PJD Link yang telah menimbulkan

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

keresahan di kalangan penduduk tempatan. Mereka bimbang bahawa laluan PJD Link yang dicadangkan akan menjadi seperti cadangan projek Lebuh Raya Kinrara - Damansara atau KIDEX yang dibatalkan pada tahun 2015 oleh Menteri Besar ketika itu. Walaupun pada masa kini masih tiada permohonan cadangan projek secara rasmi kepada Kerajaan Negeri Selangor dan pihak berkuasa tempatan, saya harap pihak Kerajaan Negeri Selangor akan memandang serius perkara ini, saya rasa jaringan lebuh raya jenis dengan izin *spaghetti junction* ataupun *highway* adalah peninggalan zaman 90-an dan Kerajaan Negeri Selangor sebagai sebuah kerajaan yang berpandangan jauh sepatutnya berusaha menambah baik jaringan pengangkutan awam. Topik yang akhir yang saya ingin bawa ialah dengan izin *silent pandemic* iaitu kesan pandemik kepada keluarga dan kesihatan mental. Secara jujurnya sejak Kerajaan Persekutuan tukar tangan sehingga kini boleh dikatakan negara kita tak ada menteri wanita, mantan menteri dan timbalan menteri wanita langsung tidak menunjukkan kepimpinan dalam menangani isu kes keganasan rumah tangga yang semakin meningkat. Dengan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah mengumumkan peruntukan berjumlah RM100,000 untuk mewujudkan talian hayat untuk kes keganasan rumah tangga.

Saya berharap talian hayat ini dapat dilancarkan secepat mungkin dan saya ingin cadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk memohon, untuk dengan izin *toll free line* seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) kepada talian hayat *Befriender* semakin zaman Kerajaan Pakatan Harapan. Dengan talian bebas *charge* lebih ramai golongan berisiko contohnya B40, Ibu Tunggal atau pun anak bawah 18 tahun yang didera dapat khidmat nasihat dan sokongan. Selain itu kita kena menghadapi bahawa realiti ramai yang menjadi ibu atau bapa tunggal atau pun anak-anak menjadi anak yatim piatu akibat COVID-19.

Apakah langkah sokongan yang dapat Kerajaan Negeri Selangor beri, kita harus memperkasakan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor supaya dapat tangani isu ini kita perlukan lebih ramai pelindung kanak-kanak, kita perlukan lebih ramai pekerja sosial yang boleh memantau keluarga-keluarga yang berisiko tinggi ataupun dengan izin *vulnerable families*. Saya lega mendengar penerangan Y.B. EXCO Kebajikan tentang penstrukturkan semula JKMNS it is a long *overdue* dengan izin. JKM perlu diperkasakan dan saya ingin cadangkan agar di bawah setiap PBT terdapat cawangan kecil ataupun kaunter bergerak JKM contohnya warga Petaling Jaya yang ingin memohon untuk bantuan JKM terpaksa pergi *all the way* dengan izin ke Pejabat JKM Petaling di Persiaran Atmosfera, Shah Alam. Ini tidak mengira temu ramah untuk menentukan kelayakan ataupun sekiranya dokumen tidak lengkap dan mereka terpaksa berulang alik sekiranya terdapat cawangan kecil JKM ataupun kaunter bergerak ia akan memudahkan permohonan penduduk yang memerlukan dan akhirnya berkaitan isu kesihatan mental. Saya dimaklumkan bahawa pembangunan aplikasi kesihatan mental sedang berjalan. Saya ingin cadangkan agar ia diintegrasikan dengan aplikasi SELangkah supaya SELangkah boleh jadi satu

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

aplikasi *one stop centre* dengan izin untuk urusan kesihatan warga Selangor. Saya juga ingin cadangkan agar apps itu merangkumi sistem tempahan temu janji dengan pakar kesihatan mental sama ada ia Kaunselor, *Clinical Psychologist* dengan izin ataupun Doktor Psikiatri. Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan subsidi bagi sebilangan sesi temu janji yang ditetapkan contohnya subsidi RM30.00 untuk 10 sesi. Sedikit lagi ya Timbalan Speaker, saya pernah menganjurkan sesi sokongan dalam talian semasa tempoh Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan NGO Minda Kami dan saya sendiri juga pernah terlibat dalam beberapa usaha intervensi cubaan bunuh diri. Ramai yang sedang menderita di luar sana dan sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak dapat menangani isu ini saya harap Kerajaan Negeri tidak berpeluk tubuh sahaja. Setakat ini sahaja ucapan perbahasan saya Kampung Tunku menyokong usul menyembah ucapan terima kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Y.B. Kampung Tunku. Saya persilakan Y.B. Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Tuan Timbalan Timbalan Speaker, dengan izin Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih kerana membuka ruang kepada Bandar Utama untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini, dengan rendah diri saya menyambut baik titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Selangor pada 23 Ogos lepas. Isu utama yang dibawa berkenaan dengan wabak COVID-19 yang melanda negara dan kelangsungan hidup warga Selangor serta rakyat Malaysia. Fokus utama Kerajaan Negeri wajib diletakkan pada cara mengatasi wabak COVID-19 kerana sekiranya penularan wabak ini tidak diatasi, keperitan hidup rakyat dari segi pembangunan kesihatan, ekonomi dan sebagainya akan berpanjangan. Saya memuji sikap dedikasi Kerajaan Negeri Selangor terhadap segala usaha yang dilaksanakan sepanjang sejak bermulanya penularan wabak COVID-19 ini. Selangor merupakan negeri terawal menggunakan aplikasi SELangkah sebelum wujudnya MySejahtera. Negeri Selangor melaksanakan ujian saringan COVID-19 secara percuma dan bersasar di komuniti yang tertentu. Negeri Selangor juga negeri terawal dalam pembelian vaksin sendiri bagi membantu warga Selangor di bawah program SelVAX. Ini merupakan langkah terdesak yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri kerana sebelum bulan Ogos ini peratusan pemberian vaksin oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Selangor amat rendah berbanding dengan negeri lain. Walaupun Selangor merupakan penyumbang utama KDNK negara sejak beberapa tahun lepas dan terkini sebanyak 24.3% pada tahun 2020. Selain dari itu, Selangor telah mewujudkan STFC bagi membantu Selangor menangani COVID-19 melaksanakan program POIS, bantuan POIS, bantuan makanan serta Pakej Kita Selangor Pertama dan 2.0 bagi membantu warga Selangor. Hasil usaha Kerajaan Negeri jika sekiranya kita menganalisa data dan info ini secara teliti kita akan sedar melihat pada kes per kapita untuk setiap 100,000 populasi, Selangor bukan negeri peratusan COVID-19 yang tertinggi. Berdasarkan

kes per kapita terdapat 6 negeri lain yang melangkaui Negeri Selangor dalam peratusan kes COVID-19. Ertinya, sekiranya kita mahu membandingkan jumlah kes COVID-19 wajib juga melihat populasi sedia ada di sesebuah negeri tersebut. Di Selangor kita mempunyai lebih 6.5 juta penduduk iaitu hampir 20 peratus daripada jumlah penduduk di seluruh negara.

Ini menunjukkan usaha Kerajaan Negeri Selangor sebenarnya membawa hasil sesetengah hasil. Justeru saya faham mengapa Ahli-Ahli Dewan Negeri sangat beremosi apabila pembangkang membangkitkan kononnya kelemahan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan isu penularan COVID-19, walhal Kerajaan Negeri pada ketika ini dipertanggungjawabkan dengan tugas Kerajaan Persekutuan. Mengangkat titah ucapan Tuanku agar tidak terlalu banyak berpolitik dan fokus kepada membela nasib rakyat. Saya mempelawa Kerajaan Persekutuan kurangkan bermainan politik dan sekiranya fokus kepada rakyat, saya yakin peratusan kes COVID-19 di Selangor mungkin dapat menurun dengan lebih cepat. Isu sebenar yang menyukarkan pembendungan COVID-19 ini di Negeri Selangor pada ketika ini adalah isu kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri boleh memberikan pelbagai sokongan kepada Kerajaan Persekutuan, membantu dalam penyelaras CAC, wujudkan POIS sebagai sokongan pada program PICK. Pinjamkan vaksin kepada negeri lain dan sebagainya. Jadi saya harap Kerajaan Persekutuan juga dapat melakukan perkara yang sama dan tidak bersifat kebudak-budakan serta memberikan kerjasama yang berhak didapati oleh Negeri Selangor dan warga Selangor. Sekiranya Kerajaan Persekutuan ikhlas, saya pertama sekali harap Kerajaan Persekutuan akan telus dan cekap dalam isu berkongsi data dan maklumat. Berikan maklumat yang diperlukan bukan sahaja kepada EXCO, kepada MB malah Ahli-Ahli Dewan Negeri yang memerlukan. Kita sebagai wakil rakyat di Selangor ini sering kali kita ditanya tentang kluster-kluster yang ada di kawasan, ada di kawasan DUN dan sebagainya tetapi kita tidak mempunyai maklumat yang tepat kerana maklumat keadaan semasa hanya ada pada MySejahtera ataupun pangkalan data Kerajaan Persekutuan. Juga keduanya iktiraf sistem SELangkah secara seluruh dan rasmi dan menerima integrasi antara sistem. Pada ketika ini My SELangkah tidak selari sebelum ini kerana pengunjung premis tidak yakin mendaftarkan diri dengan MySELangkah dan takut di denda apabila tidak menggunakan MySejahtera. Namun SELangkah amat penting bagi Kerajaan Negeri kerana kita harus mengumpul data dan maklumat yang diperlukan secara terdesak bagi perancangan strategik dan mengambil keputusan yang tepat untuk mencegah penularan COVID-19. Ini adalah kerana Kerajaan Persekutuan enggan memberikan kerjasama kepada Kerajaan Selangor bagi menyelesaikan isu-isu penularan wabak COVID-19 di Negeri Selangor. Saya juga harap wujudnya sistem kerjasama dan komunikasi yang baik daripada Kerajaan Persekutuan secara ikhlas, jangan cuba mengelak dan menyusahkan Kerajaan Negeri dan Negeri Selangor. Jangan kita bermain politik di mana kadangkala kita memberikan informasi yang tidak tepat, kadangkala juga memberikan stigma yang negatif kepada Kerajaan Selangor kononnya isu-isu yang berkaitan

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

dengan kluster kilang dan sebagainya adalah kerana kesalahan Kerajaan Negeri yang tidak mahu mengambil tindakan, tetapi pada masa yang sama Kerajaan Persekutuan menghalang Kerajaan Negeri Selangor untuk melakukan inisiatif bagi membantu mencegah penularan wabak COVID-19 di kilang atau di tempat kerja.

Bandar Utama ingin menggesa Kerajaan Negeri supaya bersifat lebih tegas terhadap sikap Kerajaan Persekutuan secara lebih terbuka. Sebagai contoh sekiranya tidak memberikan data maklumat yang jelas kepada Kerajaan Negeri, tidak mengiktiraf SELangkah dan isu-isu yang lain, seharusnya kita gesa secara tegas dan umumkan kepada orang awam bahawa Selangor kini menghadapi kesukaran yang sebegini adalah kerana hasil daripada ketidaktinginan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan saya harap dengan memberi tekanan kepada Kerajaan Persekutuan mereka akan memberikan kerjasama sepenuhnya dan bukan separa suam, dengan perkembangan politik terkini dan pertemuan antara pemimpin-pemimpin nasional Bandar Utama benar-benar berharap pada ketika ini tiada lagi mainan politik demi kesejahteraan rakyat. Jangan nak laungkan keluarga Malaysia seperti slogan Satu Malaysialah, Kerajaan Prihatin tetapi tidak menyumbang kepada apa-apa konteks yang sebenar.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Bandar Utama mohon pencerahan.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Tak apa, 30 saat saya berikan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Konsep keluarga Malaysia yang diutarakan oleh Kerajaan Pusat seperti mana yang dinyatakan oleh Y.B. Bandar Utama sebentar tadi. Setuju tak kalau saya katakan ia adalah satu yang sebenarnya telah dimulakan ideanya oleh Kerajaan Pakatan Harapan yang terdahulu melalui Deklarasi Keluarga Malaysia oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri ketika itu Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail. Jadi apa pendapat Bandar Utama tentang hal tersebut?.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Pada pendapat Bandar Utama sekiranya kita menjadi kerajaan yang benar-benar prihatin terhadap isu dan kebergantungan hidup rakyat ataupun warga Selangor dan sebagainya kita tidak hanya melihat kepada slogan yang telah dilahirkan. Pada saya seperti slogan baru-baru ini yang sangat popular Keluarga Malaysia kononnya tetapi sekiranya kes-kes COVID-19 ini tidak diselesaikan, masih lagi ramai pesakit COVID yang mungkin meninggal dunia disebabkan penularan wabak ini. Adakah Menteri ataupun Kerajaan Persekutuan benar-benar kisah tentang hidup dan mati orang-orang ini, adakah mereka benar-benar kisah seperti seolah-olah orang-orang ini merupakan keluarga mereka sekiranya Menteri ataupun Kerajaan Persekutuan benar-benar kisah dengan isu-isu ini mereka tidak akan menghabiskan masa untuk berpolitik dan merebut kuasa. Mereka akan menghabiskan masa untuk menjaga dan memastikan kesejahteraan

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

rakyat. Saya ingin sambung, jangan lupa data dan statistik COVID-19 ini bukan sekadar nombor tetapi setiap angka yang membawa yang dapat di dalam data ini membawa kisah setiap keluarga yang kehilangan orang yang tersayang. Angka-angka ini merupakan nyawa-nyawa manusia. Menyentuh isu berkaitan dengan pembendungan COVID-19, Bandar Utama juga berharap Kerajaan Negeri dapat mengeluarkan garis panduan secara rasmi untuk pengetahuan warga Selangor dan menggesa Kerajaan Persekutuan juga mengeluarkan garis panduan mengenai cara untuk mencegah suntikan vaksin kosong. War-warkan prosedur yang tepat ketika pengunjung menerima suntikan contohnya adakah pengambilan video dibenarkan ataupun pengunjung boleh memastikan botol vaksin masih belum dibuka dan sebagainya. Dengan mengeluarkan prosedur secara rasmi pengunjung akan rasa lebih selamat dan yakin ketika menghadiri pemvaksinan. Sekiranya tidak dikeluarkan sukar untuk pengunjung meminta perkara ini untuk dilaksanakan oleh pegawai yang menyuntik kerana mereka mungkin tidak mahu mengikut kemahuan pengunjung. Satu lagi isu yang penting berkaitan dengan pembendungan COVID-19, iaitu isu yang pernah dibangkitkan oleh ramai Y.B. sebelum ini tentang pemvaksinan terhadap warga asing tanpa dokumen. Di sini, Bandar Utama ingin melahirkan beberapa cadangan bagi membantu perkara ini kerana Bandar Utama merasakan sekiranya masih ramai warga asing tanpa dokumen yang enggan keluar mendapatkan vaksin kerana takut ditangkap oleh Pihak Pengguna, kita tidak dapat mencapai objektif Imunisasi Kebangsaan yang sebenar dan kita sedar sebenarnya di Malaysia ini mempunyai warga asing tanpa dokumen atas legasi kerajaan lepas yang telah berkuasa sebanyak

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bandar Utama, masa telah tamat. Ringkaskan.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Okay, saya rasa *point* ini sangat penting, cuma saya, Bandar Utama harap wujudkan kerjasama secara berterusan dengan NGO yang diyakini oleh warga asing tanpa dokumen. Sebagai contoh Bulan Sabit Merah, Tenaganita Refugee ataupun Refugee for Refugees dan sebagainya. Supaya warga asing yang tanpa dokumen ini berani keluar untuk mendapatkan vaksin dan berasa selamat atas jaminan NGO.

Saya cuma mahu menyentuh satu lagi perkara. Perkara ini penting kerana perkara ini Bandar Utama telah menerima petisyen daripada penduduk DUN Bandar Utama seramai lebih daripada 150 orang penduduk berkaitan dengan PJD Link. Saya harap Timbalan Tuan Speaker dapat memberikan sedikit masa kerana perkara ini telah diminta untuk dibangkitkan oleh para penduduk ini. Saya tahu kerajaan negeri Selangor pada ketika ini masih belum menerima apa-apa lagi permohonan ataupun memberikan kelulusan kepada PJD Link. Namun dalam petisyen yang melebihi 105 orang penduduk itu, mereka memohon sekiranya terdapat permohonan daripada PJD Link, penduduk menetapkan status garis masa projek, kemukakan secara

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

terbuka jenis proses dan kriteria yang akan dinilai oleh kerajaan negeri, menerbitkan garis panduan yang harus diikuti oleh pihak pemaju sekiranya melaksanakan perbincangan rasmi dan komited bahawa segala proses pertimbangan kelulusan projek dilaksanakan secara telus dan tidak akan ketinggalan dalam mengumpul semua pandangan maklum balas ataupun bantahan terhadap projek PJD Link sebelum mempertimbangkan kelulusan ini. Petisyen ini telah pun dihantar kepada Y.B. Exco dan harap mendapatkan maklum balas oleh kerajaan negeri.

Akhirnya, Bandar Utama hanya ingin menyentuh menyokong penuh titah Tuanku bahawa rakyat ataupun warga Selangor yang berbilang kaum seharusnya bersatu padu dan api perkauman tidak patut dicetuskan. Jadi Bandar Utama harap di kerajaan negeri Selangor ini, kita dapat mewujudkan tidak kira perundangan ataupun garis panduan yang boleh menyokong titah ucapan Tuanku ini kerana pada Bandar Utama isu rasisme dan api perkauman ini merupakan punca kerajaan negeri ataupun negara mengalami isu-isu berkaitan dengan pembangunan negara apabila kita melahirkan warga yang berfikiran sempit dan senang berasa emosi tanpa sebarang sebab kerana api perkauman yang ditanamkan kepada mereka ini.

Akhirnya, Bandar Utama hanya ingin menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Y.B. Bandar Utama. Saya persilakan Y.B. Pandamaran.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE: Terima kasih Timbalan Tuan Speaker. Pandamaran ingin menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Pandamaran percaya perbahasan kali ini mesti tertumpu kepada pandemik COVID-19. Begitu juga dengan titah ucapan Tuanku.

Timbalan Tuan Speaker, seperti titah Tuanku di mana pada peringkat awal Program Vaksinasi Negara dilaksanakan, tumpuan vaksinasi tidak diberi kepada negeri Selangor yang merupakan sebuah negeri yang menyumbangkan GDP yang tertinggi di Malaysia. Selangor bukan saja mempunyai paling banyak populasi penduduk, malah juga mempunyai paling ramai pekerja asing. Ini telah menjadi punca akibat kes semakin meningkat sehingga Tuanku bimbang dan bertitah supaya kerajaan pusat perlu memberi tumpuan kepada Selangor pada 8 Jun 2021. Selepas titah Tuanku barulah kita nampak ada tumpuan pemberian vaksin di Lembah Klang. Penduduk di sekitar Lembah Klang mula dapat vaksin tapi ramai pekerja asing masih belum menerima vaksin. Namun CITF telah membuat keputusan untuk penutupan 27 buah pusat PPV di Lembah Klang pada 23 Ogos. Ini telah mengakibatkan ramai pekerja asing yang berebut ke Stadium Bukit Jalil untuk mendapatkan vaksin. Mengikut akhbar Sin Chew, seramai 18,000 pekerja asing berada di situ pada 22 Ogos iaitu hari terakhir pemberian vaksin secara *walk-in*. Tapi hanya 12,000 pekerja

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

asing dapat vaksin. Pandamaran percaya masih ramai pekerja asing yang masih menunggu untuk dapat vaksin.

Tuan Timbalan Speaker, Pandamaran menerima banyak permintaan daripada *tauke-tauke* supaya pekerja asing mereka dapat diberi vaksin. Tapi malangnya sekarang hanya beberapa Pusat Pemberian Vaksin yang boleh menerima pekerja asing dan tak ada satu pun di daerah Klang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Pandamaran.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE: Ya.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Y.B. Pandamaran, terima kasih Y.B. Timbalan Speaker. Berkenaan dengan pemberian vaksin kepada pekerja-pekerja warganegara asing. Yang Berhormat setuju tak kalau saya katakan bahawa ini adalah sebenarnya tanggungjawab majikan-majikan ataupun apa Yang Berhormat bagi tahu tadi *tauke-tauke* supaya mereka ini diberikan vaksin. Dan saya juga difahamkan bahawa di bawah inisiatif Selangor Vaksin ataupun SelVAX ada menyediakan Program Vaksinasi kepada untuk industri khususnya kepada majikan-majikan yang mempunyai pekerja-pekerja asing. Kenapa tidak pihak kerajaan negeri *embark on this initiative* mewajibkan majikan-majikan ini mendaftar dan juga mendapatkan bekalan vaksin daripada SelVAX berbanding untuk beratur ataupun pergi ke mengarahkan warga pekerja-pekerja ini ke Pusat-pusat Pemberian Vaksin secara *walk-in* kerana inisiatif ini telah pun tersedia di negeri Selangor. Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE: Terima kasih Y.B. Sungai Panjang. Seperti apa saya faham, seperti apa Pandamaran faham, *tauke-tauke* ini mengalami masalah kewangan. Kita tahu pandemik ini telah mengakibatkan dua bulan mereka kilang tidak dapat beroperasi. Dua hingga tiga bulan. Jadi walaupun kita ada SelVAX industri, *tauke-tauke* bagi tahu mereka tak mampu nak bayar sebab mereka kena bayar gaji mereka. Jadi mereka kena teruskan bayar gaji. adi mereka harap dapat bantuan. Dan juga dalam SelVAX yang saya adakan, Pandamaran adakan pada 5 Ogos, kebanyakan adalah warga asing, pekerja asing tapi ramai lagi yang masih dekat luar tak tahu ada program sebegini. Jadi saya kali ini, saya minta untuk dapatkan lebih banyak pada PPV untuk buka kepada warga asing. Ya?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TAN KHIEW : Terima kasih Yang Berhormat Pandamaran

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TAN KHIIEW : Adakah Pandamaran sedar bahawa di Lembah Klang sekarang hanya ada sebuah PPV saja yang dibuka untuk pekerja asing iaitu di Bukit Jalil? Jadi kalau dengan keadaan ini, macam mana kita boleh menjaminkan pekerja asing yang semua Yang Berhormat di sini, di Selangor bersetuju mereka seharusnya divaksinasi dengan cepat dan tepat. Tetapi hanya sebuah saja. Apa pandangan Pandamaran?

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE: Ya terima kasih Sungai Pelek. Saya memang sokong dengan apa yang dikata oleh Sungai Pelek. Di mana satu buah PPV yang terbuka untuk *walk-in* daripada untuk orang warga asing hanya di Bukit Jalil dan saya fahamkan berita semalam dia. Bukit Jalil masih boleh menerima *walk-in*. Jadi satu saja memang tak cukup sebab kita tahu pekerja asing di Selangor memang ramai. Paling ramai. Jadi masih sebab saya akan teruskan nanti.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Pandamaran, sikit saja. Berkenaan dengan pemvaksinan pekerja-pekerja warga asing. Sekali lagi saya tegaskan bahawa mereka ini adalah pekerja-pekerja warga negara asing yang mereka ini punya majikan dan kita juga faham kalau daripada 100% industri itu mungkin lebih kurang 60% ke 70% industri yang menggunakan ataupun yang memberikan khidmat yang memerlukan khidmat warga asing ini adalah industri-industri yang bukan dalam keadaan bukannya terkesan sangatlah dengan pandemik ini. Mereka ini bukannya daripada industri-industri kecil yang terkesan dengan pandemik. Mereka ini kilang-kilang besar yang membuat keuntungan berbilion-bilion ataupun berjuta-juta ringgit. Jadi adalah wajar untuk mereka ini sebenarnya *invest* ataupun ambil tanggungjawab syarikat-syarikat ini untuk membeli vaksin daripada SelVAX dan sekiranya kerajaan negeri Selangor prihatin akan perkara ini, kita bersama-sama lah di peringkat kerajaan persekutuan disediakan yang *walk-in* untuk percuma. Tetapi di bawah SelVAX kenapa tidak kalau boleh Yang Berhormat cadangkan SelVAX juga ada sediakan *some sort of* kalau boleh kita katakan *subsidize rate* kepada mungkin syarikat-syarikat ataupun tauke-tauke yang mungkin sedikit terkesan tapi mereka *still* kena bayar. Mungkin boleh buat potongan gaji kepada pekerja-pekerja ini ataupun sebaliknya. Apa pandangan Y.B. Pandamaran?

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE: Pada pandangan saya Sungai Panjang, ini adalah tanggungjawab kepada Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri hanya dapat bantu. Itu pasal kenapa kerajaan negeri ada ini SelVAX industri dan industri-industri yang kemampuan seperti saya faham 99 Market (99 Speedmart) mereka ada beli daripada SelVAX industri. Dah hantar pekerja-pekerja mereka ke SelVAX industri untuk dapat. Yang saya katakan itu adalah industri-industri yang kecil, bukan besar. Dia punya pekerja 10 orang, 20 orang atau 30 orang. Bukannya beratus orang. Jadi ramai yang masih datang cari. Jadi kita saya harap, saya akan sambung nanti anda boleh faham kepada Sungai Panjang. Okay.

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Saya teruskan terutamanya nama Klang begitu terkenal kerana kes positif harian semakin tinggi. Semalam baru turun. Ini kerana daerah Klang mempunyai banyak kilang dan terdapat banyak pekerja asing. Kita perlu tahu pekerja asing ini juga akan dijangkiti COVID-19, maka mereka perlu diberi vaksin supaya virus itu tidak merebak kepada orang lain. Pekerja asing dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori pertama, pekerja asing yang mempunyai permit yang sah. Kategori kedua, pekerja asing yang mempunyai permit yang telah tamat tempoh ataupun pasport yang telah luput. Dan yang terakhir adalah pekerja asing yang langsung tidak mempunyai apa-apa dokumen maksudnya kosong.

Pandamaran difahamkan hanya pekerja asing yang mempunyai dokumen akan dilayan dan diberi vaksin. Soalan sudah timbul. Bagaimanakah dengan pekerja asing yang tidak mempunyai apa-apa dokumen? Ramai pekerja asing kosong yang tiada dokumen. Risau dengan kesihatan mereka. Mereka bukan saja takut ditangkap oleh pihak berkuasa, malahan juga takut dijangkiti COVID-19. Apabila dijangkiti COVID-19, mereka takut masuk ke hospital kerana takut ditangkap. Ini telah menyebabkan mereka kehilangan nyawa sebelum dihantar ke hospital. Maka Kementerian Kesihatan Malaysia atau CITF perlu cari jalan untuk memberi vaksin kepada pekerja asing yang tanpa sebarang dokumen. Selain itu, Pandamaran mohon STFC dapat berbincang dengan CITF supaya perlu mengkaji semula penambahan PPV di daerah Klang khas untuk warga asing dan selain untuk warga asing, PPV akan mula memberi vaksin kepada pelajar yang berumur 12 hingga 17 tahun. Maka ada keperluan untuk menambah beberapa Mega PPV.

Timbalan Tuan Speaker, Pandamaran bangga dengan kerajaan Selangor bawah pimpinan Y.A.B. Sungai Tua, negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM73.877 Juta untuk Pakej Kita Selangor 1.0 dan RM551.56 Juta untuk Pakej Kita Selangor 2.0. Pakej ini bukan saja dapat pujian daripada tuanku, malah Pandamaran juga difahamkan bahawa Ketua Pembangkang Y.B. Sungai Air Tawar juga menyambut baik usaha baik negeri. Terima kasih diucapkan kepada Ketua Pembangkang. Peruntukan ini dapat membantu rakyat yang mengalami kesusahan dalam pandemik ini terutamanya Program Bakul Makanan. Pandamaran ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri kerana telah menambah peruntukan RM50,000 untuk program ini kepada setiap ADUN termasuk ADUN pembangkang. Inilah kerajaan yang prihatin bawah Pakatan Harapan. Kerajaan ini perlu dicontohi oleh semua negeri. Pandamaran tak nampak mana-mana kerajaan negeri lain yang dapat memberi bantuan banyak sebegini. Tahniah kepada kerajaan negeri Selangor. Syabas pimpinan Y.A.B. Sungai Tua.

Timbalan Tuan Speaker, baru-baru ini projek LRT 3 berlaku kemalangan runtuhan rencah pembinaan yang melibatkan nyawa di Klang. Ini telah menyebabkan penduduk sekitar Klang risau tentang keselamatan pembinaan LRT 3 ini ...

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Pandamaran sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan 1 tengah hari. Dengan ini saya menangguhkan Dewan hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN)

(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)

(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)

TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula. Saya mempersilakan Pandamaran, dua minit yang terakhir.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Terima kasih Tuan Speaker. OK saya sambung. Tuan Speaker baru-baru ini projek LRT3 berlaku kemalangan runtuhan perencah pembinaan yang melibatkan nyawa di Klang. Ini telah menyebabkan penduduk sekitar Klang risau tentang keselamatan pembinaan LRT3 ini. Pandamaran juga rasa risau ciri-ciri keselamatan projek LRT3. Adakah pemantauan dijalankan dari semasa ke semasa. Adakah jalan berlubang diambil tindakan? Tidak serta-merta. Adakah lampu jalan yang tidak berfungsi. Adakah lampu jalan berfungsi dalam waktu malam? Selain keselamatan, kebersihan juga menjadi tumpuan penduduk. Pandamaran dapat rumput dan dahan pokok yang tidak di selenggara. Sampah di sepanjang projek ini tidak dibersihkan. Ini mengakibatkan pemandangan sepanjang projek tersebut tidak seronok apabila dilihat maka Pandamaran mohon pemantauan perlu dijalankan sentiasa.

Tuan Speaker, banyak jalan di DUN Pandamaran masih terletak di bawah penyelenggaraan JKR Persekutuan seperti Jalan Besar Pandamaran, Lebuh Raja Lumu, Jalan Banting – Pandamaran dan Jalan Batu Unjur. Jalan-jalan ini terletak di dalam kampung dan taman perumahan. Ia sepatutnya menjadi Jalan Majlis jadi Pandamaran mohon Kerajaan Negeri dapat mengkaji semula bersama JKR tentang status jalan dan harap jalan-jalan tersebut dapat diberi kuasa penyelenggaraan kepada Majlis.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pandamaran ingin memberi pujian kepada Majlis Perbandaran Klang bawah pimpinan Yang Berbahagia Dr. Ahmad Fazli bin Ahmad Tajuddin kerana beliau telah membawa MPK ke satu tahap yang lebih baik. Setuju ya. Rakan-rakan dari Klang

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat setuju masa hampir habis dengan persetujuan tersebut.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : (Ketawa). Habis ya habis?

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : OK. Jadi saya ringkaskan. Pandamaran percaya MPK dapat mencapai status Bandaraya bawah pimpinan Yang Berbahagia Dr. Ahmad Fazli. OK. Betul kan. OK. Akhir sekali, Pandamaran ingin menyokong Titah Ucapan Tuanku. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Pandamaran dengan masa yang tepat. Saya mempersilakan Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker di atas ruang yang diberikan kepada Taman Medan untuk turut serta dalam perbahasan menyokong USUL menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor.

Taman Medan turut tidak ketinggalan untuk bersama-sama dengan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat semua dengan rasa rendah diri mengungkapkan penghargaan dan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Baginda yang telah disampaikan pada 23hb. Ogos 2021 yang lalu. Titah Ucapan Baginda, Tuanku banyak menyentuh tentang perkara-perkara berkaitan dengan situasi menangani pandemik COVID-19 yang masih belum menemui pengakhirannya hingga saat ini dan juga pencapaian serta tindakan pihak Kerajaan Negeri mendepani keadaan ini dari segala aspek ataupun sudut.

Dalam Titah Baginda, ada dinyatakan tentang situasi peningkatan kadar pengangguran kepada 4.8% akibat kehilangan pekerjaan di kalangan warga pekerja di Negeri Selangor lalu Taman Medan percaya kehilangan pekerjaan ini bukan sahaja daripada kalangan mereka yang berstatus makan gaji secara tetap atau apa juga situasi secara berkala tetapi juga bekerja secara sambilan ataupun bekerja sendiri. Boleh juga di anggap bukan sekadar situasi kehilangan pekerjaan tetapi sebenarnya hilang sumber pendapatan untuk menyara kehidupan kerana yang bekerja sendiri atau bekerja dengan imbuhan yang tidak tetap begitu ramai bilangannya. Bukan sekadar pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan sebenarnya yang berstatus majikan, pengusaha, peniaga dalam berbagai sektor juga hilang mata pencarian.

Lalu contoh diambil bagaimana pengusaha kantin sekolah dan pengusaha bas sekolah yang tidak memperolehi pendapatan kerana operasi mereka itu tidak berjalan kerana sekolah-sekolah ditutup operasinya hingga ada ditemui di kalangan mereka

terpaksa menjalankan usaha lain. Antaranya menjual makanan di pinggir jalan dan menjadi penghantar makanan ataupun pemandu e-hailing dengan izin.

Itu pun masih belum dapat mengatasi sepenuhnya masalah tersebut. Ke mana lagi mereka mahu mendapatkan bantuan jika tidak kepada wakil rakyat dari kalangan Ahli-ahli Dewan Negeri ataupun Ahli-ahli Parlimen dengan apa yang telah diluluskan peruntukan dana khas untuk mereka dari kedua-dua kerajaan iaitu Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat maka dengan itu dapat membantu untuk satu tempoh yang pendek semata-mata. Sebab itulah, peranan banyak pihak selain kedua-dua wakil rakyat setempat juga boleh dimainkan dalam usaha membantu rakyat yang terkesan dan juga terbeban di pelbagai peringkat dan juga kategori.

Dalam Titah Baginda Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan juga bertitah, tentang situasi penularan pandemik COVID-19 yang telah menjadi sebab penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara atas talian, *online* dengan izin. Dalam aspek kehidupan seharian seperti jual beli produk dan barang keperluan serta makanan, pembelajaran di dalam berbagai peringkat, pengurusan bencana dan lain-lain. Cuma harus diingat pendekatan di atas talian ini juga ada kelemahan yang tidak dapat disangkal. Antaranya produk yang dipesan berbeza dengan apa yang kemudiannya diperolehi. Perbezaan pula bukan sekadar kualiti produk malah jenis produk juga tidak sama dengan yang dipesan bagi proses pembelian.

Bagi pelaksanaan proses pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah dan tinggi malah peringkat pra sekolah pun ada juga sebahagiannya menggunakan pendekatan yang sama yang sesetengah situasi diberi nama pembelajaran dan pengajaran di rumah atau PDPR. Malahan proses aktiviti percambahan ilmu seperti kuliah-kuliah agama yang biasa didengari di masjid-masjid dan surau-surau juga dibuat secara atas talian oleh mereka. Kursus-kursus kefahaman termasuklah pra perkahwinan juga di buat secara atas talian.

Tahun lepas, iaitu pada tahun 2020 acara ijab kabul pernikahan juga dibuat secara atas talian dengan perjalannya di pantau oleh pegawai bertugas dari tempat lain. Malah perbicaraan Mahkamah juga ada dibuat secara atas talian. Cuma Taman Medan ingin menarik perhatian ada menonton satu aktiviti atas talian pada bulan Mei yang lalu yang dianjurkan oleh salah satu agensi Kerajaan di peringkat Daerah Petaling yang didapati melanggar polisi dan peraturan yang ditetapkan oleh agensi itu sendiri. Pagi hari ini, Taman Medan ada mengemukakan soalan berkait pemberian tauliah mengajar agama Islam untuk ahli politik yang difahamkan telah menjadi polisi terbaru pihak JAIS untuk memansuhkannya.

Taman Medan sendiri telah ditamatkan tauliah mengajar atas sebab polisi baru tersebut yang mengaitkan jawatan wakil rakyat sebagai ahli politik melalui surat makluman yang telah dihantar pada bulan November tahun 2020. Manakala Yang Berhormat Meru telah dipadamkan namanya daripada senarai pemegang tauliah mengajar agama Islam tetapi kad pemegang tauliahnya masih sah. Yang Berhormat

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Ahli Parlimen kawasan Hulu Langat juga telah tidak disambung tauliahnya yang berakhir pada 31 Disember 2020.

Taman Medan telah memohon penjelasan dan jawapan yang diberi melalui aplikasi WhatsApp daripada seorang pegawai jabatan tersebut pada bulan Oktober 2020 untuk polisi berkenaan tetapi tidak mendapat jawapan. Lantas membuat rujukan ke laman sesawang, pemegang tauliah yang ketika itu, nama penceramah yang terbabit tamat tauliahnya pada 31 Disember 2020 tetapi pada awal tahun ini diberi walaupun polisi tidak memberikan kepada orang-orang politik dan kemudian pada tarikh 4hb. Mei, Taman Medan telah mendapati mesej perkongsian aplikasi WhatsApp tentang program pengisian Ramadhan anjuran Pejabat Agama Islam Daerah Petaling secara langsung di atas talian facebook iaitu program Diskusi Muslimat, taddabur Surah Yusuf yang disampaikan oleh penceramah undangan yang merupakan pemegang jawatan dalam sebuah parti politik yang mengetuai sebuah sayap urusan parti di Petaling Jaya.

Pada tarikh tersebut, Taman Medan membuka semula sesawang senarai penerima tauliah mengajar agama di Selangor dan didapati nama tidak ada. Setelah dirujuk kepada seorang pegawai JAIS

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Taman Medan boleh dedahkan parti mana tu?

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Ya.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Biar kita semua dalam Dewan ni tahu. Dedahkan, dedahkan parti mana tadi tu. Yang Taman Medan sebutkan tadi tu dedahkan parti mana biar kita semua dalam Dewan ni tahu.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Pa, Alif, Sin. Parti Islam Semalaysia lah, ikhlas saya cakap. Baik ya. Jadi ketua urusan ulama di Petaling Jaya, tempat saya lah ya ulama parti dia lah ya dan kemudian setelah didapati, diberi penjelasan bahawa memang ada diberi tauliah tetapi tidak dikemas kini dan kemudian setelah dirujuk semalam masih ada lagi namanya telah dimasukkan dan ini melanggar polisi dan seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar jawapan yang beliau kemukakan pagi tadi bahawa ia berkait dengan keputusan Dewan Diraja Selangor yang bermesyuarat pada tahun 2019 tetapi tidak dilaksanakan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian.

Pandemik COVID-19 adalah sesuatu yang masih belum menemui penghujungnya buat masa ini. Taman Medan juga salah seorang daripada jutaan rakyat Malaysia yang pernah berada dalam situasi diuji dengan penyakit tersebut telah menjangkiti diri sendiri, isteri dan anak-anak, disahkan positif pada 18 Mei 2021 setelah sempat

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

meraikan Hari Raya Aidilfitri beberapa hari sebelumnya kemudian berpeluang untuk merasai pengalaman di kuarantin bersama rakyat di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19, PKRC Taman Eksposisi Pertanian Malaysia Serdang ataupun MAEPS setelah diarahkan berbuat demikian oleh Pusat Penilaian COVID-19, CAC di Stadium Malawati, Shah Alam yang mana ia mengambil masa sekitar 9 hari sehingga lah tamat kuarantin pada 29hb. Mei oleh pusat tersebut jadi kesempatan itu diambil bagi merasai pengalaman sebab Taman Medan merupakan satu-satunya wakil rakyat dalam negara kita yang telah di kuarantin di Pusat Kuarantin dan juga Rawatan COVID-19. Ada sahabat-sahabat yang pernah kena juga Kota Damansara kuarantin di hospital. Kampung Tunku kuarantin di mana saya tak pasti saya tetapi pengalaman itu satu yang membezakan dan alhamdulillah saya bersyukur ya kena kuarantin pun jalankan tugas sebagai wakil rakyat ada ratusan orang Taman Medan di sana. Mereka mengadu bermacam-macam. Jadi saya bersyukur ya ada hikmahnya saya kena tapi maknanya merasai pengalaman dan begitu banyak aktiviti yang telah dibuat di sana.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian.

Antara aktiviti yang masih dibataskan adalah solat berjemaah dan solat Jumaat di masjid dan surau dalam Negeri Selangor mengikut ketetapan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor berdasarkan keputusan-keputusan yang telah dilakukan atas ketetapan-ketetapan tersebut. Sehingga kini solat berjemaah hanya boleh dilaksanakan oleh 6 orang individu berstatus pentadbir di surau-surau dan masjid-masjid manakala solat fardu Jumaat bagi Masjid 50 orang dan bagi surau 40 orang dan kita bayangkan masjid yang besar-besar ya, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang puluhan ribu tapi solat 50 orang nampak kecilnya. Masjid Tengku Ampuan Jemaah lalu ada di kalangan rakyat Selangor yang mengambil keputusan untuk nak menyeberang negeri lain untuk solat ya.

Saya telah rujuk beberapa orang sahabat saya wakil rakyat ya Pejabat YB. Hulu Klang, Yang Berhormat Hulu Klang memberitahu saya berapa ramai rakyat beliau telah bersolat di Wilayah Persekutuan. Sama macam Taman Medan begitu juga Yang Berhormat Semenyih ya menyeberang ke Negeri Sembilan kerana apa? Kerana begitu lama dan mereka terasa begitu resah walaupun kita tahu bahawa permasalahan itu berpunca daripada kadar yang cukup tinggi tapi sebenarnya jalan keluar itu cukup ada kita bayangkan waktu solat Jumaat saya diberitahu orang lelaki Muslim yang, yang tak dapat solat Jumaat apa dia buat? Dia pergi memancing ke Taman Tasik. Pergi berkeliaran di Pusat-pusat Beli-belah dan sebagainya kerana tidak dapat mengerjakan solat fardu Jumaat. Ya, jadi kadang-kadang benda itu, benda yang sebenarnya menjadi satu persoalan yang boleh dicari jalan keluar.

Saya mengambil contoh, kita boleh mengambil jalan keluar kepada apa yang boleh dicontohi dibeberapa tempat di negara lain. Di negara Singapura umpamanya solat Jumaat buat 3 syif. Setiap syif makan masa 40 minit. Kemudian di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur yang berjiran dengan Selangor ini juga dengan

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

permasalahan yang sama mereka telah menetapkan bahawa diberi kebenaran izin Jumaat kepada banyak tempat. Surau-surau di kariah dan surau-surau institusi. Saya pernah pergi bagaimana solat Jumaat dilaksanakan di sebuah surau yang berada di paras bawah tanah iaitu Surau Wisma Putera 2 yang sepatutnya boleh menjadi satu kajian kes untuk pelaksanaan itu dilaksanakan sebab rakyat di Negeri Selangor resah, menyuarakan YB bilakah kami nak boleh solat ni? Bukan saya kata mohon maaf ini ketetapan daripada Pihak Berkuasa ya kami hanya menyampaikan sahaja dengan apa yang telah menjadi ketetapan ya sehingga ada yang mencari jalan keluar. Sebab itu lah ya kita perlu menyarankan kepada pihak yang terbabit juga untuk supaya ianya dicari jalan keluar dan Titah Tuanku juga Baginda menyentuh tentang keperluan mengelakkan berpolitik dalam tugas sebagai wakil rakyat kerana terlalu berpolitik lah ada pihak yang hilang kuasa yang disebabkan pergolakan, rakyat berusaha berkuasa semula tanpa mandat kerana berpolitiklah ada Ahli Politik sanggup mengingkari apa yang telah dipersetujui secara bertulis, tandatangan dalam perjanjian sehingga Langkah Sheraton dilaksanakan pada Februari 2020. Begitu juga ada mencuri mandat yang telah sesetengahnya diperolehi daripada rakyat yang pulang dari luar negara semata-mata mahu menumbangkan Rejim Kleptokrat tetapi kepercayaan mereka dikhianati. Ada yang sanggup melompat Parti kerana habuan termasuk jawatan tinggi, termasuk kedudukan, ada dalam Dewan ini. Pindah Parti dapat jadi Pengurus GLC tetapi tidak ada, kalau tidak saya hendak tanya juga dia. Kerana apa? Kerana mengingkari mandat rakyat. Sebab itulah, apa yang disarankan oleh Tuanku ..

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Penjelasan, minta penjelasan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Ya, silakan, silakan Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Kita telus, telus dan terus. Saya hendak tahu, kami hendak tahu siapa? (Ahli Dewan ketawa).

TUAN SPEAKER : Taman Medan, yang terakhir.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Yang terakhir? Jawapannya saya tak nak sembunyilah. Jiran kepada Yang Berhormat Taman Templer, Sementa dan juga Lembah Jaya. Kan? Lepas pindah Parti dapat jadi Pengurus. Itulah salah satu, mungkin? Jadi, itu satu contoh. Jadi, sebab itulah kita perlu bersikap dengan apa yang disarankan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, mengelakkan berpolitik. Ada Lembah Jaya, menang pula Sijil Simpanan Premium RM1 juta. Orang lain tunggu 30 tahun dapat, dia sebab, beberapa tahun sahaja terus dapat. Jadi, sebab itulah, apa yang disarankan oleh Tuanku sesuatu yang perlu kita hayati dan kita juga sokong. Dengan itu, saya dengan rasa rendah diri menyokong usul ini. Sekian, terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Taman Medan. Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Terlebih dahulu saya menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor atas Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas pada tahun 2021. Sesungguhnya Keberangkatan Ke bawah Duli Tuanku membuktikan keprihatinan Tuanku untuk memastikan masalah rakyat di Negeri Selangor dan kedaulatan Kerajaan terpelihara. Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan ucapan tahniah dan selamat bertugas kepada Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru, Pegawai Kewangan Negeri yang baru Dato' Haris dan juga Mufti Kerajaan Negeri Selangor yang baru Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Anhar dan semoga mereka yang dilantik dapat menjayakan dan juga melaksanakan tugas sebaik-baiknya. Dalam Titah Ucapan Tuanku kali ini secara jelas Baginda telah menekankan berkaitan kebimbangan Tuanku. Dalam menghadapi isu berkaitan COVID-19 isu berkaitan dengan kebijakan rakyat isu ekonomi, sosial, politik dan alam sekitar. Sebahagian besar Titah Ucapan Tuanku menekankan tentang berkaitan dengan isu COVID-19. Saya merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor di bawah kepimpinan Dato' Menteri Besar kerana sejak daripada awal lagi kes COVID-19 ini melanda negara kita telah bertindak agresif dan menumpukan perhatian yang serius dalam menangani wabak ini. Walaupun diakui kes COVID-19 di Negeri Selangor paling tinggi di dalam negara namun tindakan Kerajaan Negeri yang pantas dan agresif ini telah memungkinkan kes COVID-19 tidak terjadi lebih teruk. Kita juga perlu berlaku adil dalam kepadatan penduduk yang tinggi di Negeri Selangor dan juga kerjasama yang terpilih dari Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri menjadi cabaran paling besar kepada kita untuk kita menangani isu COVID-19 itu sendiri. Contohnya, tiada perkongsian yang jelas tentang maklumat COVID-19 kepada Kerajaan Negeri Selangor. Kluster COVID-19 yang paling tinggi dikesan berpunca dari kluster kilang. Malahan di Meru sendiri pernah mencatatkan kluster tertinggi di dalam negara seperti kluster Teratai sebagai contoh. Kita dapat melihat bagaimana walaupun kluster kilang ini tinggi namun operasi kilang masih dibenarkan beroperasi malahan lebih teruk apabila kebenaran beroperasi ini dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat walaupun ada keskes yang tinggi yang telah dilaporkan pada kilang-kilang tersebut. Kita tidak menghalang operasi kilang ini untuk berjalan namun bagaimana dengan penguatkuasaan? Ketelusan maklumat dan keperluan operasi kilang sedangkan kita sedia maklum sama ada di peringkat pusat dan juga di peringkat negeri. Kita tidak bersedia malahan tidak mempunyai jentera yang cukup untuk melaksanakan penguatkuasaan terhadap pematuhan SOP yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan juga MKN.

Saya mencadangkan dengan kekurangan jentera penguatkuasaan, pihak Wakil Rakyat ataupun mereka yang berkelayakan diturunkan kuasa sementara untuk

membantu pihak Kerajaan memeriksa mengenakan tindakan dan memantau kilang-kilang yang gagal mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Antara cara untuk menyelamatkan nyawa rakyat daripada terus dijangkiti atau memberi, dengan memberi ketahanan tubuh adalah dengan divaksinkan. Saya berterima kasih dengan Kerajaan Negeri atas usaha yang serius dengan mevaksinkan warganya, dengan membuka Pusat Vaksinasi dan sebagainya namun jangan kita lupa kepada warga yang tidak mampu ke Pusat Vaksinasi seperti warga tua, orang kurang upaya dan juga mungkin Pati yang terlepas pandang daripada pandangan kita daripada mendapatkan vaksin. Mereka boleh menjadi pesakit ataupun pembawa kepada virus ini. Mereka boleh menjadi seperti bom jangka yang tidak diduga.

Tuan Speaker, saya mencadangkan satu pasukan khusus untuk digerakkan atau diturunkan ke lapangan bagi mevaksinkan golongan-golongan ini. Selain daripada itu, isu ekonomi juga ditekankan dalam Titah Ucapan Tuanku. Ramai yang terkesan, ramai yang gulung tikar malah ramai yang hilang pekerjaan. Setiap pembangunan dan pelaburan baru yang diterima oleh Kerajaan Negeri khususnya macam pembinaan kilang-kilang baru sudah pasti akan membuka peluang pekerjaan baru. Namun sepanjang pandemik ini, kita dapat melihat betapa ramainya warga kita yang kehilangan pekerjaan. Namun warga asing pula yang mengisi pekerjaan tersebut. Ini satu perkara yang cukup malang yang sepatutnya ruang pekerjaan ini untuk warga kita tetapi diisi oleh warga asing. Saya mencadangkan supaya kilang-kilang ini menghentikan pengambilan pekerja asing dan memberi ruang yang lebih luas kepada pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut. Bagi menggalakkan atau menjayakan perkara ini, mungkin Kerajaan Negeri memikirkan inisiatif tertentu seperti pengurangan cukai bagi menggalakkan majikan menyahut seruan ini. Sesungguhnya kita membina peluang dan ruang untuk warga kita bukannya untuk warga asing. Pandemik COVID-19 telah memaksa kita untuk berubah dalam kehidupan norma baru terutama dalam teknologi. Penggunaan teknologi amat meluas pada ketika ini, kita akan berhadapan dengan kesan positif dan negatif. Sebagai contoh, dalam bidang ekonomi. Pada ketika penggunaan teknologi yang lebih meluas yang mana tanpa kita sedar kita telah menuju ke arah dunia digitalisasi. Mereka yang mengikuti arus ini mungkin terselamat namun mereka yang ketinggalan mungkin akan berhadapan dengan suasana sukar pada masa akan datang. Sewajarnya Kerajaan Negeri bukan sahaja perlu menyediakan infrastruktur digital dengan lebih maju dan lengkap namun ilmu pengetahuan dan pendedahan teknologi ini juga perlu sampai kepada mereka yang perlu diberikan perhatian khususnya mereka yang tinggal di luar bandar. Penerangan secara *online*, bertulis dan sebagainya yang difikirkan sesuai perlu digerakkan agar mereka tidak ketinggalan.

Ketika pandemik ini juga, antara sektor yang paling terkesan adalah sektor pendidikan. Saya ingin mengambil ruang untuk menyampaikan juga isu di tempat saya sendiri berkaitan dengan keperluan pembinaan Sekolah Agama Rakyat di Sungai Kapar Indah yang mana pada ketika ini penduduknya semakin bertambah dan

kebanyakan pelajar-pelajarnya terpaksa belajar di Kampung Perepat dan Kampung Sementa di DUN Sementa. Yang pada ketika ini, SRA ini diusahakan secara persendirian oleh ahli qariah Surau Al-Faizin yang saya difahamkan permohonan pembinaan sekolah ini telah berlarutan lebih daripada 10 tahun. Bagi memastikan anak-anak kita tidak ketinggalan kelas secara *online* percuma mungkin boleh diadakan pada setiap hari untuk dilayari oleh pelajar sama ada secara langsung ataupun rakaman yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri. Kebimbangan saya juga amat tinggi apabila dalam pemerhatian saya kebanyakan pelajar-pelajar daripada Darjah Satu, Dua dan Tiga masih tidak tahu membaca atas sebab mereka tidak bersekolah. Bagi mereka yang mengikuti kelas *online*, mungkin itu berasas baik. Itu pun sekiranya mereka menumpukan perhatian. Bagaimana pula nasib mereka yang langsung tidak pernah mengikuti kelas *online* ini? Atas sebab kekangan, kemampuan dan sebagainya. Begitu juga kebimbangan saya kepada anak-anak kita daripada kalangan kaum bangsa Cina dan India yang tidak bersekolah. Sudah pasti kemahiran Bahasa Melayu di kalangan mereka akan jadi amat lemah. Dibimbangi dalam jangka masa panjang akan memberi kesan yang lain seperti masalah komunikasi sesama kita dan mungkin juga akan menimbulkan isu perkauman, perselisihan dan sebagainya dalam jangka masa panjang. Perkara ini kita perlu fikirkan bermula dari hari ini. Saya juga melihat kebimbangan Baginda atas kebajikan warga Selangor yang terkesan akibat COVID-19 khususnya kematian yang melanda yang mengakibatkan keluarga hilang bergantung seperti hilang pekerjaan. Ramai yang menjadi yatim piatu sekelip mata dan tiada perhatian serius kepada golongan yang baru terkesan ini. Seharusnya kebimbangan Baginda ini diambil tindakan utama sebagai salah satu agenda kita untuk membantu menyelamatkan rakyat. Dan saya juga amat terkejut apabila kecoh dalam beberapa minggu ini, sebelum ini seperti mana yang dinyatakan oleh Pelabuhan Kelang tadi berkaitan dengan isu pengurusan jenazah. Ada pihak yang mengambil kesempatan daripada isu ini. Menjadikan sebagai jalan untuk mencari pendapatan dengan cara yang mudah sedangkan khususnya kepada orang Islam, pengurusan jenazah ini tidak boleh diniagakan. Ini bukan tempat untuk kita bermiaga. Bagi saya kurang ajar ini orang yang ambil kesempatan bermiaga dengan masalah rakyat pada hari ini. Kerana apa? Orang dalam keadaan susah ambil kesempatan. Saya sebut golongan ini golongan yang kurang ajar sebab mereka tidak prihatin langsung dengan masalah yang sedang berlaku pada hari ini.

Tuan Speaker, baru-baru ini kita juga dikejutkan dengan penangkapan beberapa orang penting dalam Kerajaan Negeri Selangor akibat jenayah rasuah. Malahan lebih mengejutkan wujud sogokan untuk memenangi pemilihan perwakilan pelajar di IPT. Maknanya, isu rasuah ini bukan sahaja melibatkan orang politik, kakitangan Kerajaan tetapi mahasiswa pun sudah terlibat. Saya buktikan tuan-tuan boleh rujuk seperti mana yang dilaporkan dalam akhbar Sinar Harian pada 17 Ogos tahun ini, muka surat 19. Ini membuktikan budaya rasuah bukan sahaja berlaku di kalangan orang politik ataupun kakitangan Awam, sudah sampai kepada pelajar Universiti. Hendak menang

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Pilihan raya Kampus sahaja. Malang sangat, seolah-olah perkara ini bukan satu perkara yang serius., dan antara perkara yang menyebabkan, jenayah rasuah ini berleluasa adalah disebabkan soal penguatkuasaan yang kurang. Kenapa penguatkuasaan itu kurang, antaranya disebabkan oleh jumlah penguat kuasa yang cukup kurang. Saya dimaklumkan di Negeri Selangor sahaja, jumlah penguat kuasa yang ada hanya 70 orang.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Meru, saya hendak maklumkan masa,

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR: Bagi sikit lagi.

TUAN SPEAKER : Merah lagi ya, minit yang terakhir.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Ok, ok. Jadi, dalam masa yang sama mungkin disebabkan soal kejahilan, penekanan yang serius yang kurang pada hari ini tentang jenayah rasuah ini khususnya kalau orang Islam ataupun orang Melayu jijik hendak makan babi, jijik minum arak tetapi tidak jijik makan rasuah. Ini satu perkara, sedangkan makan rasuah itu dosanya lebih besar daripada makan khinzir lagi. Yang ini kita kena faham. Titah Tuanku juga jelas mengharapkan Negeri Selangor bebas rasuah. Tuan Speaker, saya juga mencadangkan supaya pengurusan kewangan GLC Negeri Selangor dibentangkan untuk dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini untuk semua Ahli Dewan dapat membuat semakan, semak dan imbang khususnya GLC utama seperti MBI, PKNS, PKPS, Semesta, Yayasan Selangor dan lain-lain lagi. Ini bukan sahaja untuk dapat mencegah rasuah tetapi dapat memastikan ketelusan dan kelancaran operasi GLC ini dapat berjalan dengan baik.

Tuan Speaker, sebelum saya hendak mengakhiri ucapan saya sedikit isu yang saya hendak bangkitkan berkaitan dengan isu JAIS yang saya rasa perlu diambil perhatian soal tauliah. Saya harap kenyataan Menteri Besar tidak diselewengkan oleh media ataupun orang yang berpolitik bukan di kalangan Ahli Dewan. Sekarang, bagi pandangan saya, kakitangan Kerajaan juga berpolitik. Saya sendiri sebagai Ahli Dewan Rakyat dihalang, Ahli Dewan Negeri, Dewan Rakyat, marah (Ahli Dewan ketawa) dihalang untuk melaksanakan tugas saya sebagai Wakil Rakyat di masjid-masjid dan surau. Ramadhan yang lepas saya datang untuk menziarahi Program Bubur Lambuk pun dipertikaikan ada kebenaran atau tidak. Ini tauliah ini dikeluarkan untuk saya mengajar. Tetapi saya tidak boleh guna, buat apa tauliah ini? Untuk apa dikeluarkan? Apa guna saya sebagai seorang pemimpin tetapi tidak boleh menasihati rakyat saya sendiri? Malahan mereka telah mengarahkan daripada PAID, Pegawai Agama Islam Daerah Klang menghalang untuk saya terlibat dengan sebarang program-program di masjid dan surau. Ini satu kebiadaban kepada Kerajaan kita sendiri sedangkan tanggungjawab kami sebagai Wakil Rakyat perlu dekati rakyat untuk menerangkan isu-isu tetapi kami dihalang. Ini satu perkara yang saya harap

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

dapat diambil perhatian. Sebab adanya di kalangan pegawai kerajaan yang berpolitik..berselindung daripada jawatan mereka ok...itu saya harap dan juga isu pengurusan jenazah seperti mana yang dibangkitkan oleh tadi.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat...Yang Berhormat.....Masa....

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : ok..ok...minta maaf....2minit setengah....

TUAN SPEAKER : Dah bagi dah....

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Saya mengharapkan juga, Jabatan Agama Islam untuk waktu ketika pandemik ini memantau Surau-surau dan Masjid-masjid yang rosak. Sebab tidak ada apa..peruntukan khusus untuk membaiki Masjid-masjid dan Surau-surau ini. Dan juga berkaitan dengan masalah sosial kemurungan yang sedang dialami oleh rakyat. Saya rasa pihak JAIS kena lebih agresif untuk mengesan mereka membantu mereka dengan khidmat kaunseling dan sebagainya..dan juga yang terakhir saya memohon untuk isu di tempat saya di Meru untuk..lebih agresif memantau dan mengenakan tindakan kepada peniaga-peniaga asing yang meniaga semakin berluasa sekarang ini diucapkan tahniah di Bahagian Penguat kuasa MPK Klang..yang saya rasa cukup agresif dan setiap kali saya buat aduan tak lama selepas itu mereka akan datang bertindak dan saya syorkan mereka diberikan penghargaan atas tugas mereka yang cukup cepat,pantas walaupun mereka berhadapan pelbagai kekangan dan juga saya mungkin ingin bertanya dan juga memohon untuk Kerajaan Negeri memikirkan pembinaan sebuah Masjid baru di Sungai Kapar Indah yang tidak ada Masjid pun di situ yang ada hanyalah Surau ...surau... Surau Taraf Jumaat...surau.... Surau Taraf Jumaat ke apa itu....Surau yang boleh dibuat Solat Jumaat itu sahaja... sedangkan ia satu keperluan sebab tidak ada satu Masjid pun di kawasan tersebut dan saya mengharap..dan juga saya ingin bertanya sini kepada Kerajaan Negeri untuk mungkin Menteri Besar boleh jawabkan tentang isu Pelantikan PABS DUN Meru yang mana sehingga kini masih lagi masih lagi belum selesai. Saya harap dapat diselesaikan segera...supaya anak-anak muda di Meru akan dapat melaksanakan per..tanggungjawab mereka sebaik yang mungkin. Jadi mengakhirnya, saya dengan ini menyokong penuh usul titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Assalamualaikum W.B.T.

TUAN SPEAKER : Permatang...

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Bismillahirrahmanirrahim...Terima kasih saya ucapan kepada Tuan Speaker. Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Kakitangan Kerajaan, Pengamal Media serta Para Pemerhati di dalam Dewan mahupun yang menonton secara langsung perbahasan

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

pada hari ni. Syukur alhamdulillah kali ini giliran Permatang bagi membahas ucapan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Tuan Speaker, sejak Perintah Kawalan Pergerakan atau ‘lockdown’ dikuatkuasakan di negara ini, banyak pengumuman dan inisiatif telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat Negeri Selangor yang terjejas pendapatan akibat pandemik COVID-19. Di sini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Hijrah Selangor yang memberikan pengecualian bayaran..bayaran balik pinjaman atau moratorium kepada pinjaman Peminjam Hijrah bagi tempoh satu perpuluhan..1.5 bulan kepada 40ribu usahawan.

Namun, saya difahamkan hanya sebahagian sahaja yang mengambil moratorium itu dan 11 449 masih ditawarkan dan membayar dengan baik. Alhamdulillah, ini tujuan moratorium ini diberi bagi memastikan para usahawan Hijrah yang terdiri daripada peniaga kecil dan golongan B40 memperkuuhkan pendapatannya sendiri tanpa dibebani dengan bayaran pinjaman. Keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu meringankan beban para usahawan dan peniaga kecil amatlah dihargai. Kita juga, berterima kasih kepada pihak Hijrah Selangor dengan inisiatif yang dibuat iaitu Skim Pen..Penjadualan Semula Peserta Hijrah ini akan lebih memudahkan lagi usaha mereka dalam meneruskan perniagaan mereka.

Tuan Speaker, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat dan Pasukan kerana telah melaksanakan satu program iaitu Saringan COVID-19-19-19 secara Percuma di 56 DUN dan juga Pemberian Vaksin secara Percuma kepada Komuniti dan ini menunjukkan Keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor kepada rakyat. Namun ada sedikit persoalan di sini iaitu, sewaktu Permatang melaksanakan Program SelVAX terdapat terlalu ramai warga asing yang hadir tanpa dokumen kerana mereka perlu mengisi MySejahtera dan SELangkah. Kita faham mereka hidup bersama-sama dengan kita dalam komuniti dan saya ingin bertanya...Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan bahawasanya komuniti rakyat Selangor ini dapat hidup dengan selesa tanpa ada warganya yang tidak divaksin. itu jadi saya mengharapkan kita akan mendapat jawapan sewajarnya daripada pihak Kerajaan Yang Berhormat Tuan Speaker di sini juga saya ingin merakamkan penghargaan ke atas naik tarafnya Majlis Daerah Kuala Selangor kepada Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

Permatang ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan sekalung penghargaan syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Kuala Selangor atas kenaikan taraf dari Majlis Daerah ke Majlis Perbandaran pada 7 Ogos 2021 yang lepas. Khasnya kepada Puan Rahilah, Yang Dipertua Puan Rahilah binti Rahmat yang menempah sejarah sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor terakhir iaitu Wanita Melayu Terakhir dan sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor yang pertama.

Selain daripada usaha bersungguh-sungguh warga kerja yang ada pada hari ini pastinya begitu banyak laluan getir dan berliku yang dirintis oleh mereka terdahulu menuju ke arah kejayaan ini. Tahniah dan terima kasih juga diucapkan kepada mantan-mantan Yang Dipertua dan Setiausaha saya percaya ada di antara mereka turut berada bersama kita pada hari ini.

Tuan Speaker, sebagaimana meningkatnya taraf Majlis Perbandaran ini, begitu jugalah meningkat ekspektasi warga daerah ini kepada Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Ini lah cabaran pertama yang perlu dihadapi dengan cermat dan bijaksana oleh kepimpinannya. Permatang turut mengharapkan agar khidmat warga Daerah Kuala Selangor ditingkatkan lagi secara berterusan. Terutamanya dari segi perkhidmatan asas yang utama, iaitu Pengurusan Sampah, Selenggaraan Bangunan dan Penyelesaian kepada Bangunan yang terbengkalai.

Permatang melihat ianya perlu diutamakan supaya boleh diselesaikan dengan kadar segera. Sebagai orang baru...dalam keluarga Majlis Perbandaran di Selangor, Permatang percaya banyak perkara yang perlu dipelajari daripada orang lama dalam keluarga ini. Kekuatan, kewangan Majlis Perbandaran Kuala Selangor mungkin masih belum bersedia sepenuhnya untuk menyerap ekspektasi masyarakat ke atasnya. Oleh itu, Pematang berpendapat Kerajaan Negeri, perlu meneruskan Bantuan Kewangan Tahunan yang diberikan sebelum ini kepada Majlis Daerah Kuala Selangor terutamanya sumbangan kewangan bagi Pengurusan Sampah di Kampung-kampung Tradisi untuk sekurang-kurangnya bagi Tahun 2022 dan 2023. Ini bagi memastikan momentum kualiti Pengurusan Sampah di Kampung-kampung Tradisi ini boleh dikekalkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker Permatang mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor dan semua PBT atas keprihatinan terhadap kesusahan yang dihadapi oleh rakyat akibat pandemik COVID-19 dengan melaksanakan Program Pembelian..Pemberian Lesen Penjaja Sementara Pasca Perintah Kawalan Pergerakan PKP 3.0 di Negeri Selangor. Dalam hal ini, Permatang sangat berterima kasih kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor khasnya dan semua Datuk Bandar dan Yang Dipertua PBT Selangor atas kesungguhan menjayakan hasrat Kerajaan Selangor ini.

Banyak tapak-tapak penjaja sementara telah dibuka oleh setiap PBT bagi menempatkan penjaja-penjaja baru secara sementara. Kita telah membantu banyak individu yang terjejas untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka dan berniaga secara kecil-kecilan. Sebagai pendekatan jangka pendek Permatang lihat ianya satu kejayaan boleh dibanggakan dan patut dipuji namun ia tidak boleh berakhir disitu

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

sahaja. Perlu ada usaha baru sebagai kaedah jangka panjang yang dilakukan secara berterusan.

Seperti mana yang pernah Permatang bangkitkan semasa Perbahasan Belanjawan Tahun 2020 dalam Persidangan Penggal Ketiga Tahun 2020 yang lalu Permatang ada menyarankan kepada Kerajaan Negeri agar membentuk satu rangka tindakan yang jelas dan menyeluruh berkaitan Perancangan Pembangunan Di Negeri Selangor.

Perkara utama yang mesti diberikan perhatian ialah, supaya mana-mana pembangunan baru dalam kawasan PBT, penyediaan kawasan atau pun tapak khusus untuk menempatkan penjaja hendaklah dijadikan salah satu syarat yang mesti disediakan oleh Pihak Pemaju Dalam Permohonan Kebenaran Merancangnya. Kita perlu bersungguh-sungguh untuk memastikan rangka tindakan berkaitan pembangunan kawasan baru di Negeri Selangor diwujudkan. Sekiranya sudah ada, ianya hendaklah ditambah baik lagi dari masa ke semasa.

Seterusnya, saya ingin menyebut tentang di dalam titah Tuanku ada menyebutkan tentang rasuah. Jadi Tuan Speaker, dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor ada menyentuh mengenai rasuah di kalangan penjawat awam dan ahli politik. Di kesempatan ini, saya ingin mengingatkan dan mengharapkan agar seluruh kakitangan Agensi Kerajaan, Pemimpin dari yang kecil sampailah yang ke besar agar sentiasa komited bekerja sebaik mungkin dan menghindari daripada perbuatan rasuah. Hal ini kerana gejala rasuah boleh merosakkan bangsa dan negara. Dalam satu.. dalam surah Al-Baqarah ayat 188 ada menyebut : ‘Dan janganlah kamu makan atau mengambil harta orang-orang lain, di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu memberi rasuah kepada hakim-hakim kerana hendak memakan atau mengambil sebahagian dari harta manusia yang berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya’.

Di samping itu saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada atas kewujudan PWB iaitu Pusat Wanita Berdaya di seluruh 56 DUN. Secara tidak langsung menzahirkan keprihatinan dan sokongan Kerajaan Negeri terhadap usaha-usaha Pembudayaan Warga Selangor terutamanya golongan wanita.

Kita faham, kita ada dua jenis Program iaitu, Pembangunan Kemahiran Kemahiran dan Program Kapasiti..namun saya difahamkan kita ada satu lagi program khusus yang telah diberi nama iaitu Ekspo Hasil Suri (HASSEL) dan baru-baru ini, telah dinyatakan bagi melaksanakan program ini RM400ribu telah diperuntukkan dan dengan 803 produk yang telah dikeluarkan.

Maka di sini kita dan saya ingin bertanya kepada pihak EXCO..Bagaimana..Yang Berhormat EXCO iaitu sejumlah 400ribu yang telah dikeluarkan ini Bagaimanakah

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

urusan pengendaliannya bagi memastikan bahawa sejumlah wang ini ada kala dengan izin *success story* di sebaliknya. Dan saya mengharapkan agar apa yang kita nak buatkan yang terbaik untuk negeri ini adalah kita memastikan setiap ringgit dan sen yang kita belanjakan dengan menggunakan duit rakyat ini pergi kepada tempat yang sepatutnya.

Selain daripada itu, saya juga yang akhir sekali saya ingin bawa tentang laluan pecut rakyat Permatang iaitu kita faham dalam keadaan walaupun pandemik sekarang sukan telah dibuka bagaimanapun saya ingin mencadangkan ada satu kalau dibenarkanlah iaitu untuk pengetahuan Dato' Seri Menteri Besar, EXCO Generasi Muda dan Ahli Dewan dalam kesukaran Negeri Selangor bersama jenteranya menangani cabaran pandemik COVID-19 kita di Negeri Selangor masih berterusan menghadapi cabaran masalah sosial yang sama dan amat meresahkan masyarakat dan pihak berkuasa iaitu gejala lumba haram dan rempit...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Permatang...lampa merah....ia....silakan...

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Ok...errr....kita mengharapkan agar..satu...laluan pecut rakyat atau *drack shit* rakyat Permatang sebagai wardah pencetus manifestasi Kerajaan Negeri Selangor meredakan gejala lumba haram rempit ini dapat dilaksanakan. Akhir sekali, Permatang menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang telah mendampingi semua topik dan isu yang penting kepada segenap rakyat di Selangor. Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga adalah sangat menyeluruh, padat dan memberi panduan dan peringatan kepada kita semua. Maka dengan ini, Permatang menyokong usul menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi Persidangan Penggal Ke-14 Dewan Negeri Selangor yang Ke-14 Tahun 2021. Wabilahi Taufiq Walhidayah Wasalammualaikum W.B.T.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Permatang..saya mempersilakan Sabak....

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Terima kasih, kepada Yang Berhormat Tuan Speaker yang memberi peluang kepada saya untuk membahaskan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor...Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat...Bangau...oh Bangau kenapa engkau kurus...Macam mana aku tak kurus...ikan tak nak timbul.....sejak PRU yang KE-14 salah menyalah terus berlaku seumpama yang digambarkan dalam lagu Bangau oh Bangau terutamanya di kalangan ahli politik. Pembangkang salahkan Kerajaan, Kerajaan salahkan Pembangkang. Kenapa selepas PRU kita tidak tutup buku politik? Kita tumpukan sepenuhnya kepada memberi kesejahteraan kepada rakyat seperti mana yang dititahkan oleh Tuanku, rakyat di bawah sana memerlukan anda untuk membantu kesusahan mereka. Kenapa tidak Templer dan Bukit Antarabangsa berganding bahu berpegangan tangan? Membantu dan membela rakyat. Kenapa tidak Sabak dan

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Sungai Air Tawar bersama dalam satu program. Sungai Air Tawar buat program Sabak hadir, Sabak buat program Sungai Air Tawar hadir. Boleh ke tidak? Siapa yang tak boleh sila bangun, bagi ulasan kenapa tak boleh tapi bukan sekarang, saya tak bagi laluan. Kalau nak lawan masa pilihan raya, lawan. Bukan lawan tetap lawan tiap-tiap hari, hanya satu lawan yang boleh kita lakukan setiap detik dan masa yang seperti Tuanku titahkan. Saya nak nyanyi lagi.

Ular oh ular, kenapa makan rasuah?
Macam mana aku tak makan, memang makanan aku.

Titah Baginda kita perangi rasuah habis-habisan. Saya ubah lirik itu kepada rasuah tetapi tetap ular. Kenapa saya guna ular? Kerana ular adalah satu binatang yang besar, seumpama pemimpin politik memegang jawatan tinggi dan berkedudukan yang dikatakan bergelumang dengan rasuah. Sebab itu kita mahu SPRM supaya mereka yang berkedudukan tinggi ini atau digelar sebagai ikan ‘Jaws’ ini diambil tindakan. Ramai yang terlibat dengan rasuah dibawa ke mahkamah tetapi ikan ‘Jaws’ dibebaskan oleh mahkamah sedangkan ikan-ikan bilis yang membuat rasuah yang begitu sedikit diambil tindakan. Saya rasa Templer setuju dan saya cadangkan supaya di setiap jabatan yang terbuka untuk berlakunya rasuah dilantik satu Pegawai Khas yang memantau supaya jabatan itu tidak menyeleweng dan berlaku rasuah. Contohnya di Pejabat Tanah dan Daerah, di Majlis Daerah, Majlis Perbandaran, Bandar raya dan sebagainya. Saya harap ini dilaksanakan.

Yang ketiga, nak nyanyi lagi.

Sawah oh pesawah,
Kenapa engkau menangis?
Macam mana aku tak nangis,
Padi tak menjadi.

Daripada pertama saya berucap di Dewan ini saya kata masalah hasil padi yang menurun berlaku sampai sekarang terus menurun dan musim ini yang paling teruk. Saya rasa YB Tuan Speaker boleh mengesahkannya. Ada yang cuma dapat 800 kilo dan ada yang tidak dituai kerana kalau dituai pun tidak ada untungnya. Saya rasa ADUN-ADUN yang ada sawah padi, Sungai Panjang, Sungai Burong, Permatang menyokong saya. Betul? Betul. Walaupun saya dengan Pandan pernah bertikam dan ada yang luka dan ada yang tak luka tetapi saya rasa saya dan Pandan harus bekerjasama untuk mengatasi masalah ini. Saya tak mahu musim akan datang ada lagi rungutan. Saya rasa lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke Sungai Besar telah ditunjukkan bagaimana padi yang diserang oleh ulat batang yang padinya hampa tidak ada isi. Sebab itu hari ini saya bawa Memorandum Pesawah Menangis yang saya akan serahkan selepas saya berucap ini. Kalau kali ini menangis tidak diatasi, pesawah akan pengsan dan mungkin pesawah akan meninggal kerana hasil

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

cukup teruk. Saya kata cukup teruk. Kepada mereka yang bukan di sawah, ADUN-ADUN yang berada di bandar, sokong lah saya walaupun anda di bandar, anda tetap makan padi, makan beras.

Seterusnya, saya cemburu, saya cemburu, saya cemburu. Kenapa saya cemburu? Petaling RM5.934 bilion pelaburan, Kuala Langat RM5.78 bilion pelaburan, Klang RM3.47 bilion pelaburan, Sabak Bernam berapa? Sabak Bernam berapa? Kalau sikit dan tidak ada langsung saya tanya kenapa?

TUAN SPEAKER : Kawasan jelapang padi Yang Berhormat.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Sawah padi?

TUAN SPEAKER : Jelapang padi Yang Berhormat.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Jelapang padi. Tak apa jelapang, jelapang lah. Kalau kita ada anak dara yang tak laku-laku, kita kena hias dia supaya laku. Kita turunkan hantarannya supaya dia laku. Sabak sedia diturunkan harga hantarannya janji pelabur datang. Maksudnya kalau di bandar dia punya cukai tinggi untuk pelabur, di Sabak Bernam turunkan lah sedikit untuk pelabur datang ke Sabak Bernam. Seterusnya Pembangkang menyebut berkenaan *resort* yang menjadi rumah hantu. Sebenarnya ada pemaju yang telah mengemukakan permohonan untuk menyewa dan memperbaiki *resort* iaitu Dagang Holding Sdn Bhd. Saya harap supaya ia dapat disegerakan supaya *resort* itu menjadi suatu yang menjadi kebanggaan kepada penduduk Sabak.

Yang kedua akhir, terima kasih selepas YB EXCO Pertanian melepas 40 ribu anak udang galah Sungai Bernam sekarang menjadi tempat pemancing udang galah. Kalau Templer nak datang saya sediakan apa yang sepatutnya. Tetapi malang tidak ada jeti terapung untuk para pemancing keluar ke sungai memancing. Harap selepas ini adalah jeti terapung di Sungai Bernam.

Akhirnya saya kesian dengan DAP terutamanya Yang Berhormat Tuan Speaker. Semua kesalahan, semua yang buruk, semua yang tak baik, dituduh kepada DAP oleh pejuang-pejuang Melayu dan pejuang-pejuang Islam. Saya bukan *balaci* DAP tapi saya berkawan baik dengan YB Tuan Speaker. Jiran saya Subang Jaya, depan saya Kampung Tunku, jiran saya Dusun Tua, Sungai Pelek. Di Dewan yang mulia ini saya nak beritahu seluruh rakyat Selangor dan seluruh rakyat Malaysia bahawa DAP bukan ancaman kepada Melayu dan Islam. Walaupun saya bukan Tuan Guru, saya kata tidak jadi kafir kita bekerjasama dengan DAP. Dengan ini saya...nak tutup dah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan, minta penjelasan. Saya nak tanya.

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

TUAN SPEAKER : Ya Kampung Tunku nak potong stim ke minta penjelasan? Ya silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya tanya satu soalan yang cukup senang sahaja iaitu pada pendapat Yang Berhormat siapakah musuh kepada Malaysia dan juga orang Melayu di Malaysia ini? Siapakah musuh dia?

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Setakat ini ialah UMNO dan PAS dengan jelas saya sebutkan. Dengan ini saya menyokong.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Sangkaan jahat tu. Mana boleh kata macam tu. Tak bolehlah kata macam tu. Patut-patut la. Soalan dia tadi adalah musuh kepada rakyat dan orang Melayu, tak boleh lah cakap musuh tu, jawapan tu kepada UMNO dan juga PAS. Parti dalam hal ini tidak terlibat. Kalau saya minta Yang Berhormat betulkan la. Sebenarnya musuh ni kepada pemimpin-pemimpin yang tak bertanggungjawab. Jangan terus label terus kepada parti. Parti siapa pun UMNO, PAS, PBM, DAP, Amanah ni tidak ada salahnya, hanya yang salah yang tak bertanggungjawab ni semua mungkin ada pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab. Jangan terus label kepada parti.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Terima kasih kepada Sungai Panjang. Oleh sebab jawapan Sungai Panjang saya bersetuju tetapi Sungai Panjang sebagai pemimpin dalam UMNO pastikan bahawa tidak ada pemimpin dalam UMNO selepas ini mengeluarkan "no DAP", "no Anwar". Cukup-cukup Speaker dah lebih, biasa Speaker tak bagi saya. Dengan ini saya menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya, terima kasih Sabak dengan semangatnya tinggi. Siapa lagi, sekarang saya persilakan Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Tuan Speaker. Ini kali pertama saya ucap dengan *face mask*. Mungkin saya tak tahu suara saya *clear or not clear*. Kita masih belum menang melawan COVID-19. Beberapa hari yang lepas Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr. Nor Hisham, dia berkata varian Delta ini bukan sahaja boleh menular dalam beberapa saat sehingga 15 saat, dia juga tersebar melalui udara dan ada kajian menunjukkan varian Delta ini dia boleh membiak di dalam hidung walaupun orang itu telah menerima vaksin. Ini telah menyebabkan SOP COVID-19-19 kita dikemaskinikan. Dulu kita syorkan pakai pelitup muka satu cukup dan di tempat sesak sahaja tetapi sekarang kita tambah, kita kata *double masking*, pelitup muka berganda dan tambah lagi pelindung muka. Penjarakan sosial juga, penjarakan fizikal daripada satu meter kalau sekarang *you lihat, kalau kita lihat WHO mengesyorkan dua meter*.

Bangunan disyorkan buka tingkat, tadi saya *round* Dewan ini semua tingkap buka. Dulu kita takut *aircond* keluar, semua tutup. Ini adalah semua SOP yang baru. Malangnya ada pemimpin yang tidak mematuhi SOP. Nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia tidak dipedulikan. Kalau Ahli-ahli Berhormat baca *paper* beberapa hari ini ada satu gambar di mana Mesyuarat dipengerusikan oleh Perdana Menteri Ke 9 dan ramai di dalamnya tidak memakai *face mask*, satu *face mask* pun tak pakai. Perdana Menteri sampai hari ini tidak menafikan gambar tersebut. Dia diam sahaja. Saya harap kalau Perdana Menteri itu sebab dia Perdana Menteri yang baru tentu akan melawat tiap-tiap negeri. Dia datang ke Selangor, pemimpin-pemimpin yang menyambut dia itu jangan macam orang Kedah. Langgar peraturan, langgar SOP dan menyebabkan keadaan menjadi lebih buruk lagi. Tolong ya pakai *face shield* dan *double face mask*. Kita akan menang lawan COVID-19 sekiranya kita peka dan kita juga mengambil berat tentang titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang menyuruh semua rakyat bersikap tanggungjawab dalam mematuhi SOP. Ini kita kena ingat.

Tuan Speaker, SOP perlu diketatkan kerana varian Delta. KKM telah kata kalau menggunakan pelindung muka tambah lagi dua pelitup muka iaitu pelitup muka berganda, maka kita mempunyai peluang untuk mengurangkan ataupun mendapat pelindungan sehingga 96% daripada dijangkiti varian Delta. Kerajaan Selangor telah banyak memberikan kita *face mask* yang hari tu kita pun pakai. *Face mask* Kita Selangor. Kali ni saya mengesyorkan, saya mencadangkan kerajaan Selangor membelikan pelindung muka kepada semua rakyat supaya kita biasakan dengan memakai pelitup muka berganda bersama dengan pelindung muka. Selepas ada kejayaan ataupun ini menunjukkan kesungguhan kita melawan COVID-19 dan kita akan menang selepas kita menang, saya ajak Ahli-ahli Yang Berhormat datang ke Kuala Kubu Baharu. Selain daripada Sabak tadi cakap, sawah padi cantik, Kuala Kubu Baharu pun ada banyak bukit yang cantik-cantik. Ini ada satu pantun untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat:

“Enggang Digerak Dengan Kelingking,
Terbang Sepasang Jantan Betina,
Pegang Janji, Pegang Keliling,
Alang Watan Bertunak Wacana.”
“Kuala Kubu Atas Bukit,
Tempat Orang Tahan Ampang,
Hati Libur Bukan Sedikit,
Tempat Mencari
Yang Indah Di Awan,
Yang Hati Pasti Tertawan.”

Sekian sahaja saya menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER : Ya, Ijok?

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrohim, Assalamualaikum WBT. YB. Tuan Speaker, YB. Ahli-ahli EXCO, YB. Ahli-ahli Dewan Negeri dan juga semua Ketua-ketua Jabatan. Terlebih dahulu Ijok mengucapkan ribuan terima kasih atas memberi ruangan Ijok berbahas menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Ijok takkan mengambil masa sebab banyak-banyak isu telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bernes, tetapi di sini Ijok ingin menyentuh 2 perkara yang telah dibangkitkan di ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor iaitu nombor satu, perkara besar dari segi kesihatan, masalah COVID-19-19-19. Yang kedua ialah masalah rasuah. Terlebih dahulu sebab kita dah setahun dah dekat nak dua tahun, kita berperang dengan masalah COVID-19-19-19. Nampaknya kemenangan belum ada. *There is no light at the end of the tunnel.* Bermakna takde lampu penghujung terowong. So, ini bermakna kita masih kalah. Dalam satu peperangan, kalaualah berkali-kali kita kalah, dalam satu peperangan, apa jadi? *Either we set the General, or the General* kena buat satu strategi baru. Dalam peperangan COVID-19-19-19 ni, macam perang rasuah, musuh kita tak nampak, tetapi dah dekat nak dua tahun angka makin naik. Jadi apa saya nak cadangkan, bermakna strategi yang ada yang diturunkan, dirancangkan oleh Persekutuan, di Negeri, kita kena tanya diri sendiri, saya nak tanya Ahli Berhormat, adakah kita memenangi peperangan ini? Itu satu soalan kita kena jawab diri sendiri.

Saya sebagai seorang doktor, kalau ada pesakit datang jumpa saya, berbulan tiap-tiap bulan datang, saya bagi rawatan yang sama jugak, tetapi masalah kesakitannya tak baik-baik, 2 tahun, apa anggapan pesakit pada saya? Maknanya doktor ni gagal. Sama, jadi kalau doktor yang prihatin, kena fikir strategi yang baharu, tukar ubat ke, dibedah ke, itu sepatutnya kerajaan yang berkuasa memikir dah nak 2 tahun, strategi dia sama juga. Vaksin, PKP, pakai apa yang ada tetapi kes-kes tak menurun, meningkat. Jadi saya nak beritahulah, kalau bermain politik dalam benda-benda kesihatan, atau pendidikan, mana-mana pihak dalam satu dunia pun, kalau kita campur-aduk politik, *self interest* dalam kesihatan, jangan nak harapkan perkara masalah ini akan kita atasi. Pada mulanya, katalah vaksin, kita semua tahu Selangor ni dianaktirikan. Kita punya penduduk kita punya industri terbesar di Malaysia tetapi di peringkat Persekutuan pun permulaan memberi vaksin pun dah terlambat. Kalau kita banding dengan negara luar, ada lah *this is all macam internal problem bit from money*, dan pemberian vaksin di Selangor pun lambat. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan Negeri Selangor, untuk mengambil inisiatif, kita memberi vaksin kepada warga Selangor *separately*, tetapi itu pun dipolitikkan kena sabotaj. Katakan vaksin akan datang. Lepas tu tiada vaksin. Tempat saya di Ijok, ada satu ketika kata kita buat pemberian vaksin lepas tu sehari sebelum tu dia kata takde vaksin, *cancelled*. Kita nak beli pun, kena sabotaj. Jadi apa kita buat takkan pulak kita nak kena buli oleh Persekutuan? *I hope*, kita sebagai negeri kena protes habis-habisan tunjukkan

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

pada masyarakat luar sana, Selangor ini *one of the numbers, one of the factors*, kita kena sabotaj, dianaktirikan oleh Persekutuan. Inilah mereka takde terasa ke? Menggadai nyawa oleh kepentingan politik. Macam mana mereka hidup saya pun tak tahulah. Ini amat penting. Apa strategi baharu yang sepatutnya kita buat? Itu saya terpulang kepada bijaksana, kearifan, kita ada komiti. Kita tengok pemberian vaksin kita tak berapa sempurna, tak capai tahap yang kita hendak.

Sebelum ini saya pernah kata, pemberian vaksin *the meteorology*, cara-caranya. Biasanya kasi, *register*, baru kita *jab*. *I think* kita kena ubah. Tak semuanya orang ada WiFi, ada *smartphone*, di kawasan saya, di kampung-kampung takde wifi pun. Dari segi jarak perjalanan yang jauh, kemiskinan, saya ingat kita kena tukar strategi. Dan juga warga-warga asing di Selangor ni, kita kena tukar strategi, jangan fikir mereka tak *register* kita tak boleh kasi. Sebab apa, merekalah jiran warga negeri Selangor. Kalau mereka membawa .. *dah takde time dah*, okay ..

YB. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, apa pandangan Yang Berhormat, saya difahamkan di Malaysia ada 8 ribu GP dan ada persatuannya yang sudah buat kenyataan mereka rela dan sudi berkhidmat dalam proses vaksinasi tetapi tidak digunakan. Apa pandangan YB.?

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Sg. Pelek. Kawan saya, kawan arif saya ialah Presiden Persatuan Doktor-doktor Swasta Malaysia. Dia beritahu mereka telah menulis surat pada pihak tertentu. Persatuan dia, doktor-doktor dia rela untuk memberi khidmat untuk memberi vaksin tetapi tidak ada jawapan. Doktor Steven Chau, itu kawan arif saya, bertugas sama di Hospital Pantai, Kuala Lumpur. Dia tunjuk surat dia, dia tulis pada pihak yang tertentu, kenapa infrastruktur kesihatan kita ada, terdedah, kita banyak ada klinik-klinik desa, klinik kesihatan, doktor-doktor swasta, doktor yang boleh nak *volunteer*, tetapi saya nak tanyalah, Negeri Selangor ni SelVAX, agenda kita membeli SelVAX tu untuk nak memberi *vaccination* kepada warga kita atau as a CSR ataupun nak buat duit? Kalau kita nak buat duit, macam kita pergi hospital kita punya cara tu dah berbeza. Nawaitu kita dah berbeza. Kalau kita nak buat sesuatu tu, oleh sebab *genuinely* kita nak beri *vaccination* kepada warga Selangor, cara kita lain. *Mentality* kita pun lain. *Can I have few minutes?* Jadi, lagi satu pusat-pusat CAC, Shah Alam dah berbulan-bulan, kalau kita tengok pun amat sedih, orang beratur berjam-jam. *What is happening?* Takkan kita buta? Kita kena rasa sebagai seorang doktor *you sympathize and amphotize*, dah kena positif duduk 6 jam, tengah panas. *Nothing happen.* Kita ada *facility* untuk membuka pusat CAC. *Spread them out*, kita boleh train. Doktor-doktor kita ada, doktor SelVAX, whatever, klinik-klinik. Di tempat saya di Ijok, ni saya nak beritahu ni, amat sedih. Di Ijok tu dibuat di Klinik Kesihatan Bestari Jaya. Klinik ni belakang satu tempat perumahan. Jalannya macam jalan bandar dulu, boleh lalu satu kereta je. Ni *village* punya *road*. Bila dah dibuat tempat CAC, di Klinik Bestari Jaya, nombor satu dahlah *jammed*, penduduk nak datang, nak balik tak boleh pasal kena *parking*. Nombor dua, penduduk mendapat risiko sebab orang lalu-lalang tepi-tepi

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

rumah, positif. Nombor tiga, mereka biarkan .. Inilah saya nak tahu Majlis Perbandaran, biarkan mereka bermiaga depan, lagi *caused* ... Nombor tiga, sampah keterlaluan. Penduduk dapa satu petition, bukan kita tak boleh tukar tempat ni, carilah dewan yang luas di sana. Dewan Bukit Badong ada, Bestari Jaya ada, keluarkan mereka *away from the residence* tapi saya haraplah, kerajaan Negeri Selangor cakaplah kepada KKM ataupun PKD tukarlah tempat tu yang sesuai, janganlah menambahkan risiko pada penduduk sebab di Ijok tu, banyak *factory*, banyak warga asing, ini akan menyebabkan jangkitan kepada penduduk.

Saya kata tadi ialah tentang rasuah, rasuah budaya rasuah sekarang itu sebab dalam titah Tuanku menimbulkan rasuah ini ialah satu *concent* masalah yang besar, rasuah ini macam penyakit COVID-19-19 kita tak nampak musuh tue, budaya ni satu penyakit kita ada COVID-19-19 Pandemik tapi sekarang rasuah ini dah jadi endamik makna nya rasuah bermakna *is part in parcel* macam *culture* kita *can be accept that* apa nak buat semua kena ada fulus berjalan, kalau tak ada fulus fail tak jalan, tak diluluskan. Kita sebagai pemimpin *i think* kena prihatin tentang rasuah ini, budaya rasuah ini merosakkan masyarakat merosakkan ekonomi Negeri dan Negara. Masalah *example*, wujudnya banyak *factory-factory* yang haram, di Selangor ini kenapa? Tak kan plak *factory* di buat rumah kecil disorok-sorokkan luas, nampak depan mata, so *what happen the penguatkuasaan what happen to the people of the authority, factory* U salahkan *factory* haram tapi u biarkan mencemar alam sekitar tak di pantau ini lah punca macam satu penyakit *we look from the root cause*, rasuah.

Rasuah juga banjir di Ijok, saya memang puncanya dari rasuah sebab apa banjir di Gombak, Ijok banjir, banjir Ijok air pasang banjir dia asyik-asyik salahkan cuaca tapi kalau tengok selenggaraan pengurusan parit-parit di tempat saya banyak kali sepatutnya ada SOP, untuk selenggarakan parit kalau tengok setahun pun tak buat apa-apa, macam mana tak jadi banjir jadi banyak kali saya *complaint* JKR kata ini bukan saya punya, JPS kata bukan saya punya Majlis kata ini bukan saya punya, jadi ini siapa punya?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Ijok, sila ringkaskan

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : sekejap ya. Itu sebab banyak punca-punca masalah, di negeri ini, banjir, *factory-factory* yang haram puncanya pun tuan-tuan dan puan-puan Ahli-ahli Majlis semua ialah rasuah. Banyak lagi sebab masa tak ada saya harap-harapkan kita sebagai pemimpin semua dalam tempat-tempat yang boleh mengatasi rasuah ini kita kena sifar kan rasuah kalau boleh. *No country has zero* tetapi kita boleh kurangkan rasuah itu sebab dalam titah Tuanku baginda Sultan pun amat sedih dan khuatir kita akan menjadi satu Negeri yang gagal, oleh sebab rasuah. Masa pun tak cukup ada lagi tapi tak per, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker, Ijok menjunjung kasih kepada titah Tuanku, sekian Waalaikumsalam wrbt.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Ijok, saya persilakan Sungai Ramal.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Auzubillah minashaitan nirajeem, Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum wrbt. dan Salam Sejahtera, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker dan seluruh anggota Exco Kerajaan Negeri dan juga para hadirin yang hadir dalam dewan yang mulia ini. Alhamdullillah saya mendapat giliran saya untuk memberikan sepatah dua kata dalam dewan yang mulia ini, untuk menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada sesi Pembukaan Dewan tempoh hari.

Izinkan saya terlebih terdahulu mulakan merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang telah menzahirkan keprihatinan baginda kepada kesejahteraan rakyat dalam negeri kita ini di mana kita semua tahu sekarang kita semua di landa COVID-19-19 -19 dan rata-rata seluruh dunia mengakui bahawa strategik yang paling angkuh untuk menangani penularan COVID-19-19-19 ini adalah dengan pemberian vaksin dan pada peringkat awal, pemberian vaksin dalam negeri Selangor adalah terlalu perlahan terkebelakang walaupun negeri ini mencatatkan bilangan kes yang tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain pada ketika itu, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah bertitah menzahirkan kebimbangan baginda dan meminta kepada kerajaan Persekutuan memberikan perhatian dan memberikan bekalan vaksin yang sangat diperlukan oleh negeri kita ini dan saya percaya titah baginda telah memberikan terus kepada kerajaan Persekutuan dan selepas itu kita mendapat bekalan vaksin yang boleh berlipat ganda berbanding dengan sebelumnya ini telah menyelamatkan dan menjadi titik mula mengubah keadaan yang berlaku dalam negeri kita ini. Itu adalah satu yang sangat-sangat dihargai oleh kita rakyat negeri.

Ada aktiviti pemberian vaksin itu kerajaan Negeri telah berjaya berusaha mendapatkan bekalan vaksin oleh Program SELVAX menurunkan vaksin ini kepada Negeri Selangor dan tiap-tiap DUN termasuklah, DUN saya telah mendapat bekalan 2600 dos vaksin itu yang telah dipergunakan saya percaya saya dan rakan-rakan saya di sini untuk memberikan kepada rakyat dan ia nya telah diterima dengan baik oleh rakyat di bawah satu yang saya ingin selesaikan ujian saya kepada pihak Y.A.B. Menteri Besar dan para Exco adalah kerana dalam pemberian vaksin tersebut kerajaan Negeri telah buat keputusan membenarkan vaksin ini diberikan juga kepada yang bukan warganegara, ia nya adalah satu yang sangat signifikan dalam usaha kita melawan COVID-19-19-19 ini saya sendiri sangat merasakan dalam DUN saya kerana DUN saya ini ada ramai warga asing kerana tempat saya juga antara tempat yang mempunyai kegiatan ekonomi yang tinggi bila kita ada kegiatan ekonomi yang tinggi ada kilang ada kedai yang banyak maka kita akan lihat di situ ada ramai menjadi tempat tumpuan termasuk lah bukan warganegara ini terbukti apabila diadakan Program SELVAX di tempat saya yang paling ramai majoriti yang bertanya yang

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

memohon untuk mendapatkan vaksin adalah terdiri daripada warga asing dan mereka datang dalam macam-macam keadaan, ramai yang datang dengan masalah juga dari segi dokumentasi tidak lengkap, kalau ada *passport* pun yang telah mati tempohnya semua ini dan mereka juga datang dengan mendapatkan bantuan daripada rakyat tempatan daripada tokoh-tokoh tempatan sama ada pemimpin masyakat setempat. Yang ingin membantu mereka kerana sekiranya mereka yang bilangan ramai ini tidak dipedulikan dibiarkan tidak divaksinkan ia nya akan memberikan kesan juga kepada kita rakyat tempatan yang ada di tempat tersebut, ini terbukti boleh lihat bagaimana di DUN saya telah tiga kali mengalami Perintah PKPD satu di Kampung Sungai Ramal Dalam, yang kedua di Bukit Kajang dan yang ketiga yang terbaru di Apartmen Sri Ayu di Seksyen 4 Bandar Baru Bangi, dan di ketiga-tiga tempat dan dua tempat yang terakhir majoriti yang ada di dalam kawasan yang dikenakan PKPD itu terdiri daripada warga asing, iaitu menunjukkan bagaimana apabila mereka ini kita sisihkan daripada atau tidak atau dibelakangkan dalam program vaksin ini maka akhirnya ia nya akan menghantui dan mencederakan kita juga akhirnya.

Seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan satu *point* yang telah bawa oleh rakan saya daripada Pelabuhan Kelang berkenaan dengan pengurusan jenazah ini. Saya sendiri telah pun mengalami perkara ini saya berikan satu kisah benar situasi yang berlaku di mana seorang daripada rakyat dalam kawasan saya yang telah mengalami sakit kanser dan beliau mengalami sakit kanser ada peringkat yang serius parah telah dimasukkan ke hospital mendapat rawatan untuk kanser dan beliau berada di hospital selama tiga bulan berjuang di rawat di sana pada peringkat akhir beliau kembali ke rahmatullah semasa tempoh rawatan dan pada peringkat akhirnya itu bila diuji beliau adalah positif COVID-19-19-19 kerana ada jangkitan pada pesakit lain di wad yang sama dengan dia akhirnya berjangkit juga pada dia.

Bayangkan isteri dan keluarga tidak dapat bertemu dengan dia dah selama lebih tiga bulan langsung tak jumpa pada peringkat akhir kena COVID-19-19-19 diuruskan dengan tatacara jenazah COVID-19-19-19 juga tak dapat berjumpa dan rawatan yang dibuat kepada dia pula bukanlah di hospital yang dipilih oleh mereka kerana rawatan tersebut serius maka ditempatkan di hospital yang di *asign* oleh Kerajaan. Jauh daripada tempat tinggal sekarang ini yang saya nak sebut adalah peraturan daripada JAIS yang memberikan mengembangkan hospital dengan tanah kuburan tertentu, kalau kita peraturan tersebut maka jenazah akan dibawa dan dikebumikan di satu tempat yang lain jauh daripada bandar Baru Bangi, langsung terpisah terus daripada keluarga ini mereka tak dapat terima mereka telah meminta bantuan daripada saya agar jenazah suaminya ayahnya itu dapat dibawa dan dikebumikan di dalam Bandar Baru Bangi.

Alhamdulillahlah perkara ini telah dapat dilakukan tapi yang saya nak bagi tahu di sini bagaimana nilai itu sebab kita bila sampai peringkat ini kita masing-masing nak kan satu *closer* dengan izin kepada keadaan ini jadi pada masa itu kalau bila ditawarkan bantuan bakul makanan bantuan kewangan kepada keluarga ini apa yang saya boleh

mampu bagi pun tidak dapat mengubat hati keluarga bagi dia bantuan saya untuk dapatkan suami itu dibawa balik kepada Bandar Baru Bangi lebih lagi sangat tinggi nilainya tak dapat yang lain pun tak apa asal kan yang itu sahaja. Saya nak bagi tahu ini adalah satu yang sangat penting harap kita boleh lihat pihak JAIS dapat melihat semula perkara tersebut.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan bantuan yang sangat ditagih oleh rakyat pada masa ini adalah kita bagus dengan bakul makanan tapi ada satu iaitu yang saya dapat berkali-kali permintaan sangat tinggi adalah keperluan kepada *gajet*, bila kita melakukan sekarang ini PDPR sekarang ini keluarga-keluarga terutama sekali keluarga yang B40 ini umumnya anak nya ramai dan mereka ini sekarang ini boleh kata semua keluarga ada *handphone*, tetapi *handphone* itu ada satu lah, kalau keluarga yang susah ini, ibu atau ayah yang guna. Jadi, bila anak-anak hendak belajar dengan PDPR ini maka mereka tidak cukup *gadget* itu. Begitu juga dengan pelajar siswa siswi Universiti yang sekarang ini menyambung pengajian juga melalui atas talian. Mereka juga merupakan begitu banyak sekali permohonan untuk mendapatkan bantuan komputer ini, *laptop* ini. Dan kita, peruntukan para ADUN sekarang telah pun dibebaskan daripada dibelanjakan untuk infrastruktur, boleh digunakan untuk kebaikan saya harap dapat dipermudahkan oleh kaedah di Pejabat Daerah agar mudah untuk ADUN untuk para Ahli Dewan menggunakanannya untuk menyampaikan bantuan ini kepada mereka yang sangat memerlukan. Akhir sekali, Tuan Timbalan Speaker, akhir sekali adalah berkenaan dengan kebaikan terutama orang-orang yang berumur, yang *last* sekali ya, *point* saya yang terakhir, *last* sekali, di tempat saya sendiri ada lebih daripada 100 buah ... kira-kira 120 buah surau jadi DUN saya antara DUN yang paling subur lah dengan surau dan masjid dan sekarang ini kita ada kekangan yang sangat tinggi jadi kita mendapat satu ketidakpuasan yang sangat tinggi dan permintaan yang sangat tinggi terutama daripada warga-warga yang telah berusia berambut putih seperti saya ini kerana mereka ini, banyaknya yang tua ini sudah pun pencer duduk di rumah dan mereka ini tidak minat dengan di siaran-siaran TV, wayang, *movie ASTRO*, dia tidak minat dengan bermain *gadget*, *e-game* dan sebagainya. Mereka orang tua, kehidupan mereka, dah pencer pun jadi kehidupan mereka adalah rumah dan surau, masjid. Bila mereka tidak dapat pergi ke rumah, ke surau dan masjid, dalam masa yang sama tidak dapat pergi menjenguk anak-anak dan cucu-cucu mereka, mereka merasa sangat-sangat tertekan. Kehidupan dan kesihatan mental mereka juga terganggu. Satu daripada lorong yang paling berkesan untuk mereka ini adalah untuk dapat kembali mengimarahkan surau dan masjid, oleh itu saya minta sangat kepada Kerajaan Negeri akan dapat difikirkan semula, diikhtiaran dan usahakan agar mereka ini sekurang-kurangnya, kalau difikirkan kalau letak syarat sudah dua (2) dos vaksin, masih terlalu ramai lagi yang boleh pergi ke masjid dan surau mungkin boleh bermula dengan selain daripada dua (2) dos, mereka juga adalah yang telah berumur mungkin 50 tahun ke atas agar ini dapat mengurangkan tekanan dan *stress* kepada rakyat yang sangat ramai di bawah sana. Dengan masa yang terhad ini, sekadar itu yang saya dapat sebutkan di sini, terima kasih atas peluang diberi ini dan saya dengan

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

ini menyokong usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada Persidangan kali ini. Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Ramal. Saya mempersilakan Semenyih.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI : *Bismillahirrahmanirrahim*, Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi ruang dan peluang saya membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor. Di sini saya ingin terlebih dahulu merakamkan ucapan dan tahniah di atas segala kebaikan, tindakan khususnya bagi pihak Kerajaan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk juga barisan Ketua-ketua Jabatan di Negeri Selangor ini ya yang telah berhempas pulas menghadapi COVID-19, pandemik COVID-19 khusus di Negeri Selangor yang saya pastinya, semua telah tahu tidak perlu bertanya lagi, punya lah terang lagi bersuluh ya kita menjuarai di Malaysia ini selaku negeri yang begitu tinggi lebih 500 ya, Selangor lebih 500,000 orang penduduk telah dijangkiti COVID-19 dan kematian menghampiri 5,000 ya, mungkin data-data ini dan saya rasa terkini lagi. Jadi, dalam keadaan ini nak tak nak kita akan menghadapi peperangan yang seperti mana sudah dimaklumkan bahawa keadaan ini mungkin berlarutan tetapi *InshaAllah* dengan kerjasama, gabungan di kalangan semua khususnya jentera, khususnya kita Yang Berhormat, pihak Kerajaan, pihak swasta juga yang memainkan peranan di Selangor ini saya rasa kita akan menjadi negeri contoh yang akan datang, inilah sejarah di mana akan tercatat bahawasanya dalam keadaan kita seperti mana banyak Yang Berhormat-Yang Berhormat mempertikaikan tadi, utamakan mana nyawa atau ekonomi, Selangor memang terkenal, supaya negara ya, negeri yang menyumbang KDNK paling tinggi di Malaysia ini, nak tak nak kalau utamakan nyawa ekonomi tutup pun tidak boleh juga kan jadi kita, dalam keadaan sekarang ini kita pengimbang yang terbaik objektif semua pihak ya, kita tidak perlu menuding jari, kita salah menyalahi dalam keadaan sekarang, masa yang mendatang ini tidak perlu kita baca yang terdahulu apa cerita Sabak tadi, kalau baca *bangau oh bangau* dan sebagainya kan?

Kita rasa, kita memandang ke hadapan, Selangor sebagai negeri bestari ya, negeri yang bijaksana kita mendahului negeri-negeri lain khususnya di Malaysia ini, kita harap khususnya kita dalam Dewan yang berbahagia, dihormati ini, Dewan yang mulia ini kita harap, keluarga Malaysia, *InshaAllah* mudah-mudahan kita harap kita dapat bersama berganding bahu memastikan pandemik, khususnya di Selangor ini dapat sekurang-kurangnya, saya rasa akan datang ini tidak menjadi, akan menjadi sekarang ini, kita kurang piala juara, kita harap kita mungkin yang nombor bawah ya, yang ke bawah sekali kita harap *InshaAllah*, mudah-mudahan. Jadi, saya rasa pihak Kerajaan dengan perancangan, tindakan Selvax dan sebagainya, kita nampak kita telah mendahului negeri-negeri lain tetapi bagi pihak saya, saya nampak dengan

kebersamaan, seperti mana yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang awal semalam, dua (2) hari semalam, kita mahu dalam menangani pandemik COVID-19 19 kita harap kebersamaan kita, kita tidak memikirkan untuk menghadapi perperangan yang tidak nampak ini kita harap semua pihak berganding bahu. Di pihak Daerah di Selangor, kita harap peringkat bawah tadi pihak Jawatankuasa Bencana ini, peringkat Pejabat Tanah dan Daerah ataupun Pejabat DO, kita harap dapat memainkan peranan menjemput kami pihak pembangkang, pihak pembangkang ini dapat turut serta menangani apa-apa permasalahan COVID-19 ini. Jadi, kita kadang-kadang kita terlepas pandang seperti mana kita negeri menyalahkan Pusat, banyak dari Pusat tidak memberikan data-data, berkongsi data dan sebagainya. Daripada pihak kami pula, di peringkat Ahli Dewan Undangan, pihak pembangkang ini pula, kadang-kadang memang kami tidak dipelawa, memang tidak kami duduk di dalam Jawatankuasa Bencana di peringkat daerah dan sebagainya.

Ini memerlukan perkongsian data, kita perlu di mana kita maklum semua pihak memberikan, menyampaikan, contoh, *Bakul Makanan* di pihak Kerajaan bagi, di pihak Parlimen bagi, di pihak ADUN bagi, kadang-kadang orang yang sama. Kita, bila kita tidak berkongsi data ini kita harap, kita dapat tahu pihak yang sama, orang yang sama tetapi orang lain tidak dapat. Tetapi, kita harap dengan adanya perkongsian, kerjasama, di kalangan kita, tidak kisahlah, kita harap Templer memahami keadaan ini, lupakanlah. Kita lupakan menghadapi, untuk menghadapi 18 bulan saya rasa, 18 bulan, itu kita serah pada rakyat. Yang penting sekarang, warna jangan pakai, kita tidak perlu warnalah. Kita harap, itu harapan dan cita-cita saya supaya melihat Selangor ini sebagai satu peneraju merealisasikan bahawa pandemik ini boleh ditangani dengan sebaik mungkin. Itu harapan saya. Di pihak, bagi saya, di pihak yang mungkin di separuh pinggiran bandar dan bandar ini, kita harap, kita di Selangor ini banyak satu susun lapis organisasinya, institusi, contohnya, kita pihak JAIS dan MAIS kita ada, bawah dia, kita ada masjid dan surau kita boleh salurkan, kita pusatkan kalau kita tidak mahu, di pihak Kerajaan Negeri tidak mahu, kita sebagai Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara, Dewan Negeri ini, untuk menyalurkannya. Kita nampak mungkin pihak masjid, surau, pihak kuil, pihak tokong, kita bagi dia saluran bantuan supaya keadaannya lebih neutral lebih berkecuali. Jadi, pihak-pihak, kita tahu rakyat sekarang ini begitu tertekan sekali, kadang hendak mengadu dengan YB adakala ini, susah juga, kadang dia fanatik, ada yang fanatik dia. Kadang kan, sungguhpun dia susah dia tidak mahu mengadu. Kita harap begitulah sebaliknya. Kita harap masalah rakyat ini kita fikir sebaik-baiknya, sehalus-halusnya. Jadi, kita gunakanlah institusi-institusi agama ini di bawah JAIS dan MAIS ini, bagikan kuasa pada pihak masjid, surau dan sebagainya, untuk dapat, tokong, kuil dan sebagainya dapat disalurkan bantuan ini sampai ke sasarannya. Itu harapan saya. Pihak Kerajaan Negeri memastikan supaya saluran-saluran dapat seterusnya dipergunakan dan kita ada rasa seperti mana Yang Berhormat memberitahu, bila kita tidak dapat beribadat dan sebagainya, tidak dapat ke surau ke masjid, kita ada satu tekanan perasaan tambah golongan-golongan yang warga emas seperti saya, bila tidak dapat tengok cucu, tidak

dapat dan sebagainya, jadi bila ada peranan surau dan masjid ini digunakan tokong atau kuil ini jadi mereka ini lebih menghargai keugamaan ini. Kita sekarang ini dalam keadaan kita mengadu, kita mengadu kepada Allah SWT, juga masing-masing punya pegangan, kita rasa inilah kepentingannya.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Yang Berhormat Semenyih, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Berkennaan dengan peranan institusi masjid ini, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Semenyih. Memandangkan kita sekarang ini telah banyak sektor-sektor yang dibuka dan telah pun ada kelonggaran untuk *dine in* makan, apa pandangan Yang Berhormat Semenyih kalau institusi masjid dan surau ini dibenarkan buka dan juga mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan dalam kapasiti yang mungkin dalam tahap 10% ataupun 10%-15% begitu, apa pandangan Yang Berhormat Semenyih?

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Panjang. Bagi saya, saya menyokong penuh apa juga ruang, kita nak tak nak naluri kita sebagai kita ada agama masing-masing, kita ada pegangan masing-masing, kepercayaan masing-masing, inilah ruang dan peluang sepatutnya dia ada beri ruang bila keadaan Kerajaan sekarang pun telah berjanji bila ada, telah ada lengkap dua (2) dos vaksinasi ini, kita beri ruang. Kita rasa inilah ruang dan peluang kita, rasa saya, sungguh kita mengejar kebendaan dan sebagainya di Selangor ini negeri maju tetapi dari segi keugamaan ini saya rasa itu perkara yang tindakan positif yang perlu difikirkan oleh Pihak Berkuasa khususnya Kerajaan Negeri. Ingin saya teruskan, sekali lagi bahawasanya dengan tindakan-tindakan yang lebih berbentuk rohani ini, saya rasa kita dapat sekurang-kurangnya mengurangkan banyak kes-kes kemurungan, kita pun tidak mahu kes bunuh diri dan sebagainya, ini kemungkinan kita dapat tangani bukan masalah psikologi kita terima, masalah psikologi, psikiatri dan sebagainya, tetapi masalah rohani ini kita rasa inilah ruang dan peluang diberi kepada pihak badan-badan agama masing-masing, merawati secara *indirect* atau *direct* terus. Dia rasa bila ada, niat kesyukuran, menerima apa juga bantuan daripada pihak Kerajaan Negeri khususnya, saya rasa ini lebih, lebih disyukuri atau dihargai.

Seterusnya, saya hendak meminta perhatian Dewan, kita selalu membangkitkan usul penghargaan kepada *frontliners* kita, barisan hadapan, termasuk kita sendirilah, Yang Berhormat ini mungkin tidak diiktiraf secara yang lebih formal tetapi *frontliners* ini khususnya, barisan KKM ya, Kementerian Kesihatan, doktor, jururawat dan semua sekali yang terlibat sampai ke pemandu ambulan, semua ya. Jadi, kita semua, semua orang berkata, semua pihak semua daripada atasan sampai ke bawah berterima kasih, merakamkan penghargaan dan sebagainya. Jadi, selain daripada penghargaan yang berbentuk material tetapi kita kena tengok pihak Kerajaan Negeri, di harap sama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan pada hari ini bersetuju dengan saya, bahawa masih ada tekanan dalaman, khususnya pihak, hatta, doktor kontrak ini, bukan doktor saya, ia terlibat pergigian dan farmasi. Kita, tuan-tuan telah tahu

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

dari pada 2016 lagi, setelah hampir 20,000 lebih tidak diserapkan, dia pun ada harapan, ada cita-cita. Ini golongan, hatta doktor perubatan ini, kontrak ini, memang tidak dapat, tuan-tuan untuk makluman, dia telah, dia punya HO nya, *Housemanship* nya dua (2) tahun, lepas itu, hanya dibenarkan tiga (3) tahun berkhidmat, lepas itu, tiada lagi dia punya penetapan jawatan. Jadi, kita harap tuan-tuan tahu inilah selain daripada kita, kekuatan kita, mentadbir dan sebagainya ini, barisan hadapan ini lah, barisan orang-orang muda ini ya tuan-tuan dan puan-puan Yang Berhormat tahu, Yang Berhormat Ahli Dewan semua tahu barisan doktor-doktor inilah yang jadi *frontliners* kita, yang menentukan corak kesihatan kita. Kita harap, saya setuju kalau tuan-tuan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bersetuju kita Kerajaan Negeri, kita sebulat suara pada hari ini menyokong usul bahawa dipertimbangkan usul memohon, mendesak Kerajaan Pusat untuk menyerapkan hatta doktor kontrak ini bagi meneruskan perkhidmatan dengan Kerajaan.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Itu kita sokong sangat-sangat Semenyih. Cuma kita harap kalau boleh, Semenyih lah bawa benda itu. Sebab Semenyih

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI : Dewan, hari ini kita dalam catatan rasmi kita, ya. Semenyih akan berusaha melalui Ketua Pembangkang kita, ya, *InshaAllah, InshaAllah*, mudah-mudahan.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Ya, ya, betul kita tahu. Semenyih kena kuat sikit melalak, maksudnya. Semenyih kena kuat sikit. Kalau Kerajaan Persekutuan tidak ambil benda itu, tidak laksanakan, kalau boleh Semenyih selepas ini berdiri atas meja itu.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI : Terima kasih Templer. Ya, itu harapan saya di atas kerjasama Yang Berhormat-Yang Berhormat semua

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Masa telah tamat Semenyih. Ya.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI : Terima kasih, saya ada perenggan terakhir saya, itulah, minta harapan kita bersama-sama saling kita mengatakan bahawa semua kebaikan daripada tuan-tuan, kebodohan bersama-sama kita tanggung. Jadi, kita harap dengan kebersamaan, pemikiran, tindakan dan cita-cita kita supaya Selangor ini menerajui dalam peperangan ini menjadi johan

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Semenyih.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI : Untuk menghapuskan

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sudah tamat. Sungai Pelek. Masa sudah tamat.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIIEW : Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Masa sudah habis.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIIEW : Sikit sahaja. Tadi ada Yang Berhormat di dalam perbahasannya katakan siapa musuh kita, ada orang kata jawapannya musuh kita adalah PAS, UMNO dan sebagainya. Saya ingin tanya pandangan Semenyih, apakah salahnya kalau kita dalam politik, kita anggap semua yang lawan kita yang bukan dalam parti kita sebagai *competitors* sebagai pesaing, bukan musuh. Bolehkah konsep ini diterima, kita sebagai orang politik kita seharusnya buang itu *attitude*, saya lebih suci, saya lebih bersih, kamu rasuah, kamu kotor dan sebagainya. *Holier than thou* itu *attitude*. Adakah Yang Berhormat Semenyih bersetuju dengan konsep ini. Kita ini *competitors* bukan musuh, apakah pandangan?

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek. Ialah dalam politik masing-masing ada masing-masing punya pegangan ya. Saya rasa kita dalam politik berbeza. Tetapi dalam perjuangan dalam membela rakyat, rasa saya kita tidak boleh nafikan. Kita boleh bekerjasama beri saya terutamanya dalam isu COVID-19-19 ini. Itu harapan saya, sekian saya bagi pihak Semenyih menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Semenyih, saya persilakan Yang Berhormat Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Dengkil lepas saya ok. Salam sejahtera semua, hari ini saya ingin membawakan beberapa isu dan pada isu pertama yang saya ingin bawa dalam perbahasan ini adalah untuk menyambung sesi soal jawab yang kita ada pada pagi ini berkenaan PJ Dispersal Link yang dijawab oleh Yang Berhormat Pandan Indah. Saya faham keperluan untuk kita membangunkan infrastruktur dan pembangunan adalah berterusan selagi kita adalah manusia yang hidup atas bumi ini. *We must have continuous improvement* dengan izin. Tetapi saya Cuma ingin membawa di sini pada hari ini satu perbincangan profesional tapi pandangan yang sedikit berbeza bahawa bukan semua pembangunan yang dicadangkan oleh pihak swasta adalah pembangunan yang baik dan membawa manfaat yang terbaik kepada rakyat. Ada yang bagus tetapi mungkin ada yang tidak berapa bagus.

Contohnya lebuh raya ada yang bagus East Coast Expressway saya rasa majoriti suka dengan pembangunan *highway* tersebut patut dijalankan. Tapi mungkin ada cadangan lebuh raya yang tidak berapa bagus dan pernah dalam sejarah Malaysia di tolak Lebuh Raya Kinrara Damansara pada tahun 2015 dan kita harus ada satu minda terbuka bahawa bukan semua projek adalah bagus dan bukan semua projek adalah

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

buruk. Dengan minda terbuka tersebut saya ingin bangunkan beberapa fakta berkenaan PJ Dispersal Link, cadangan yang dikemukakan kepada MTES tahun lepas yang telah keluar di surat khabar pun beberapa kali. Lebuh raya ini hampir tapi tidak 100% *similar* dengan KIDEX tetapi dia hampir serupa. Saya ini mengingatkan pada tahun 2015 saya dengan masa itu duduk di tempat Sungai Burong, Adun Permatang daripada UMNO. Kami banyak buat *sparing* berkenaan lebuh raya KIDEX ini. Antara fakta yang pada saya yang paling penting ialah trafik *impact* dari lebuh raya ini pada waktu tersebut membawa *improvement* hanya 2.6% daripada Puchong ke PJ mengikut trafik konsultan mereka. *The improvement is only 2.6 person* dengan izin. Dengan trafik *improvement* dalam Petaling Jaya, 1.3 *person* dan ini angka daripada mereka. Kalau lebuh raya ini tidak ada dan digantikan dengan trafik polis, saya rasa kita pun boleh mencapai prestasi yang lebih baik daripada pembinaan satu lebuh raya bertol yang gergasi.

Jadi untuk bergerak ke hadapan, saya harap Kerajaan boleh menilai lebuh raya ini dengan profesional. Saya harap Kerajaan boleh mengemukakan kepada orang awam. Apakah kriteria yang kita akan menilai semua projek-projek lebuh raya yang dicadangkan oleh pihak swasta. Saya dimaklumkan selain projek PJ Dilink ada lagi cadangan projek lebuh raya di Klang yang akan timbul dan mungkin di masa tahun-tahun yang akan datang, cadangan projek-projek lebuh raya lain di lembah Klang, apakah kriteria yang akan kita gunakan. *We should be transparent* dengan izin, kami hendak satu Kerajaan yang telus, *good governance* kita harus membuat keputusan projek mega berdasarkan satu *frame work*, so, apakah *frame work* tersebut mungkin hari ini tidak ada *frame work* tersebut tetapi saya harap Kerajaan Negeri, Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan sebagainya boleh membentuk *frame work* tersebut di mana kita akan menilai projek-projek ini dengan cara yang telus dan orang awam tidak akan rasa takut.

Yang kedua saya berterima kasih pada Yang Berhormat Pandan Indah kerana telah memberi keyakinan bahawa *public engagement* akan dibuat dan bukan pihak lebuh raya tetapi pihak JPBD yang akan mengendalikan. Saya ingin bertanya JPBD atau pun Kerajaan Negeri boleh mempamerkan apakah kriteria sebelum *public engagement* ini boleh dibuat. Adakah syarikat ini kena *siap traffic impact assessment, social impact assessment, environmental impact assessment* sebelum kita boleh membuat *engagement* tersebut supaya Stake Holder Stake Holder yang datang kepada *public engagement* tersebut ada maklumat dan ada peluang untuk memberi *feed back* yang *constructive* dengan izin.

Akhir sekali cadangan saya pada tahun 2014, MBPJ telah melantik satu syarikat *consultant traffic* untuk menilai lebuh raya KIDEX. Syarikat tersebut telah keluarkan satu *report* dan syor-syor *report* tersebut membantu Kerajaan Negeri untuk memutuskan untuk tidak meneruskan dengan lebuh raya tersebut. Saya berharap kali ini kita juga melantik perunding bebas, syarikat pemaju mesti ada perunding dia,

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

perunding dia mesti *support* projek ini. Amat mustahil perunding yang dilantik oleh syarikat tidak menyokong projek ini tetapi kalau kita melantik satu perunding bebas yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan saya kira beberapa ribu yang kita hendak bayar untuk perunding *is worth fake, this is 3.6 bilion ringgit* projek. Biar perunding bebas memberi pandangan adakah projek ini sesuai, tidak sesuai, apakah impak dia, apakah impak negatif dan positif dia.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Ya Yang Berhormat Bukit Gasing saya ingin mencelih. Saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat Bukit Gasing, sekiranya agensi-agensi di bawah Kerajaan Persekutuan meluluskan PJD Link tetapi kita mendapati bahawa PJD Link ini tidak mempunyai apa-apa kebaikan atau pun manfaat untuk mengurangkan kesesakan trafik. Pada pendapat Yang Berhormat Bukit Gasing adakah Kerajaan Negeri patut menolak projek tersebut, terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Pandangan saya jika kos *benefit at least* menunjukkan *benefit* kepada kita terlalu sedikit berbanding impak negatif terhadap masyarakat, *then* tidak wajar diteruskan. Dan saya rasa keputusan tersebut harus melalui proses yang saya cadangkan tadi dan saya harap Kerajaan Negeri boleh terima saranan ini yang saya rasa akan membawa kita kepada satu tahap *good governance* yang lebih baik.

Yang isu kedua saya ingin membangkitkan semula Public Transport Council Selangor. Pada tahun 2015 selepas KIDEX dibatalkan mantan Menteri Besar pada masa itu telah menubuhkan satu Public Transport Council, saya telah menghadiri satu daripada mesyuaratnya dan *council* tersebut saya rasa tidak aktif lagi. Pada pandangan saya kita harus lebih bersikap proaktif terhadap membangunkan pengangkutan awam di Negeri Selangor. Walaupun Kerajaan Persekutuan tidak memberikan kerjasama tetapi kita harus mempunyai perancangan kami dan kita harus mendesak Kerajaan Pusat dan satu cara kita boleh membangunkan perancangan kami adalah dengan satu *transport council* peringkat Negeri Selangor yang fokus dan bermesyuarat secara kerap untuk fokus untuk menyelesaikan dan membangunkan pengangkutan awam. Apabila sektor ekonomi membuka semula di Negeri Selangor, masalah trafik akan kembali di mana satu tahun setengah yang lepas tidak begitu berat tetapi *when the whole economic is open back*, masalah trafik ini akan timbul kembali.

Saya juga ingin bertanya di Dewan yang mulia pada hari ini berkenaan Kuala Langat Forest Reserved dengan izin. Apakah status sekarang adakah Kerajaan Negeri masih ingin meneruskan mewartakan hutan tersebut dan meneruskan pembangunan di atas tanah tersebut. Saya ingin bertanya apakah objektif pembangunan tanah tersebut memandangkan banyak-banyak tanah pembangunan komersial dan industri di Cyberjaya, di Shah Alam, di Subang Jaya, di Petaling Jaya masih lagi belum dibangunkan. *I think the private sector is not being held back from development.* Jadi

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

saya ingin faham kenapa Kerajaan Negeri ingin meneruskan jika Kerajaan Negeri ingin meneruskan.

Yang keempat berkenaan Selangor Test COVID-19, saya mengucapkan terima kasih Kerajaan Negeri Selangor yang pertama untuk umumkan hendak beri 60 ribu *test* kit percuma kepada rakyat Negeri Selangor. Saya ingin mencadangkan pada hari ini supaya kita juga selepas 65 ribu yang percuma ini, menjual atau pun membolehkan penjualan COVID-19 Test Kit Saliva ini dengan harga yang murah contohnya RM10 supaya dengan subsidi yang kecil ia adalah lebih *sustainable* untuk Kerajaan Negeri menjual beratus-beratus ribu atau pun berjuta-juta *test*. Kita menyarankan Ahli-ahli Dewan setiap pagi ambil *test* sebelum datang ke Dewan. Saya rasa banyak syarikat pun harus membuat ujian *at least* sekali seminggu. Penggunaan *test* kit ini sepatutnya lah meluas. So, di DUN Bukit Gasing saya sekarang menjual dengan harga subsidi kepada penduduk. Saya telah memberi subsidi supaya penduduk di Bukit Gasing boleh membeli *test* kit ini dengan harga yang murah.

Saya telah menjual hampir 3,000 *test* kit dalam *less than* satu minggu. Penduduk memang hendak *test* cuma tidak mampu beli bila RM40, beli dekat farmasi. Saya harap Kerajaan Negeri dengan keupayaan kewangan boleh beli dengan *box* dengan kuantiti yang besar dan boleh *subsidies* sedikit supaya dia lebih *sustainable* dan saya rasa hendak *supply* RM10 *test* kit kepada *public* di Negeri Selangor boleh menjadi kenyataan. Berapa? Saya tahu daripada supplier RM12 boleh dapat, *subsidies* RM2 sahaja boleh jalan. Dan kalau Kerajaan Negeri panggil open tender sebab di *list* MDA ini ada 13 syarikat dalam laman web. Antara 13 syarikat ini saya rasa mereka akan berebut untuk menjual 1 juta *test* kit kepada Kerajaan Negeri Selangor dan saya rasa mungkin lebih kurang daripada RM12 pun boleh dapat. Dan Kerajaan Negeri boleh jual dalam harga RM10 kepada semua rakyat. Sekarang di DUN Bukit Gasing saya jual RM10 tapi subsidi saya lebih besar sebab saya hanya beli 3 ribu kit bukan dalam sekitar 1 juta kit.

So, lets being ambitions, lets bring the price down. Kenapa di Germany 80 sen euro mereka boleh beli, kenapa di UK dia bagi *test* kit percuma, di Singapura dia bagi *test* kit percuma. *We can do it also* di Selangor, harga dia tidak begitu besar dan *last* sekali saya juga ingin bertanya, fasal kos vaksin. Dan kita mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Seri Serdang, RM127 juta dia belanjakan untuk membeli 1.25 million vaksin. Itu adalah RM101.60 bagi setiap dos vaksin yang dia beli daripada Pharma Niaga. Jawapan yang dia beri di Parlimen oleh Menteri pada 27 Julai baru-baru ini, 179.9 million dos telah dibeli. Ini tiga-tiga *brand* Astrazeneca, Pfizer dan Sinovac dengan harga 3.9 bilion ringgit. Kalau kita buat matematik yang mudah lebih kurang RM50 satu dos.

Jadi kenapa ada *disparity* harga yang besar, kenapa Pharma Niaga menjual kepada Kerajaan Negeri Selangor dalam satu harga yang jauh lebih tinggi daripada Kerajaan

26 OGOS 2021 (KHAMIS)

Persekutuan membeli vaksin mengikut jawapan yang telah diberi di Parlimen pada 27 Julai. Saya rasa ini adalah tidak adil apabila Kerajaan Negeri Selangor cuba membuat satu yang baik untuk rakyatnya. Pharma Niaga tidak boleh mengambil kesempatan dan cas kita lebih mahal. Kita pun bukan beli 100, 200 dos vaksin sahaja, kita beli dalam 1.25 million dose of vaccine. Jadi kenapa perkara ini boleh berlaku, saya harap sedikit pertanyaan boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri dan rakyat mendapat jawapan yang sebenar. Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 4:30 petang dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga hari esok 27 Ogos 2021 jam 9:30 pagi. 9:30 pagi esok ya, Dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 4.30 PETANG)